

PENILAIAN KURIKULUM BERDASARKAN MODEL
PENILAIAN CIPP BAGI MATA PELAJARAN PERNIAGAAN
SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH GOMBAK, SELANGOR

SHARIFAH NORFADELLA BINTI SYED AZMI

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2024

PENILAIAN KURIKULUM BERDASARKAN MODEL PENILAIAN CIPP BAGI MATA
PELAJARAN PERNIAGAAN SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH GOMBAK,
SELANGOR

SHARIFAH NORFADELLA BINTI SYED AZMI

DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN KEPERLUAN
BAGI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PERKEMBANGAN KURIKULUM)

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2024

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **SHARIFAH NORFADELLA BINTI SYED AZMI**
No. Pendaftaran/Matrik: **S2124797**

Nama Ijazah: **IJAZAH SARJANA (PERKEMBANGAN KURIKULUM)**

Tajuk ~~Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis~~ ("Hasil Kerja ini"):

**PENILAIAN KURIKULUM BERDASARKAN MODEL PENILAIAN CIPP BAGI MATA
PELAJARAN PERNIAGAAN SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH GOMBAK,
SELANGOR**

Bidang Penyelidikan: **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PERKEMBANGAN
KURIKULUM)**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hak cipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hak cipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 11/02/2024

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 11/3/24.

Nama:
Jawatan:

ABSTRAK

Kurikulum mata pelajaran Perniagaan sekolah menengah merupakan kurikulum yang mula diperkenalkan pada tahun 2017. Namun, wujud kelemahan yang menjadi cabaran dalam pelaksanaan kurikulum ini yang perlu dinilai semula. Penyelidikan ini dilaksanakan bertujuan untuk menilai pelaksanaan mata pelajaran Perniagaan dengan menggunakan Model Penilaian CIPP yang menilai aspek konteks berkaitan kesesuaian kandungan kurikulum berdasarkan matlamat dan objektif, aspek input berkaitan kesediaan guru dan pelajar serta peranan pentadbir, aspek proses berkaitan pengajaran dan pembelajaran (PdP), pentaksiran bilik darjah (PBD) dan kerja kursus, serta aspek produk meliputi tahap pengetahuan dan kemahiran serta perubahan sikap pelajar. Penyelidikan kuantitatif dan kualitatif digunakan sebagai reka bentuk kajian dengan menggunakan data tinjauan dan temu bual. Persampelan rawak berstrata digunakan bagi menentukan responden seramai 389 pelajar dan 32 guru di 32 buah sekolah menengah di daerah Gombak, Selangor manakala 3 responden temu bual dalam kalangan Ketua Panitia dan Guru Kanan Mata Pelajaran (GKMP). Perisian IBM SPSS Versi 26.0 digunakan untuk menganalisis data tinjauan manakala analisis tematik diaplikasikan untuk memproses data temu bual. Dapatan data tinjauan menunjukkan penilaian konteks dan input dari sudut kesediaan guru dan peranan pentadbir berada pada tahap yang tinggi manakala penilaian input dari sudut kesediaan pelajar, penilaian proses PdP, PBD dan kerja kursus serta penilaian produk merangkumi tahap pengetahuan, kemahiran dan perubahan sikap pelajar menunjukkan tahap sederhana. Ujian Spearman rho menunjukkan terdapat hubungan secara signifikan antara pengetahuan dan kemahiran dengan perubahan sikap. Dapatan analisis tematik menunjukkan peruntukan tempoh masa pelaksanaan kerja kursus kurang mencukupi dan peruntukan markah kerja kursus juga kurang realistik. Implikasinya, budaya pembelajaran abad ke 21 dan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), kemahiran guru, peranan pentadbir, tempoh

pelaksanaan kerja kursus dan peruntukan markah yang lebih relevan dicadangkan untuk penambahbaikan. Penggunaan kaedah pengumpulan data dan skop kajian yang berbeza dicadangkan untuk kajian masa hadapan.

Universiti Malaya

CURRICULUM EVALUATION BASED ON THE CIPP EVALUATION MODEL FOR HIGH SCHOOL BUSINESS SUBJECTS IN GOMBAK DISTRICT, SELANGOR

ABSTRACT

The high school Business subject is a curriculum that was first introduced in 2017. However, there are weaknesses that have become a challenge in the implementation of this curriculum that needs to be re-evaluated. This research was carried out with the aim of evaluating the implementation of Business subjects by using the CIPP Evaluation Model which evaluates aspects of the context related to the appropriateness of curriculum content based on goals and objectives, aspects of input related to the readiness of teachers and students and the role of administrators, aspects of the process related to teaching and learning (PdP), classroom assessment (PBD) and course work, as well as product aspects covering the level of knowledge and skills as well as changes in student attitudes. Quantitative and qualitative research were used as a research design by using survey and interview. Stratified random sampling was used to determine respondents consists of 389 students and 32 teachers in 32 high schools in Gombak district, Selangor while 3 interview respondents were among Committee Leaders and Senior Subject Teachers (GKMP). IBM SPSS Version 26.0 software was used to analyze the survey data while thematic analysis was applied to process the interview data. The results of the survey data show that the evaluation of context and input from the point of view of teacher readiness and the role of administrators is at a high level while the evaluation of input from the point of view of student readiness, the process evaluation of the PdP, PBD and course work as well as the product evaluation includes the level of knowledge, skills and changes in student attitudes show at a moderate level. The Spearman rho test shows that there is a significant relationship between knowledge and skills with the change of student attitude. The findings of the thematic analysis show that the allocation of time for coursework is

insufficient and the allocation of coursework marks is also less realistic. The implications, the learning culture of the 21st century and the use of information and communication technology (ICT), teacher skills, the role of administrators, the duration of course work and the allocation of relevant marks are suggested for improvement. The use of different data collection methods and research scope are suggested for future studies.

Universiti Malaya

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, saya telah menyempurnakan kajian ini dengan jayanya.

Melalui kesempatan yang ada ini, saya berbesar hati untuk menyatakan jutaan penghargaan terima kasih kepada Profesor Dr. Norlidah Alias selaku penyelia kerana telah memberi bimbingan secara berterusan sepanjang menyiapkan kajian ini.

Saya juga ingin merakamkan setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada suami saya, Encik Mohd Afdzal Jamalluddin yang menjadi tulang belakang saya dengan sentiasa memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada saya sepanjang pengajian saya di Universiti Malaya terutama semasa menjalankan kajian. Tidak lupa juga kepada kedua-dua ibu bapa saya, Encik Syed Azmi Syed Kamaruddin dan Puan Nizan Naimoon yang tidak putus mendoakan dan memberikan kata-kata motivasi. Sesungguhnya saya amat memerlukan doa, sokongan dan dorongan daripada kalian yang sentiasa menaikkan semangat saya untuk menyelesaikan kajian saya.

Tidak lupa juga buat kedua-dua anakanda saya, Muhammad Aidil Darwisy Mohd Afdzal dan Muhammad Aidil Daniyal Mohd Afdzal, terima kasih sentiasa memahami situasi dan menitipkan doa yang tidak putus buat bonda mereka. Sesungguhnya, apa yang bonda peroleh pada tahap ini adalah berkat pengorbanan dan sokongan yang tidak terhingga dan hanya Allah sahaja yang mampu membalas kebaikan kalian semua.

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut sama saling membantu dan bertukar buah fikiran sepanjang melengkapkan kajian ini. Sesungguhnya, perjalanan sebagai pelajar pasca siswazah amat memerlukan kumpulan sokongan bagi mengekalkan momentum untuk menyelesaikan

kajian ini. Semoga ilmu yang dikongsi dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya terutama dalam bidang lapangan.

Sekian.

SHARIFAH NORFADELLA BINTI SYED AZMI

Universiti Malaya

KANDUNGAN

	Muka Surat
Perakuan Keaslian Penulisan	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	vii
Kandungan	ix
Senarai Jadual	xiv
Senarai Rajah	xvii
Senarai Singkatan	xviii
Senarai Lampiran	xx
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Tujuan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian	10
1.5.1 Penilaian Konteks	10
1.5.2 Penilaian Input	10
1.5.3 Penilaian Proses	11
1.5.4 Penilaian Produk	11
1.6 Persoalan Kajian	11
1.6.1 Penilaian Konteks	12
1.6.2 Penilaian Input	12
1.6.3 Penilaian Proses	12
1.6.4 Penilaian Produk	13

1.7	Hipotesis Kajian	13
1.8	Rasional Kajian	13
1.9	Kepentingan Kajian	14
1.10	Limitasi Kajian	16
1.11	Definisi Istilah	16
1.11.1	Penilaian Kurikulum	17
1.11.2	Kurikulum Mata Pelajaran Perniagaan	17
1.11.3	Sekolah Menengah	17
1.11.4	Model Penilaian CIPP	18
1.11.5	Kesediaan Guru	18
1.11.6	Kesediaan Pelajar	18
1.11.7	Peranan Pentadbir	18
1.11.8	Proses pengajaran dan Pembelajaran	19
1.11.9	Proses Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)	19
1.11.10	Proses Pelaksanaan Kerja Kursus Perniagaan	19
1.11.11	Tahap Penguasaan Pengetahuan	20
1.11.12	Tahap Penguasaan Kemahiran	20
1.11.13	Perubahan Sikap Pelajar	20
1.12	Rumusan	20

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	22
2.2	Konsep dan Definisi Perniagaan	22
2.3	Pendidikan Perniagaan di Negara-negara Maju	25
2.4	Pendidikan Perniagaan di Negara-negara Asia	30
2.5	Perkembangan Kurikulum Mata Pelajaran Perniagaan Sekolah Menengah di Malaysia	32
2.6	Teoritikal Kajian	45
2.6.1	Model Perantisan Kognitif	45
2.6.2	Model Penilaian Kurikulum	50

2.6.2.1	Konsep Penilaian	50
2.6.2.2	Konsep Model Penilaian Pendidikan	53
2.7	Kajian berkaitan dengan Pelaksanaan Kurikulum Mata pelajaran Perniagaan	59
2.8	Kerangka Konseptual Kajian	71
2.9	Rumusan	74

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	75
3.2	Reka bentuk Penyelidikan	75
3.3	Populasi	77
3.4	Sampel Kajian	78
3.4.1	Sampel Kajian bagi Kaedah Tinjauan	78
3.4.2	Sampel Kajian bagi Kaedah Temu Bual	80
3.5	Instrumen Kajian	81
3.5.1	Instrumen Soal Selidik	82
3.5.2	Instrumen Temu bual	86
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	86
3.7	Kajian Rintis	88
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	90
3.9	Penganalisan Data	92
3.10	Prinsip dan Prosedur Beretika dalam Kajian	105
3.11	Rumusan	107

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	109
4.2	Profil Responden	109
4.2.1	Profil Responden Pelajar	109

4.2.2	Profil Responden Guru	110
4.3	Dapatan Data Tinjauan	112
4.3.1	Penilaian Konteks	113
4.3.2	Penilaian Input	116
4.3.3	Penilaian Proses	122
4.3.4	Penilaian Produk	128
4.4.	Dapatan yang Mengkaji Hubungan Antara Pemboleh Ubah dalam Penilaian Produk	133
4.4.1	Mengkaji Hubungan antara Tahap Penguasaan Pengetahuan dan Perubahan Sikap	133
4.4.2	Mengkaji Hubungan antara Tahap Penguasaan Kemahiran dan Perubahan Sikap	134
4.5	Dapatan Temu Bual	135
4.5.1	Penilaian Konteks	136
4.5.2	Penilaian Input	139
4.5.3	Penilaian Proses	146
4.5.4	Penilaian Produk	152
4.6	Pengintegrasian Dapatan Data Tinjauan dan Data Temu Bual	156
4.7	Rumusan	163
BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN		
5.1	Pengenalan	164
5.2	Ringkasan Kajian	164
5.3	Perbincangan Hasil Dapatan	165
5.3.1	Penilaian Konteks	165
5.3.2	Penilaian Input	171
5.3.3	Penilaian Proses	179
5.3.4	Penilaian Produk	186
5.4	Implikasi Kajian	191
5.4.1	Implikasi Kurikulum	192

5.4.2 Implikasi Teoritikal	194
5.4.3 Implikasi Amalan	195
5.5 Cadangan	197
5.5.1 Cadangan Kepada Pelajar	198
5.5.2 Cadangan Kepada Guru	198
5.5.3 Cadangan Kepada Pentadbir	199
5.5.4 Cadangan Kepada KPM	199
5.6 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	200
5.7 Kesimpulan	201
RUJUKAN	202
LAMPIRAN	217

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka surat
Jadual 2.1	Kandungan Mata Pelajaran KSSM MPEI Perniagaan Mengikut Jumlah Jam	42
Jadual 2.2	Tahap Pemikiran KBAT dalam Kurikulum Perniagaan	44
Jadual 2.3	Analisis berkaitan dengan Kajian Pendidikan Perniagaan Dan Keusahawanan Berdasarkan Model Penilaian CIPP (Stufflebeam, 1971)	70
Jadual 3.1	Taburan Populasi dan Sampel bagi Pelajar dan Guru Mata Pelajaran	77
Jadual 3.2	Taburan Sampel Kajian bagi Temu bual Separa Struktur	81
Jadual 3.3a	Instrumen Soal Selidik Elemen Penilaian yang Diadaptasi Daripada Pengkaji Lepas (Soal Selidik Untuk Guru)	83
Jadual 3.3b	Instrumen Soal Selidik Elemen Penilaian yang Diadaptasi daripada Pengkaji Lepas (Soal Selidik Untuk Pelajar)	84
Jadual 3.4	Penerangan Skala Soal Selidik Guru dan Pelajar	84
Jadual 3.5	Rumusan Item Instrumen Kajian Mengikut Jenis Sampel dan Kaedah Pengumpulan Data	85
Jadual 3.6	Struktur Instrumen Protokol Temu bual	86
Jadual 3.7	Nilai Pekali Alpha Cronbach Soal Selidik Pelajar	89
Jadual 3.8	Nilai Pekali Alpha Cronbach Soal Selidik Guru	90
Jadual 3.9	Skala Likert Lima Mata dan Skor	93
Jadual 3.10	Tiga Pemeringkatan Skala Likert	94
Jadual 3.11	Interpretasi Skor Min	94
Jadual 3.12	Panduan Pengekodan Transkripsi Temu bual	95

Jadual 3.13	Contoh Pengekodan Transkripsi Temu bual	95
Jadual 3.14	Nilai Kekuatan Pekali Korelasi	98
Jadual 3.15	Matriks Kajian	98
Jadual 3.16	Kaedah Pengintegrasian Data Kuantitatif dan Kualitatif	101
Jadual 4.1	Taburan Responden Pelajar Mengikut Jantina dan Kaum di Sekolah Menengah Daerah Gombak yang Mengambil Mata Pelajaran Perniagaan Sebagai Mata Pelajaran Elektif dalam Peperiksaan SPM	110
Jadual 4.2	Taburan Responden Guru Mengikut Jantina dan Pengalaman Mengajar Subjek Perniagaan di Sekolah Menengah Daerah Gombak	111
Jadual 4.3	Taburan Responden Guru bagi item Respon Berganda berkaitan dengan Peringkat Penyertaan Kursus, Seminar dan Bengkel serta Sumbangan Guru Perniagaan	112
Jadual 4.4	Skor Min dan Sisihan Piawai Kesesuaian Kandungan Mata Pelajaran Perniagaan Berdasarkan Matlamat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)	114
Jadual 4.5	Skor Min dan Sisihan Piawai Kesesuaian Kandungan Mata Pelajaran Perniagaan Berdasarkan Objektif dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)	115
Jadual 4.6	Skor Min dan Sisihan Piawai tahap Kesediaan Guru Terhadap Proses Pengajaran Mata Pelajaran Perniagaan	117
Jadual 4.7	Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Kesediaan Pelajar Terhadap Proses Pembelajaran Mata Pelajaran Perniagaan	120
Jadual 4.8	Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Peranan Pentadbir Terhadap Kurikulum Mata Pelajaran Perniagaan	121
Jadual 4.9	Skor Min dan Sisihan Piawai Proses Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	123
Jadual 4.10	Skor Min dan Sisihan Piawai Proses pentaksiran Bilik Darjah (PBD)	125
Jadual 4.11	Skor Min dan Sisihan Piawai Proses Pelaksanaan Kerja Kursus	127

Jadual 4.12	Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Penguasaan Pengetahuan Pelajar	129
Jadual 4.13	Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Kemahiran Pelajar	130
Jadual 4.14	Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Perubahan Sikap Pelajar	132
Jadual 4.15	Ujian Spearman Rho yang Mengkaji Hubungan antara Tahap Pengetahuan dan Perubahan Sikap Pelajar terhadap Mata Pelajaran Perniagaan	134
Jadual 4.16	Ujian Spearman Rho yang Mengkaji Hubungan antara Tahap Kemahiran dan Perubahan Sikap Pelajar terhadap Mata Pelajaran Perniagaan	135
Jadual 4.17	Pengintegrasian Dapatan Tinjauan dan Dapatan Temu Bual	157

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka surat
Rajah 2.1	Model Kurikulum Tyler	35
Rajah 2.2	Model Penilaian CIPP Berkonsepkan ' <i>Decision Making in Evaluation</i> '	58
Rajah 2.3	Kerangka Konseptual Kajian Penilaian Kurikulum Perniagaan Sekolah Menengah. Adaptasi daripada Model Penilaian CIPP oleh Stufflebeam (1971)	72
Rajah 3.1	Ilustrasi Teknik Persampelan Kajian	79
Rajah 3.2	Prosedur Pengumpulan Data	91
Rajah 3.3	Proses Memahami Data Temu bual	96
Rajah 3.4	Proses Mengkategorikan Data Temu bual	97
Rajah 5.1	Perkaitan antara Aspek Kandungan dan Objektif oleh Tyler (1949)	170
Rajah 5.2	Model Penilaian Kurikulum Mata Pelajaran Perniagaan	194

SENARAI SINGKATAN

4IR	Revolusi Industri 4.0
BPPDP	Bahagian Pembangunan, Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
CIPP	Context Input Process Product
DSKP	Dokumen Standard Sekolah Menengah
EMK	Elemen Merentas Kurikulum
eRAS 2.0	Educational Research Application System
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GKMP	Guru Kanan Mata Pelajaran
GPMP	Gred Purata Mata Pelajaran
GUESS	Global University Entrepreneurial Spirit Student's Survey
IPT	Institut Pengajian Tinggi
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KP	Ketua Panitia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LINUS	Literacy and Numeracy Screening
LP	Lembaga Peperiksaan
MPEI	Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas
MPV	Mata Pelajaran Vokasional
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah

PBL	Pembelajaran Berasaskan Masalah
PCG	Geran Per Kapita
PdP	Pengajaran dan pembelajaran
PLC	Professional Learning Community
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
RMK-12	Rancangan Malaysia Ke Dua Belas
S.P	Sisihan Piawai
SKPMg2	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	Statistical Package for Social Sciences
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
TOV	Take-off-value
TP	Tahap Penguasaan
TVET	Pendidikan Teknik dan Vokasional

SENARAI LAMPIRAN

		Muka Surat
A	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada EPRD	217
B	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada JPN Selangor	218
C	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada PPD Gombak	219
D	Soal Selidik Bagi Pelajar	220
E	Soal Selidik Bagi Guru	229
F	Protokol Temu bual	240
G	Surat Lantikan Pakar	242
H	Borang Penilaian Pakar bagi Pengesahan Instrumen Kajian	245
I	Transkrip Temu bual	254

Universiti Malaysia

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Dalam menyusuri arus pemodenan dunia hari ini ke arah negara berpendapatan tinggi dan kestabilan ekonomi yang mampan, Malaysia perlu mempersiapkan dan memperlengkapkan modal insan dalam melahirkan generasi yang berpengetahuan, berkemahiran dan berketerampilan sebagai persediaan untuk mendepani cabaran global terutama dalam perkembangan ekonomi. Justeru, sistem pendidikan yang ditawarkan pada hari ini perlu bergerak seiring dan seirama mengikut rentak arus pemodenan bagi membolehkan modal insan yang dihasilkan melalui sistem pendidikan kebangsaan mampu bertahan dan berdaya saing dalam pasaran kerjaya setelah mereka keluar daripada sistem pendidikan atau setelah mereka menamatkan persekolahan mereka.

Hala tuju dasar-dasar negara sudah pastinya dibina seiring dengan aspirasi negara seperti mana yang diharapkan. Umpamanya, Dasar Revolusi Industri 4.0 (4 IR) yang memberi perhatian khusus kepada kesejahteraan rakyat melalui pemupukan tenaga manusia, mengasah kompetensi dan meningkatkan kemahiran bagi membentuk pembangunan manusia. Hal ini jelas membuktikan kualiti modal insan merupakan faktor kritikal ke arah pembangunan manusia walaupun negara berkebolehan mengilhami dan mengaplikasikan teknologi canggih sekalipun. Di bawah Dasar 4IR ini, negara akan menyokong penggunaan teknologi dan inovasi yang akan memanfaatkan tiga unit utama dalam ekonomi iaitu masyarakat, perniagaan dan kerajaan (Unit Perancang Ekonomi, 2021a).

Namun, dalam usaha untuk menyokong dan merealisasikan Dasar 4IR, terdapat beberapa cabaran yang memerlukan perubahan serta anjakan paradigma khususnya dalam pendidikan. Pertama, pemikiran masyarakat berinovasi merupakan prasyarat bagi kejayaan Dasar 4IR dan kedua bakat masa hadapan perlu bersedia menghadapi 4IR yang memerlukan mereka menguasai set kemahiran yang menjadi cabaran dalam pendekatan pendidikan pada hari ini. Justeru, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia menjadi platform untuk menyediakan bakat-bakat masa hadapan melalui sistem pendidikan yang berkualiti dalam melahirkan modal insan yang memenuhi aspirasi negara. Modal insan yang terhasil melalui perancangan di bawah PPPM 2013-2025 merupakan generasi yang akan mengadaptasi dasar-dasar nasional seperti Dasar 4IR. Bagi memastikan negara Malaysia bersedia untuk mengorak ke arah Revolusi Industri 4.0 yang benar-benar mencapai objektif makroekonomi negara, persediaan modal insan perlulah diberi penekanan oleh institusi pendidikan dimulai dengan peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan pengajian tinggi. Proses peralihan setiap peringkat perlu dirancang secara teliti supaya wujud kesinambungan bagi setiap peringkat dalam bidang ilmu pengetahuan untuk memastikan hasrat mengupayakan sumber manusia di peringkat antarabangsa akan terlaksana.

Menyusuri era moden abad ini menjadi cabaran kepada negara bukan sahaja berhadapan dengan perubahan dalam perkembangan teknologi yang pesat malahan sistem pendidikan juga turut tidak ketinggalan mengalami perubahan yang drastik selari dengan keperluan industri masa kini. Dasar-dasar pembangunan negara yang dilaksanakan masih belum menampakkan lagi kejayaan negara dalam usaha menangani cabaran sosioekonomi yang dilihat perlu diambil perhatian yang lebih serius. Antara cabaran yang dihadapi negara pada masa ini adalah ketidaksamaan

dalam kumpulan pendapatan, kadar pengangguran yang tinggi dalam kalangan belia, kenaikan kos sara hidup dan industri yang tertumpu kepada rantaian nilai pengeluaran yang rendah. Mendepani cabaran ini bukan satu perkara yang mudah kerana perancangan yang teliti perlu diperhalusi dan menjadi tanggungjawab semua pihak lapisan masyarakat untuk menyokong dan memainkan peranan masing-masing.

Dalam era globalisasi dunia tanpa sempadan hari ini, pendidikan dilihat sebagai medium mempersiapkan modal insan dalam mendepani cabaran kerjaya pada masa hadapan. Pendidikan tidak lagi berfokus kepada pengetahuan semata-mata sebaliknya menekankan pelbagai kemahiran abad ke 21 iaitu kemahiran yang mempersiapkan pelajar dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam industri serta perubahan inovasi seiring dengan kemajuan sains dan teknologi. Malaysia juga tidak ketinggalan membuat perubahan dalam sistem pendidikan negara apabila kurikulum kebangsaan baharu iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dilaksanakan mulai tahun 2017 bagi mengambil alih Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) supaya pendidikan yang ditawarkan kepada generasi hari ini adalah relevan bagi memenuhi tuntutan dan keperluan kerjaya pada masa kini. Kita tidak boleh lagi menawarkan pendidikan yang tidak selari dengan perubahan arus dan peredaran masa kerana dikhuatiri generasi yang bakal menerajui negara tidak berkemampuan yang akhirnya akan merugikan negara. Penggubalan kurikulum baharu KSSM adalah bertitik tolak daripada semakan kurikulum lama seperti mana yang telah disarankan dalam Gelombang Kedua PPPM 2015-2020 dengan menetapkan sasaran yang perlu dihasilkan dari aspek kualiti, ekuiti dan akses dalam tempoh masa 13 tahun (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Matlamat utama KSSM berfokus kepada pertumbuhan individu secara komprehensif dan holistik dari konteks jasmani, emosi, rohani dan kecerdasan minda supaya modal insan yang dilahirkan pada generasi akan datang lebih bermoral, harmonis, beranalitik, berimaginatif, inovatif dan memiliki kemahiran insaniah sebagai persediaan menghadapi perubahan era moden. Gabungan komponen pengetahuan, kemahiran dan nilai yang terkandung dalam kurikulum kebangsaan disepadukan dalam aktiviti akademik dan kokurikulum di sekolah. Kurikulum baharu ini dilihat lebih menyeluruh dan holistik dalam usaha untuk membangunkan anggota masyarakat yang terampil dan berpengetahuan, berkemahiran serta memiliki sahsiah yang baik.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kurikulum Mata Pelajaran Perniagaan adalah Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) yang ditawarkan kepada pelajar Tingkatan 4 di sekolah menengah pada tahun 2017 (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Kurikulum Perniagaan merupakan mata pelajaran di bawah KSSM yang juga merupakan salah satu mata pelajaran menggantikan salah satu daripada sepuluh mata pelajaran elektif dalam KBSM iaitu mata pelajaran Perdagangan. Kurikulum ini dibangunkan sesuai dengan tuntutan industri pada masa akan datang yang mana bidang ilmu pengetahuannya lebih luas, relevan dan moden untuk memenuhi keperluan dan teknologi semasa bagi membolehkan pelajar bersaing di peringkat global setelah mereka tamat daripada sistem persekolahan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Matlamat dalam kurikulum Perniagaan adalah menyediakan pelajar dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai perniagaan ke arah menjadi pengguna yang bijak, pekerja atau pengusaha yang kompeten, berkeyakinan dan bersikap positif, beretika dan menjadi warganegara yang bertanggungjawab demi kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan negara (Bahagian Pembangunan

Kurikulum, 2016). Mata pelajaran ini memperuntukkan masa belajar sebanyak 96 jam setahun (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

Seiring dengan objektif KSSM mata pelajaran Perniagaan, pelajar perlulah menguasai pengetahuan mendalam, keterampilan yang relevan dan nilai-nilai yang terkait dengan dunia perniagaan bagi membolehkan mereka menjadi ahli perniagaan yang berpotensi yang menyokong pertumbuhan individu, keluarga, komuniti dan negara. Selain menekankan kemahiran abad ke 21, kemahiran asas yang menjadi fokus utama dalam subjek KSSM mata pelajaran Perniagaan termasuklah kemahiran berkomunikasi, kepimpinan, perakaunan dan mengurus yang mana kurikulum ini memberi galakan dalam mencetuskan idea dan kreativiti sebagai persediaan untuk memulakan perniagaan. Kurikulum mata pelajaran Perniagaan membolehkan pelajar didedahkan dengan kemahiran keusahawanan yang mana ciri dan amalan usahawan seperti berdaya saing, kreatif dan inovatif, bijak merebut peluang, berani mengambil risiko, bijak mengurus perbelanjaan dan dapat mengaplikasikan teknologi secara optimum menjadi fokus utama dalam proses mengajar dan belajar.

Perniagaan merupakan bidang yang terbesar yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara (Unit Perancang Ekonomi, 2021b). Jika dilihat daripada konteks pendidikan di luar negara, banyak negara telah menyerap pendidikan berkaitan dengan perniagaan sejak di peringkat rendah lagi kerana banyak negara mengakui akan kepentingan pendidikan ini kepada individu, masyarakat dan negara untuk membangun lebih ramai usahawan dalam memacu pertumbuhan perniagaan yang lebih mampan. Pendidikan berkaitan perniagaan memberi pendedahan kepada pelajar bagaimana menguruskan aktiviti perniagaan supaya lebih berdaya saing kerana

perniagaan yang mampan bukan sahaja memberi fokus kepada keuntungan semata-mata tetapi memerlukan kemahiran-kemahiran keusahawanan untuk mengendalikan aktiviti perniagaan bagi membolehkan perniagaan tersebut produktif dan memberi penciptaan nilai yang memberi sumbangan kepada masyarakat (Lackeus, 2015). Aktiviti perniagaan memerlukan seseorang untuk menguasai pelbagai kemahiran dalam perniagaan untuk memastikan perniagaan yang dibangunkan menjadi lebih mampan dan berdaya saing. Melalui pendidikan dalam bidang perniagaan, pelajar akan didedahkan dengan pelbagai kemahiran seperti kemahiran keusahawanan, mencipta nilai tambah, perakaunan, mengurus, komunikasi dan kepimpinan yang menjadi keutamaan dalam bidang perniagaan.

Rentetan daripada keperluan sistem pendidikan yang perlu seiring dengan hasrat dalam dasar pembangunan negara iaitu melahirkan lebih ramai usahawan sebagai usaha untuk menyokong pertumbuhan ekonomi negara selain dapat mengurangkan kebergantungan graduan untuk bekerja dengan majikan awam mahupun swasta, adalah menjadi satu keperluan untuk menjalankan kajian ini iaitu dengan memberi fokus kepada penilaian kurikulum KSSM Perniagaan di sekolah menengah memandangkan matlamat awal mewujudkan mata pelajaran elektif Perniagaan adalah menyediakan pelajar dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk memulakan perniagaan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015). Selain itu, kurikulum mata pelajaran Perniagaan di sekolah menengah dijangka boleh membantu pelajar lepasan sekolah untuk mengikuti atau melanjutkan pengajian mereka di peringkat pengajian tinggi dalam bidang perniagaan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015). Hal ini menunjukkan sistem pendidikan mempunyai kesinambungan daripada pelbagai peringkat pengajian bermula di sekolah dan seterusnya di peringkat pengajian tinggi. Justeru, satu kajian berkaitan penilaian kurikulum mata pelajaran Perniagaan sekolah

menengah dijalankan untuk menilai tahap pelaksanaannya yang masih berjalan hingga ke hari ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Pengajaran dan pembelajaran kurikulum mata pelajaran Perniagaan dilaksanakan berdasarkan amalan berorientasikan perusahaan yang mana amalan ini membolehkan pelajar didedahkan dengan budaya keusahawanan serta pengukuhan pengetahuan melalui pembelajaran berasaskan pengalaman (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Hal ini adalah selari dengan hasrat kurikulum mata pelajaran Perniagaan untuk menjadikan perniagaan sebagai pilihan kerjaya yang sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada majikan dan mampu bersaing di peringkat global. Matlamat dan objektif kurikulum mata pelajaran Perniagaan adalah bertujuan untuk menyediakan pelajar dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam perniagaan, meningkatkan kefahaman dan minat pelajar dalam perniagaan serta membina kesediaan pelajar untuk memulakan perniagaan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016).

Namun, terdapat cabaran yang menjadi penghalang untuk mencapai matlamat dan objektif tersebut apabila bidang perniagaan menjadi bidang bukan pilihan sebagai peluang pekerjaan pada masa akan datang dalam kalangan pelajar (Nasihah Sulaiman et al., 2018; Noor Aznaim Abd Latib et al., 2021; Sarmila Md Sum et al., 2021; Siti Hawa Suhaili & Nurfaradilla Mohamad Nasri, 2021). Selain itu, tahap kesediaan guru dalam melaksanakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) semasa sesi pembelajaran adalah rendah (Bernard Tahim Bael et al., 2021). Menurut Siti Hawa dan Nurfaradilla (2021), pelajar menengah rendah menyedari elemen keusahawanan yang dipelajari

melalui standard kandungan mata pelajaran di menengah rendah namun mereka tidak berminat untuk mempelajarinya atau menjadikan bidang ini sebagai kerjaya pada masa akan datang. Dapatan ini menunjukkan berlaku cabaran dalam melaksanakan mata pelajaran Perniagaan dalam kalangan pelajar setelah mereka berada di tingkatan empat. Pengetua merupakan pemimpin pasukan di sekolah yang sentiasa memerlukan pembaharuan dan keterbukaan dalam perbincangan selain perlu sentiasa meningkatkan kecekapan dalam membuat keputusan dan menyelesaikan krisis atau masalah. Namun, wujud kebimbangan apabila pentadbir sekolah didapati tidak dapat mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru dan sekali gus kurang membantu guru mereka menyelesaikan masalah yang dihadapi (Dina Amira & Mohamad Yusoff, 2019). Pengajaran dan pembelajaran (PdP) abad ke 21 merupakan inisiatif daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di bawah PPPM 2013-2025. Walau bagaimanapun, menurut Norazlin dan Siti Rahaimah (2019), guru berhadapan dengan cabaran PdP abad ke 21 seperti kekangan masa, pengetahuan yang kurang mencukupi dan kemudahan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) yang terhad. Sementara itu, komponen pentaksiran bilik darjah (PBD) merupakan standard pentaksiran yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang dinilai berdasarkan tahap penguasaan bagi topik yang diuji. Namun menurut Tan dan Azlin Norhaini Mansor (2020), terdapat cabaran dari aspek kekangan masa dan bebanan tugas dalam pelaksanaan PBD. Pelaksanaan tugas kerja kursus dalam mata pelajaran Perniagaan memerlukan bimbingan guru sebagai fasilitator yang mana pelajar dibimbing oleh guru mereka dalam menyelesaikan tugas mereka. Walau bagaimanapun, berdasarkan Kalai Selvan (2018), guru didapati kurang memahami amalan *scaffolding* iaitu kaedah guru sebagai pembimbing dalam pelaksanaan projek atau tugas.

Selain itu, berdasarkan laporan analisis keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tahun 2018 hingga 2021, tahap pencapaian mata pelajaran Perniagaan masih dilihat kurang memberangsangkan berdasarkan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) dengan bacaan indeks antara 5.70 hingga 6.09 (Lembaga Peperiksaan, 2018, 2019, 2020, 2021). Pencapaian mata pelajaran dalam SPM mengambil kira tahap penguasaan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diukur dengan menggunakan indeks GPMP. Laporan ini menggambarkan bahawa tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan masih di tahap sederhana lemah. Antara cabaran besar dalam pendidikan perniagaan dan keusahawanan negara adalah penerapan pengetahuan dan kemahiran serta memupuk sikap dan minat dalam kalangan pelajar dalam meningkatkan kesedaran keusahawanan (Wan Naqiyah & Rohana, 2021).

Berdasarkan dapatan kajian terdahulu, beberapa kelemahan dalam proses pelaksanaan kurikulum perlu dinilai semula untuk penambahbaikan. Tambahan pula, sejak tahun 2017 mata pelajaran ini diperkenalkan di bawah KSSM, belum pernah kajian empirikal yang melibatkan penilaian kurikulum mata pelajaran Perniagaan sekolah menengah secara menyeluruh yang membekalkan maklumat kepada pembuat keputusan dijalankan. Oleh itu, adalah kritikal kajian penilaian ini dijalankan. Berdasarkan masalah atau cabaran yang ditemui daripada kajian lepas, kajian penilaian kurikulum mata pelajaran Perniagaan ini mengadaptasi Model Penilaian CIPP oleh Stufflebeam (1971) yang meliputi penilaian elemen konteks, input, proses dan produk memandangkan model penilaian ini lebih sesuai untuk menilai kurikulum secara menyeluruh dan sesuai menilai bagi kurikulum yang sedang berjalan.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menilai kurikulum mata pelajaran Perniagaan Tingkatan 4 di sekolah menengah berdasarkan Model Penilaian CIPP.

1.5 Objektif Kajian

Secara khususnya, objektif kajian yang dijalankan adalah seperti berikut:

1.5.1 Penilaian Konteks

- 1.5.1.1 Menilai kesesuaian kandungan kurikulum mata pelajaran Perniagaan berdasarkan matlamat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). (RO1)
- 1.5.1.2 Menilai kesesuaian kandungan kurikulum mata pelajaran Perniagaan berdasarkan objektif dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). (RO2)

1.5.2 Penilaian Input

- 1.5.2.1 Mengukur tahap kesediaan guru terhadap proses pengajaran mata pelajaran Perniagaan. (RO3)
- 1.5.2.2 Mengukur tahap kesediaan pelajar terhadap proses pembelajaran mata pelajaran Perniagaan. (RO4)
- 1.5.2.3 Mengukur tahap peranan pentadbir terhadap kurikulum mata pelajaran Perniagaan di sekolah menengah. (RO5)

1.5.3 Penilaian Proses

1.5.3.1 Menilai proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Perniagaan.
(RO6)

1.5.3.2 Menilai proses pentaksiran bilik darjah bagi mata pelajaran Perniagaan.
(RO7)

1.5.3.3 Menilai proses pelaksanaan kerja kursus mata pelajaran Perniagaan. (RO8)

1.5.4 Penilaian Produk

1.5.4.1 Mengenal pasti tahap penguasaan pengetahuan dalam kalangan pelajar tingkatan empat bagi mata pelajaran Perniagaan. (RO9)

1.5.4.2 Mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran dalam kalangan pelajar tingkatan empat bagi mata pelajaran Perniagaan. (RO10)

1.5.4.3 Mengenal pasti tahap perubahan sikap pelajar dalam kalangan pelajar tingkatan empat bagi mata pelajaran Perniagaan. (RO11)

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, persoalan kajian Penilaian Kurikulum Mata Pelajaran Perniagaan sekolah menengah adalah berfokus kepada elemen dalam Model Penilaian CIPP iaitu;

1.6.1 Penilaian Konteks

- 1.6.1.1 Se jauh manakah kesesuaian kandungan kurikulum mata pelajaran Perniagaan berdasarkan matlamat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)? (RQ1)
- 1.6.1.2 Se jauh manakah kesesuaian kandungan mata pelajaran kurikulum Perniagaan berdasarkan objektif dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)? (RQ2)

1.6.2 Penilaian Input

- 1.6.2.1 Apakah tahap kesediaan guru terhadap proses pengajaran bagi mata pelajaran Perniagaan? (RQ3)
- 1.6.2.2 Apakah tahap kesediaan pelajar terhadap proses pembelajaran bagi mata pelajaran Perniagaan? (RQ4)
- 1.6.2.3 Apakah tahap peranan pentadbir terhadap kurikulum mata pelajaran Perniagaan di sekolah menengah? (RQ5)

1.6.3 Penilaian Proses

- 1.6.3.1 Apakah tahap proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Perniagaan? (RQ6)
- 1.6.3.2 Apakah tahap proses pelaksanaan pentaksiran bilik darjah bagi mata pelajaran Perniagaan? (RQ7)
- 1.6.3.3 Apakah tahap proses pelaksanaan kerja kursus mata pelajaran Perniagaan? (RQ8)

1.6.4 Penilaian Produk

- 1.6.4.1 Apakah tahap penguasaan pengetahuan dalam kalangan pelajar tingkatan empat bagi mata pelajaran Perniagaan? (RQ9)
- 1.6.4.2 Apakah tahap penguasaan kemahiran dalam kalangan pelajar tingkatan empat bagi mata pelajaran Perniagaan? (RQ10)
- 1.6.4.3 Apakah tahap perubahan sikap dalam kalangan pelajar tingkatan empat bagi mata pelajaran Perniagaan? (RQ11)
- 1.6.4.4 Adakah terdapat hubungan antara tahap pengetahuan dengan perubahan sikap pelajar tingkatan empat bagi mata pelajaran Perniagaan? (RQ12)
- 1.6.4.5 Adakah terdapat hubungan antara tahap kemahiran dengan perubahan sikap pelajar tingkatan empat bagi mata pelajaran Perniagaan? (RQ13)

1.7 Hipotesis Kajian

Berdasarkan persoalan kajian 12 (1.6.4.4) dan persoalan kajian 13 (1.6.4.5), hipotesis nol digunakan bagi menguji hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah kajian.

Berikut adalah pernyataan bagi hipotesis nol yang diuji;

Ho1: Tiada hubungan yang signifikan antara tahap penguasaan pengetahuan dengan perubahan sikap pelajar Perniagaan.

Ho2: Tiada hubungan yang signifikan antara tahap penguasaan kemahiran dengan perubahan sikap pelajar Perniagaan.

1.8 Rasional Kajian

Usaha untuk menangani cabaran sosioekonomi pada abad ini perlu penglibatan secara menyeluruh oleh semua pihak. Oleh itu, seiring dengan matlamat dalam Rancangan Malaysia Ke Dua Belas (RMK-12) 2021-2025, kerajaan telah merangka strategi yang

lebih menyeluruh sebagai usaha untuk mendepani cabaran global dalam pelbagai aspek. Bagi menyokong tema yang ingin dicapai dalam RMK-12, membangunkan bakat masa hadapan merupakan salah satu pemangkin yang menjadi penekanan iaitu dengan menambah baik ekosistem pendidikan bagi membangunkan bakat tersedia masa hadapan (Unit Perancang Ekonomi, 2021b). Hal ini adalah sejajar dengan matlamat negara untuk menjadikan pasaran kerjaya yang fleksibel yang menyumbang kepada peningkatan taraf hidup masyarakat.

Namun, untuk merealisasikannya perlu bermula dengan memastikan sistem pendidikan sedia ada mempunyai platform dalam menyediakan modal insan yang berkualiti kerana keluaran generasi yang akan mengisi keperluan industri menjelang tahun 2030 adalah mereka yang kini berada dalam sistem persekolahan. Mereka merupakan keluaran generasi di bawah dasar PPPM (2103-2025) yang sedang berada dalam sistem pendidikan sekarang. Maka, kajian penilaian kurikulum terutama mata pelajaran Perniagaan yang menyediakan platform untuk mencetuskan minat terhadap perniagaan dalam kalangan generasi hari ini adalah sesuatu yang perlu untuk dilaksanakan memandangkan tempoh RMK-12 bakal berakhir pada tahun 2025. Keberhasilan matlamat dalam RMK-12 akan dapat dilihat dalam tempoh beberapa tahun yang akan datang dan tentunya negara berhasrat untuk melihat hasil yang positif khusus kepada generasi yang akan datang dan kepada negara secara amnya.

1.9 Kepentingan Kajian

Kepentingan bagi kajian yang dijalankan ini adalah merujuk kepada impak kepada pihak pemegang taruh atau *stakeholder* yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Berdasarkan objektif kajian yang telah dikemukakan, kepentingan

menjalankan kajian ini memfokuskan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, guru-guru mata Pelajaran Perniagaan dan pelajar-pelajar Perniagaan. Dapatan daripada kajian ini boleh digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya Bahagian Pembangunan Kurikulum untuk menambah baik kurikulum KSSM MPEI Perniagaan pada masa akan datang. Sehingga tahun 2022, kurikulum KSSM MPEI Perniagaan telah dilaksanakan selama 6 tahun di sekolah menengah. Justeru, kajian ini dapat mengesan kedudukan tahap terkini pelaksanaannya di sekolah. Hal ini adalah bagi memastikan keluaran atau modal insan yang telah mengikuti kurikulum ini mendapat manfaat mengikut apa yang telah diharapkan dalam merealisasikan hasrat kerajaan seperti mana matlamat dalam RMK-12 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang berpendapatan tinggi, berdaya saing dan memiliki kemahiran kebolehkerjaan kerana generasi yang akan melaluinya adalah generasi yang berada dalam sistem persekolahan masa kini.

Selain itu, dapatan daripada kajian ini juga boleh digunakan oleh guru-guru mata pelajaran Perniagaan untuk menambah baik kaedah atau strategi dalam melaksanakan kurikulum ini di sekolah. Setiap ringgit yang telah dibelanjakan oleh Kementerian Pendidikan melalui peruntukan Geran Per Kapita (PCG) perlulah mendatangkan hasil yang lebih bermakna bukan sahaja kepada sistem pendidikan itu sendiri, bahkan kepada negara secara keseluruhannya. Guru-guru perlu memastikan penguasaan kandungan kurikulum Perniagaan dikuasai sepenuhnya serta menambah kemahiran-kemahiran lain yang sesuai dengan keadaan semasa.

Akhir sekali, dapatan kajian ini juga boleh membantu pelajar-pelajar Perniagaan di sekolah menengah berusaha untuk menguasai pengetahuan dan kemahiran yang seterusnya dapat membentuk sikap keusahawanan. Hal ini adalah penting kepada

pelajar sebagai persediaan sebelum memilih untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang yang sama di peringkat pengajian tinggi atau mereka yang memilih untuk menceburi bidang perniagaan setelah mereka menamatkan sistem persekolahan di peringkat menengah.

1.10 Limitasi Kajian

Kajian penilaian kurikulum Perniagaan ini mempunyai keterbatasan yang tersendiri dari aspek jangka masa menjalankan kajian, populasi dan sampel kajian yang dipilih dan kos yang diperlukan dalam melaksanakan kajian. Populasi bagi kajian ini melibatkan sekolah-sekolah yang mengambil mata pelajaran Perniagaan sebagai subjek elektif dalam peringkat SPM di Daerah Gombak, Selangor sahaja. Hal ini adalah disebabkan tempoh menjalankan kajian memerlukan masa yang panjang sekiranya melibatkan populasi yang lebih besar dan kos perbelanjaan menjalankan kajian yang lebih tinggi. Pengkaji mempunyai kekangan masa untuk melaksanakan proses pengutipan data di lapangan serta kewangan yang terbatas. Justifikasi pemilihan daerah Gombak, Selangor adalah kerana daerah ini merupakan antara daerah yang mempunyai populasi tertinggi di negeri Selangor. Sampel bagi pengutipan data dalam kajian ini adalah dalam kalangan pelajar tingkatan empat. Pemilihan ini adalah kerana pelajar tingkatan empat yang tidak terlibat dengan peperiksaan awam.

1.11 Definisi Istilah Kajian

Bagi tujuan melaksanakan kajian ini, beberapa definisi istilah telah digunakan bagi menerangkan penggunaan serta takrifannya semasa kajian ini dijalankan.

1.11.1 Penilaian Kurikulum

Penilaian kurikulum merujuk kepada mengukur dan menilai kurikulum yang sedang dijalankan di sekolah menengah. Dalam konteks kajian ini, penilaian kurikulum merujuk kepada kajian untuk mendapatkan maklumat tentang aspek konteks, input, proses dan produk mata pelajaran Perniagaan di sekolah menengah di Daerah Gombak bagi membekalkan maklumat kepada pembuat keputusan untuk penambahbaikan.

1.11.2 Kurikulum Mata Pelajaran Perniagaan

Kurikulum mata pelajaran Perniagaan merupakan subjek mata pelajaran elektif ikhtisas yang diperkenalkan pada tahun 2017 di bawah Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) di sekolah menengah menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Mata pelajaran ini terletak di bawah bidang Teknik dan Vokasional yang diketuai oleh Ketua Panitia dan diselia oleh Guru Kanan Bidang Teknik dan Vokasional. Kurikulum ini digubal berdasarkan semakan Gelombang Kedua dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Kandungan kurikulum mata pelajaran Perniagaan adalah seperti mana yang terkandung dalam Dokumen Standard Sekolah Menengah yang telah dibekalkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Antara kemahiran yang diketengahkan dalam kurikulum mata pelajaran Perniagaan adalah kemahiran komunikasi, kepimpinan, perakaunan dan mengurus untuk mempersiapkan pelajar menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan.

1.11.3 Sekolah Menengah

Sekolah menengah dalam kajian ini merujuk kepada sekolah yang menawarkan kurikulum mata pelajaran Perniagaan sebagai mata pelajaran elektif di peringkat Sijil

Pelajaran Malaysia di Daerah Gombak, Selangor. Jumlah sekolah adalah sebanyak 30 buah sekolah.

1.11.4 Model Penilaian CIPP

Model Penilaian CIPP merujuk kepada model penilaian program atau kurikulum yang telah diperkenalkan oleh Daniel Stufflebeam pada tahun 1971 yang mendasari kajian penilaian ini. Model ini meliputi penilaian dari aspek konteks, input, proses dan produk. Model ini sering digunakan oleh pengkaji untuk membuat penilaian program dalam pendidikan.

1.11.5 Kesediaan Guru

Merujuk kepada pengetahuan isi kandungan, kursus dan latihan, serta kemahiran dan teknik pengajaran guru-guru yang mengajar mata pelajaran Perniagaan di sekolah menengah.

1.11.6 Kesediaan Pelajar

Merujuk kepada pengetahuan sedia ada pelajar, minat dan kecenderungan serta daya usaha yang tinggi terhadap mata pelajaran Perniagaan. Dalam konteks kajian ini pelajar merujuk kepada pelajar Tingkatan Empat yang mengambil mata pelajaran Perniagaan di Daerah Gombak.

1.11.7 Peranan Pentadbir

Pentadbir merupakan sekumpulan individu yang menjalankan urusan pentadbiran dalam sesebuah sekolah. Pentadbir dalam kajian ini merujuk kepada Pengetua,

Penolong Kanan Pentadbiran dan Guru Kanan Mata Pelajaran (GKMP). Peranan pentadbir merujuk kepada usaha membina hubungan yang baik antara guru dan pelajar; melakukan pemantauan; memberikan komitmen dan bantuan dalam menyelesaikan masalah yang timbul; serta memberi galakan dan dorongan kepada guru dan pelajar mata pelajaran Perniagaan.

1.11.8 Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Merujuk kepada proses melaksanakan PdP di dalam kelas seperti penggunaan alat bantu mengajar, bahan bantu mengajar, guru sebagai fasilitator dan pemudah cara, serta galakan dan bimbingan guru kepada pelajar bagi mata pelajaran Perniagaan.

1.11.9 Proses Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

Merujuk kepada penilaian individu bagi setiap pelajar yang mana ia dinilai secara formatif atau setelah tamat pengajaran bagi sesebuah tajuk. Guru mata pelajaran bertanggungjawab untuk melaksanakan PBD bagi setiap pelajar dan merekodkan tahap pencapaian setiap pelajar dalam borang yang telah ditetapkan oleh setiap panitia mata pelajaran. Proses PBD dalam kajian ini merujuk kepada penilaian pencapaian secara individu bagi mata pelajaran Perniagaan.

1.11.10 Proses Pelaksanaan Kerja Kursus Perniagaan

Merujuk kepada proses menyiapkan tugas projek. Dalam kurikulum mata pelajaran Perniagaan, pelajar juga ditaksir dalam pentaksiran berasaskan projek yang mana tugas ini memenuhi keperluan Kertas 3 dalam SPM. Dalam melaksanakan tugas ini, pelajar akan mengguna pakai pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari malah boleh memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang baharu kerana pelajar akan

meneroka atau membuat kajian terhadap projek melalui sumber maklumat yang relevan.

1.11.11 Tahap penguasaan pengetahuan

Merujuk kepada pencapaian pelajar yang mengambil mata pelajaran Perniagaan dari aspek pengetahuan isi kandungan kurikulum mata pelajaran Perniagaan. Dalam kurikulum mata pelajaran Perniagaan Tingkatan Empat mengandungi dua bab dan empat sub bab.

1.11.12 Tahap penguasaan kemahiran

Merujuk kepada penguasaan kemahiran pelajar yang mengambil mata pelajaran Perniagaan dari aspek kemahiran abad ke-21. Penguasaan kemahiran berkomunikasi, kemahiran kepimpinan, kemahiran perakaunan dan kemahiran mengurus.

1.11.13 Perubahan sikap pelajar

Merujuk kepada perubahan tingkah laku pelajar yang menunjukkan minat serta kecenderungan mereka dalam bidang perniagaan. Perubahan ini boleh dilihat melalui sikap pelajar yang menonjolkan sifat ingin tahu, mencari maklumat daripada pelbagai sumber, berkreaitif dan inovatif dan dapat menyelesaikan masalah.

1.12 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan tentang latar belakang kurikulum Perniagaan. Banyak isu berkaitan dengan proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran terutamanya mata pelajaran Perniagaan yang boleh menyebabkan

objektif dalam kurikulum tersebut tidak tercapai dan seterusnya boleh merencatkan usaha kerajaan untuk menyediakan bakat masa hadapan seperti mana dalam hasrat dasar-dasar pembangunan kerajaan. Bab ini juga telah memperincikan latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, rasional kajian dijalankan, kepentingan kajian, limitasi kajian, definisi istilah-istilah yang digunakan dalam penulisan kajian ini. Berdasarkan perincian yang telah dibincangkan, bab seterusnya akan membincangkan lebih mendalam tentang teori dan model yang diadaptasi dalam kajian ini, pemboleh ubah – pemboleh ubah yang digunakan, kajian-kajian lepas berkaitan dengan kurikulum perniagaan di luar dan dalam negara serta kajian-kajian lepas berkaitan dengan penilaian kurikulum.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan dengan lebih mendalam berkaitan dengan konsep dan definisi perniagaan, pendidikan perniagaan di negara-negara maju dan pelaksanaan pendidikan perniagaan di Malaysia. Seterusnya, membincangkan teoritikal kajian yang digunakan iaitu Model Perantisan Kognitif dan Model Penilaian CIPP. Selanjutnya, perbincangan yang mendalam tentang kajian berkaitan dengan pelaksanaan kurikulum Perniagaan yang akhirnya membawa kepada pembinaan kerangka konseptual kajian yang mendasari kajian penilaian kurikulum Perniagaan sekolah menengah.

2.2 Konsep dan Definisi Pendidikan Perniagaan

Secara dasarnya, pendidikan perniagaan juga dikaitkan dengan pendidikan untuk menjadi usahawan. Usahawan yang bermaksud 'entrepreneur' dalam Bahasa Inggeris. Perkataan ini diambil daripada Bahasa Perancis iaitu 'entreprendre' yang membawa maksud *between taker* iaitu individu yang berada pada kedudukan antara pembekal dan pengguna (Abdul Aziz Ab. Latif, Mohd Abdullah Jusoh, Mohd Azlan Yahya, Osman Jusoh & Syahira Hamidon, 2011). Sarfraz Ali (2017) menyifatkan usahawan sebagai ejen ekonomi yang sentiasa aktif untuk bergerak maju sebagai peristiwa penting dalam membangunkan sesebuah ekonomi. Usahawan sentiasa memikirkan bagaimana untuk menyumbang kepada masyarakat dan negara yang secara langsung membantu pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Secara umumnya, mereka yang terdorong untuk menjadi usahawan telah menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara dengan menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat Noorizda Emellia et al. (2018). Pendidikan perniagaan

merupakan satu pendidikan yang menyediakan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan mereka untuk membangunkan perniagaan setelah tamat sesi persekolahan. Kemahiran yang diterapkan bukan sahaja membantu pelajar untuk membangunkan perniagaan sendiri, malah dapat juga membantu lepasan pelajar sekolah yang memilih untuk bekerja dengan majikan dengan meningkatkan kemahiran kebolehterajaan mereka (Zunainah & Intan, 2020). Sarfraz Ali (2017) mendapati bahawa pendidikan perniagaan telah membentuk sikap positif pelajar terhadap aktiviti keusahawanan. Persepsi pelajar tentang halangan intrinsik dan ekstrinsik terhadap aktiviti keusahawanan semakin berkurangan setelah mendapat pendidikan perniagaan. Secara amnya, idea pendidikan perniagaan dan keusahawanan telah lama diterapkan dalam sistem pendidikan sama ada secara formal mahupun tidak formal. Aktiviti-aktiviti kokurikulum umpamanya, murid terlibat dalam aktiviti berjual beli di koperasi mahupun dalam mana-mana acara di sekolah.

Dalam sistem pendidikan di bawah pelaksanaan kurikulum baharu KSSM, kemahiran keusahawanan juga diterapkan dalam setiap subjek melalui bahagian Elemen Merentas Kurikulum (EMK). Elemen EMK diselitkan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah berdasarkan panduan dalam DSKP supaya pelajar bukan sahaja menguasai pengetahuan dalam mata pelajaran tertentu tetapi juga dapat menggabungkan pengetahuan tersebut dengan pengetahuan subjek yang lain. Pendidikan perniagaan yang menerapkan kemahiran keusahawanan telah banyak mendatangkan impak yang positif kepada individu mahupun negara yang melaksanakannya. Ini termasuklah penciptaan peluang pekerjaan, pertumbuhan ekonomi negara, peningkatan taraf hidup masyarakat, pertumbuhan sendiri individu, peningkatan penglibatan sekolah dan peningkatan kesaksamaan (Lackeus, 2015). Di peringkat sekolah menengah di Malaysia, kemahiran keusahawanan diterapkan di

dalam mata pelajaran Perniagaan yang secara sinonimnya merupakan salah satu bidang di bawah Pendidikan Teknik dan Vokasional (TVET). Pendidikan perniagaan tidak terhenti sehingga di sekolah menengah sahaja, malah pendidikan ini juga mempunyai kesinambungan di peringkat pengajian tinggi bagi mereka yang memilih untuk melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi selepas tamat persekolahan di peringkat menengah seperti Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.

Dengan wujudnya pendidikan perniagaan dalam kurikulum kebangsaan, antara manfaat terbesar yang dapat dilihat kepada pelajar adalah mengubah tindakan daripada pencari pekerjaan kepada pencipta pekerjaan (Wan Mohd Zaifurin & Ibrahim Mamat, 2020). Ini membuktikan bahawa pendidikan perniagaan dalam kurikulum di sekolah hingga peringkat pengajian tinggi dapat membantu usaha kerajaan untuk mengurangkan masalah pengangguran di kalangan belia seperti mana yang telah dihasratkan dalam dasar-dasar pembangunan negara ke arah menjana ekonomi negara. Pepin (2018) turut berpendapat bahawa penerapan pendidikan perniagaan seperti kemahiran keusahawanan dalam sistem pendidikan negara merupakan salah satu pendekatan untuk mengurangkan masalah pengangguran bagi sesebuah negara. Wan Mohd Zaifurin, Nor Hayati, Sabri dan Ibrahim (2016) telah mencadangkan agar budaya keusahawanan dipupuk sejak di bangku persekolahan hingga ke peringkat pengajian tinggi melalui pelaksanaan kursus, program, seminar dan aktiviti yang berkisar keusahawanan bagi membentuk kecenderungan belia untuk memilih perniagaan sebagai bidang kerjaya mereka.

2.3 Pendidikan Perniagaan di Negara-negara Maju

Pendidikan perniagaan yang juga sinonim dengan pendidikan keusahawanan di negara-negara maju telah menunjukkan banyak kajian empirikal yang dijalankan di dalam dan luar negara yang membuktikan bahawa pendidikan perniagaan dan keusahawanan telah mendatangkan banyak kesan positif kepada individu secara khusus dan kepada negara secara amnya. Memupuk pendidikan keusahawanan menjadi satu matlamat di kebanyakan negara pada masa kini. Di New Zealand, pendidikan perniagaan bukanlah sesuatu konsep yang baru diketengahkan, bahkan telah bermula sejak tahun 1980-an lagi. Andaian yang menjadi kebiasaan ialah penerapan pendidikan perniagaan dan keusahawanan akan meningkatkan peluang perniagaan baru dalam kalangan belia dan seterusnya akan memberi sumbangan yang bermakna kepada sosial dan ekonomi negara. Namun, dapatan kajian yang dijalankan McNaughton dan Yun (2018) menunjukkan bahawa penglibatan pelajar di Universiti Auckland bagi semua ukuran penglibatan pelajar dalam amalan dan pembelajaran keusahawanan berada di bawah paras Laporan *Global University Entrepreneurial Spirit Student's Survey (GUESS)*. Dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar kurang melibatkan diri dalam kedua-dua aktiviti tersebut walaupun perkembangan kurikulum dan aktiviti berkaitan dengan inovasi dan keusahawanan telah dilaksanakan yang mana dapatan telah merumuskan bahawa secara purata pelajar di Auckland kurang positif dan mempunyai efikasi sendiri yang lebih rendah untuk menjadi seorang usahawan berbanding dengan rakan sebaya antarabangsa mereka seperti mana dalam Laporan GUESS (Sieger et al., 2019). Kajian ini telah dilakukan dengan menggunakan metod kuantitatif iaitu kaedah tinjauan.

Kirkley (2017) dalam kajiannya berkaitan dengan pembudayaan tingkah laku perniagaan dan keusahawanan di sekolah menengah di sekitar Northland mendapati

bahawa budaya tingkah laku keusahawanan dalam pendidikan telah meningkatkan penyertaan pelajar dalam aktiviti dan projek sekolah. Ibu bapa turut memberi maklum balas bahawa terdapat perubahan sikap anak-anak mereka terhadap penyertaan dalam program-program di sekolah. Kajian ini telah dilakukan secara kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual separa struktur yang melibatkan guru, pelajar dan ibu bapa.

Di Finland, terdapat kajian membuktikan bahawa latihan kepada guru dan pengetua tentang perusahaan telah membantu usaha penerapan pendidikan perniagaan dan keusahawanan di sekolah. Umpamanya, kajian yang dilakukan oleh Hämäläinen et al. (2018) melalui kaedah tinjauan ke atas 153 pengetua di sekolah menengah di Finland mendapati bahawa amalan pendidikan perniagaan dan keusahawanan di sekolah dipengaruhi oleh tahap pendidikan keusahawanan pengetua. Hal ini adalah kerana pengetua merupakan ketua di sekolah yang memainkan peranan utama dalam pembentukan budaya dan amalan keusahawanan. Pengetua adalah peneraju yang bertanggungjawab dalam memastikan kurikulum negara terlaksana (Basic Education Act 628/1998, 1998). Oleh kerana kurikulum negara turut menyokong pendidikan perniagaan dan keusahawanan, maka pengetua perlu menyedari konsep dalam perlaksanaannya di sekolah.

Di Sweden, kurikulum pendidikan perniagaan dan keusahawanan mula dilaksanakan pada tahun 2011 di peringkat sekolah menengah yang memberi tumpuan pedagogi kepada *about*, *for* dan *through* (Hardie et al., 2020). Pembelajaran tentang (*about*) keusahawanan memerihalkan tentang ‘apa’ dan ‘bagaimana’ dengan menggabungkan teori dan pengetahuan tentang keusahawanan (Nabi et al., 2016). Pembelajaran untuk

(*for*) keusahawanan adalah merujuk kepada persiapan untuk memulakan perniagaan (Elahi, 2019). Seterusnya, pembelajaran melalui (*through*) keusahawanan adalah untuk mendapatkan pengalaman sebenar dengan membangunkan kemahiran dan kecekapan dalam bidang keusahawanan (Lackéus, 2020). Satu kajian telah dijalankan untuk membuat perbandingan tentang tiga pendekatan keusahawanan iaitu pendekatan penciptaan nilai, penciptaan usaha niaga dan penciptaan idea dan artifak ke atas 1048 pelajar yang berusia antara 8 hingga 15 tahun di Sweden. Pada peringkat awal, pengumpulan data dibuat menggunakan aplikasi telefon pintar untuk mendapatkan maklum balas awal dan maklum balas tersebut akan dibincangkan secara temu bual bersama-sama guru dan pelajar untuk sesi perbincangan. Hasil penemuan kajian menunjukkan bahawa pendekatan penciptaan nilai didapati pendekatan yang paling berkesan dalam membangunkan motivasi, pengetahuan perniagaan dan kemahiran keusahawanan (Lackéus, 2020). Hal ini adalah kerana penciptaan nilai merupakan pendekatan yang memberi sumbangan kepada komuniti yang mana pelajar lebih bersemangat untuk menyumbang sesuatu kepada masyarakat.

Sementara itu, dalam satu kajian yang lain menggunakan kaedah kuasi eksperimen yang menggabungkan pendidikan keusahawanan dalam kurikulum Matematik di sekolah rendah di Sweden telah mendapati situasi menang-menang dalam meningkatkan kecekapan dalam kemahiran keusahawanan dan matematik. Kecekapan pendidikan perniagaan dan keusahawanan menjadi lebih bernilai apabila pelajar dapat mengadaptasi kemahiran matematik dalam pendidikan keusahawanan (Palmér & Johansson, 2019).

Di United Kingdom pula, pendidikan keusahawanan bermula di Havard sejak 1947 lagi. Sekolah rendah adalah peringkat awal untuk mendedahkan pendidikan perniagaan dan keusahawanan kepada pelajar-pelajar yang mana sering kali diabaikan (Liguori et al., 2019). Hal ini adalah kerana terdapat dapatan kajian meta analisis yang menimbulkan persoalan ‘dari mana datangnya niat keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti?’, satu jawapan yang mungkin menjawab kepada persoalan tersebut adalah latihan keusahawanan di sekolah atau pendidikan tidak formal daripada keluarga usahawan dan ini akan mendorong mereka untuk memilih bidang tersebut di universiti. Di peringkat pengajian tinggi, Pelan Tindakan Keusahawanan 2020 Kesatuan Eropah merupakan satu pelan untuk menangani masalah pengangguran yang tinggi dalam kalangan belia di Eropah (Strachan, 2018). Pelaksanaan kurikulum pendidikan perniagaan dan keusahawanan di sekolah, kolej dan universiti merupakan salah satu pelan intervensi dan strategik dalam Pelan Tindakan bagi menggalakkan golongan belia mencari peluang pekerjaan sebagai usahawan.

Terdapat tiga sumber utama yang menyebabkan permintaan kepada pendidikan perniagaan dan keusahawanan iaitu yang pertama kerajaan yang didorong oleh peralihan pertumbuhan ekonomi yang mana melalui pendidikan, kerajaan dapat membangunkan budaya keusahawanan yang mendorong kepada penciptaan pekerjaan; sumber permintaan kedua adalah pelajar yang mana pendidikan keusahawanan adalah untuk menyiapkan mereka untuk menjadi usahawan dan meraih beberapa kemahiran untuk membantu dalam kerjaya mereka dan sumber permintaan yang ketiga adalah disebabkan dunia perniagaan hari ini sama ada organisasi kecil mahupun besar yang memerlukan pengurus yang berorientasikan pembangunan perniagaan (Alberti, 2004).

Menurut dapatan kajian secara kuantitatif dengan membuat panggilan telefon yang dipilih secara rawak berstrata yang dijalankan di United Kingdom ke atas sampel yang berumur antara 18 hingga 45 tahun berkaitan dengan pengaruh pendidikan keusahawanan berasaskan sekolah terhadap pilihan kerjaya dalam bidang perniagaan mendapati bahawa pelajar yang mengambil pendidikan perniagaan dan keusahawanan secara wajib mempunyai dua setengah kali ganda untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan mereka mempunyai enam kali ganda berkemungkinan untuk meneruskan bidang ini ke tahap yang lebih tinggi (Thompson & Kwong, 2015). Menurut Draycott et al. (2011) yang mengkaji literatur pendidikan keusahawanan berpandangan, penilaian pendidikan keusahawanan adalah penting untuk memajukan pendidikan pada masa akan datang.

Kajian berkaitan dengan pendidikan perniagaan dan keusahawanan di Norway juga pernah dijalankan memandangkan pendidikan keusahawanan telah menjadi trend dalam kurikulum negara sama ada di peringkat sekolah, kolej atau universiti di serata negara. Pendidikan keusahawanan telah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran insaniah kepada pelajar yang telah mengikuti kurikulum berkenaan yang seterusnya meningkatkan niat keusahawanan. Menurut Mørch (2018), terdapat peningkatan sebanyak 27.6% niat keusahawanan di kalangan pelajar yang berusia antara 18 hingga 28 tahun di Bergen, Norway sebelum dan selepas menyertai program keusahawanan yang mana kajian ini telah dilakukan dengan menggunakan penyelidikan kuantitatif. Niat keusahawanan di kalangan pelajar akan mendorong mereka meneruskan hasrat untuk terlibat dalam dunia keusahawanan yang sebenar. Hal ini menjadi sebab mengapa penawaran dalam pendidikan perniagaan dan keusahawanan semakin mendapat tempat di mana-mana institusi pendidikan di seluruh negara. Ramai pakar teknologi berpandangan bahawa masa depan kerja menjadi lebih kompleks dan cepat

berubah berbanding dengan dunia professional pada masa lalu (Schwab, 2016). Kemahiran keusahawanan yang diterapkan dalam pendidikan perniagaan berupaya membentuk pelajar dalam mencipta sesuatu nilai melalui dinamik pasaran yang sentiasa berubah-ubah, sentiasa peka dengan persekitaran dan memperkasa kejayaan individu dalam dunia perniagaan dan professional.

2.4 Pendidikan Perniagaan di Negara-negara Asia

Pendidikan perniagaan dan keusahawanan di Asia turut tidak ketinggalan menjadi antara kurikulum yang terpenting pada abad masa kini seperti mana di Eropah. Banyak negara-negara di Asia mula menyedari kepentingan memasukkan kurikulum perniagaan dan keusahawanan dalam sistem pendidikan di sekolah mahupun di peringkat pengajian tinggi. Heron (2017), mencadangkan ekosistem perniagaan dan keusahawanan yang melibatkan jalinan kerjasama universiti-industri-kerajaan untuk meningkatkan pengetahuan dan penglibatan belia dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Terdapat kolej-kolej dan universiti di Singapura memerlukan pelajar-pelajar mereka untuk memulakan perniagaan pada tahun pertama mereka di kolej bagi memberi pendedahan serta pengalaman tentang perniagaan dan keusahawanan (Yu, Goh, Kao & Wu, 2017). Menurut Ho, Uy, Yang dan Chan (2018), pengalaman dalam bidang perniagaan dan keusahawanan dapat menimbulkan minat dan kecenderungan menjadi usahawan untuk membangunkan perniagaan sendiri dalam kalangan pelajar kerana pelajar yang menjalani latihan keusahawanan terbukti dapat meningkatkan tahap dan kompetensi keusahawanan yang seterusnya menimbulkan tahap kewaspadaan dan efikasi keusahawanan berbanding dengan pelajar yang tidak mengikuti latihan keusahawanan. Kajian tersebut telah dilakukan di lima buah sekolah menengah dengan menggunakan pendekatan kuasi eksperimen.

Selain itu, kajian di peringkat universiti pula, Yu et al. (2017) juga telah membuat perbandingan antara pendidikan perniagaan dan keusahawanan di Singapura dan Taiwan berdasarkan pengaruh konteks sejarah, ekonomi, perindustrian, sosial dan budaya pendidikan mendapati terdapat persamaan dari segi sokongan kerajaan yang kuat dalam pendidikan perniagaan dan keusahawanan bagi memacu ekonomi negara manakala dari sudut perbezaan, pendidikan di Singapura di peringkat universiti lebih cenderung untuk menghantar pelajar mereka ke luar negara untuk menjalani latihan di akademi dan latihan perusahaan yang terkenal bagi mendapatkan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dalam bidang perniagaan lanjutan manakala di Taiwan, mereka lebih banyak menganjurkan inkubator permulaan kepada graduan untuk mendapatkan dana serta menggalakkan sumbangan idea kreatif dengan kerjasama Kementerian Sains dan Teknologi. Dapatan ini adalah berdasarkan penyelidikan perbandingan pendidikan terhadap kedua-dua buah universiti yang bersifat penyelidikan kualitatif. Hal ini menunjukkan bahawa setiap negara mempunyai perancangan dalam menyediakan latihan lanjutan pendidikan perniagaan dan keusahawanan bagi peringkat belia lepasan pengajian tinggi mengikut konteks masing-masing.

Negara jiran yang terdekat dengan Malaysia iaitu Indonesia merupakan antara negara yang telah menerapkan kurikulum perniagaan dan keusahawanan dalam sistem pendidikan di peringkat sekolah mulai tahun 2010. Umpamanya, pendidikan perniagaan dan keusahawanan dikhususkan dalam pendidikan vokasional di sekolah menengah yang mana kurikulum ini dibangunkan untuk memupuk sikap keusahawanan secara berterusan dalam kalangan pelajar sekolah (Andi Mallanti, 2015). Pendidikan vokasional di Indonesia sebelum mencapai kemerdekaan pada zaman pemerintahan Belanda terbahagi kepada empat bidang utama iaitu feminin,

kejuruteraan, pertanian dan perdagangan yang mana semua bidang ini digabungkan menjadi satu unit pendidikan vokasional selepas kemerdekaan. Dalam pada itu, pendidikan perniagaan dan keusahawanan juga turut diterapkan dalam pendidikan pembangunan karakter yang bermatlamat untuk menerapkan nilai-nilai keusahawanan dalam kalangan pelajar yang merupakan salah satu program Kementerian Pendidikan Nasional Kabinet Bersatu II (Dewi, Yani & Suhaidini, 2015).

Pendidikan perniagaan dan keusahawanan telah terbukti memainkan peranan yang penting dalam menentukan pengetahuan dan minda keusahawanan yang mendorong kepada niat keusahawanan yang seterusnya menjadi perantara sebagai persediaan kepada usahawan dalam kalangan pelajar (Saptono, Wibowo, Narmaditya, Dewi & Yanto, 2020). Namun, terdapat beberapa cabaran dalam pelaksanaannya dari segi kawalan penubuhan sekolah vokasional iaitu dari aspek kompetensi guru, tiada kesinambungan bidang di peringkat pengajian tinggi, kemudahan fasiliti dan infrastruktur, kurikulum yang tidak memenuhi keperluan industri, kos yang tinggi, pengurusan yang tidak efektif dan kekurangan penglibatan oleh pihak industri yang perlu diberikan perhatian oleh pihak kerajaan (Suharno, Pambudi & Harjanto, 2020). Dapatan ini merupakan kajian bersifat kualitatif yang dilakukan di sekolah-sekolah vokasional yang melibatkan responden dalam kalangan pengetua, guru dan pelajar melalui kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen.

2.5 Perkembangan Kurikulum Mata Pelajaran Perniagaan Sekolah Menengah di Malaysia

Menyedari kepentingan kurikulum perniagaan dan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar di sekolah mahupun di peringkat pengajian tinggi, Malaysia juga

telah memasukkan elemen keusahawanan dalam kurikulum kebangsaan sejak tahun 1980-an lagi. Meskipun berlaku perubahan demi perubahan dalam kurikulum kebangsaan, elemen keusahawanan tetap menjadi keutamaan dalam setiap pembangunan kerangka kurikulum. Umumnya, dasar-dasar pendidikan di sekolah mahupun di peringkat pengajian tinggi telah dibangunkan berdasarkan hasrat dalam dasar pembangunan negara. Ini bererti dasar-dasar utama negara akan dijadikan sandaran dalam melaksanakan dasar-dasar dalam sistem pendidikan. Umpamanya, RMK-12 di bawah Tema 3, menekankan tentang pembangunan bakat masa hadapan untuk melahirkan bakat-bakat berkemahiran tinggi dengan menjajarkan semula pasaran buruh, sistem pendidikan dan latihan (Unit Perancang Ekonomi, 2021b).

Keberhasilan dan kejayaan dalam mencapai hasrat tersebut adalah bergantung kepada sejauh mana sistem pendidikan memainkan peranan dalam membangunkan bakat-bakat muda yang akan memimpin negara pada masa akan datang. Demi merealisasikan hasrat dasar negara tersebut, PPPM 2013-2025 juga dibangunkan bagi memberi laluan kepada semua pihak berkepentingan untuk menambah baik sistem pendidikan negara dengan menyediakan strategi baharu dalam transformasi pendidikan supaya pelajar menguasai kemahiran abad ke-21 seperti kemahiran keusahawanan; kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (TMK); kemahiran interpersonal dan insaniah; serta kemahiran kepimpinan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Dalam kurikulum mata pelajaran Perniagaan, kurikulum dibentuk dengan menekankan kesemua kemahiran abad ke-21. Di peringkat pengajian tinggi, Pelan Tindakan Keusahawanan, Institut Pengajian Tinggi (IPT) direka bentuk dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai graduan untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan keusahawanan bagi mengurangkan kebergantungan graduan kepada kerajaan dalam sektor pekerjaan (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2020).

Dasar 4IR merupakan salah satu dasar mentransformasikan pembangunan sosioekonomi negara secara menyeluruh dan bersepadu yang dapat memberi kesan dan manfaat kepada rakyat, perniagaan dan kerajaan (Unit Perancang Ekonomi, 2021a). Kesan utama ke atas perniagaan di bawah pelaksanaan Dasar 4IR akan menjadi lebih produktif, berdaya saing dan inovatif dari segi produk dan perkhidmatan. Bagi menyokong dasar tersebut, salah satu teras dasar adalah mempersiapkan rakyat dengan pengetahuan dan set kemahiran berkaitan dengan kemahiran 4IR iaitu merupakan strategi ketiga di bawah dasar ini. Di bawah strategi ini, pelaksanaannya akan disokong oleh inisiatif keenam iaitu dengan meningkatkan dan melaksanakan pembelajaran abad ke-21 di semua sekolah bagi membangunkan kemahiran insaniah dan kemahiran kemanusiaan supaya modal insan lebih bersedia menghadapi revolusi 4IR. Isu kadar pengangguran berkait rapat dengan kemahiran insaniah yang kurang dikuasai oleh pelajar (Irwan Fariza, Mohd Mahzan & Abdul Razaq, 2018).


2.5.1 Pembangunan Kurikulum berdasarkan Model Kurikulum Tyler

Dalam proses pendidikan, elemen asas pembentukan kurikulum berdasarkan Model Kurikulum Tyler mengandungi empat aspek utama yang terdiri daripada objektif yang meliputi matlamat atau tujuan yang hendak dicapai; kandungan yang meliputi bagaimana pengalaman pendidikan diolah untuk mencapai pengajaran berkesan; kaedah merujuk kepada bagaimana pengalaman pembelajaran disusun dan penilaian yang merujuk kepada keberkesanan pengalaman pembelajaran. Menurut Mohd Zailani Ismail (2019), objektif kurikulum didefinisikan sebagai tujuan atau matlamat akhir yang dinyatakan secara spesifik dan boleh diukur terhadap apa yang ingin dicapai atau diharapkan melalui pengalaman pembelajaran. Hal ini bermaksud kandungan

kurikulum yang dilaksanakan perlu seiring dengan matlamat dan objektif kurikulum. Hubungan perkaitan tersebut dapat dilihat berdasarkan Rajah 2.1.

Rajah 2.1

Model Kurikulum Tyler



Menyedari kepentingan memupuk budaya dan kemahiran keusahawanan dari peringkat awal persekolahan, kerajaan telah memasukkan kemahiran keusahawanan menerusi elemen merentas kurikulum (EMK) dalam setiap mata pelajaran di bawah kurikulum kebangsaan KSSM. Ini bererti bahawa kemahiran keusahawanan dapat diterapkan secara tidak langsung dalam mana-mana aktiviti pembelajaran bagi mana-mana mata pelajaran yang lain. Sebagai contoh, kemahiran peraturan kognitif dan interaksi merupakan kemahiran yang penting dalam mata pelajaran matematik bagi memastikan penyelesaian masalah matematik dapat diuruskan dengan baik. Pelajar yang didapati lemah dalam kemahiran matematik adalah berpunca daripada tidak menguasai kemahiran peraturan metakognitif dengan baik. Mohamad Ariffin Abu Bakar dan Norulhuda Ismail (2020) mencadangkan pelaksanaan aktiviti keusahawanan dan jual beli dijadikan sebagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi menggalakkan pelajar berinteraksi untuk membentuk kemahiran peraturan

metakognitif dalam pembelajaran Matematik. Ini terbukti bahawa EMK kemahiran keusahawanan juga boleh berlaku dalam kurikulum Matematik dan mana-mana subjek lain selain mata pelajaran Perniagaan di sekolah yang mana kemahiran keusahawanan menjadi satu kemahiran asas yang perlu dikuasai pelajar.

2.5.2 Kemahiran Keusahawanan dalam Kurikulum Mata Pelajaran Perniagaan

Dengan mengekalkan elemen keusahawanan sebagai kemahiran asas yang wajib dikuasai pelajar di peringkat sekolah, usaha ini akan memupuk minat untuk menceburkan diri dalam perniagaan selepas pelajar menamatkan pengajian di peringkat pengajian tinggi memandangkan banyak program di peringkat pengajian tinggi telah melaksanakan program secara pasaran terbuka (*open market*). Liguori et al. (2019) percaya bahawa minat keusahawanan dalam kalangan pelajar perniagaan di universiti tidak datang dengan sendiri sebaliknya dipupuk sejak mereka berada di peringkat sekolah atau pengaruh keluarga yang terlibat dengan aktiviti perniagaan. EMK kemahiran keusahawanan dalam kurikulum KSSM di sekolah menengah adalah selari dengan hasrat Pelan Tindakan IPT 2021-2025 yang ingin melakukan anjakan minda pelajar daripada pencari kerja kepada pencipta kerja (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2020). Hal ini menunjukkan bahawa kurikulum Perniagaan sekolah menengah memberi pendidikan asas kepada pelajar di sekolah yang berminat untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang yang sama di peringkat pengajian tinggi.

Bukti kajian deskriptif menunjukkan bahawa faktor minat pelajar sekolah menengah terhadap keusahawanan didorong oleh faktor persekitaran, diikuti faktor kurikulum mata pelajaran dan faktor galakan keluarga (Nooraini Othman & Siti Soleha Misman, 2010). Minat terhadap mata sesuatu mata pelajaran boleh mendorong pelajar

memperoleh pencapaian yang baik dalam mata pelajaran tersebut. Dapatan kajian kuantitatif deskriptif menunjukkan bahawa pengetahuan dan minat terhadap mata pelajaran Perniagaan akan meningkatkan tahap pencapaian dalam mata pelajaran tersebut (Wan Suhaidashima et al., 2019).

Kajian berkaitan dengan tahap kesediaan pelajar di peringkat pengajian tinggi juga konsisten dengan dapatan kajian di peringkat sekolah. Menurut Norazlinda Saad dan Surendran Sankaran (2021), pengetahuan keusahawanan dan tahap kesediaan pelajar terhadap keusahawanan mempunyai kesan terhadap kursus keusahawanan yang diambil oleh pelajar. Dapatan kajian kuantitatif tersebut telah menunjukkan bahawa pengetahuan asas keusahawanan dan kesediaan pelajar adalah penting sebelum mengikuti kursus keusahawanan bermula di peringkat sekolah hingga ke peringkat pengajian tinggi. Selain itu, terdapat juga bukti lain yang menunjukkan bahawa terdapat keberkesanan pendidikan perniagaan dan keusahawanan dalam kalangan pelajar setelah mengikuti kursus keusahawanan. Kajian berkaitan persepsi pelajar yang dijalankan oleh Afferro, Wan Nurashida, Alias, Razali, Suhaizal dan Mohd Erfy (2019) ke atas pelajar siswazah di universiti awam menunjukkan wujudnya keberkesanan program perniagaan dan keusahawanan terhadap pembangunan kemahiran keusahawanan sendiri pelajar. Pengkaji telah mencadangkan agar pendedahan terhadap kemahiran keusahawanan perlu diberikan seawal tahun pertama pelajar di universiti sehingga mereka tamat program supaya proses tersebut tidak terhenti di pertengahan pengajian bagi melihat keberkesanannya. Usaha ini dilihat sekurang-kurangnya dapat meningkatkan minat dan seterusnya melahirkan lebih ramai usahawan yang berjaya dan bersaing di peringkat global. Walau bagaimanapun, kurikulum dan kaedah pengajaran di peringkat pengajian juga berkait rapat dengan

niat pelajar terhadap keusahawanan (Iklima Husna, Pawan, Toh & Ahmad Shakani, 2020).

Kurikulum yang memberi pendedahan tentang bidang perniagaan dan aspek keusahawanan bukanlah kurikulum baharu di peringkat sekolah kerana pendidikan keusahawanan telah lama diterapkan dalam sistem pendidikan negara sebagai usaha untuk melahirkan warganegara yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas untuk memulakan perniagaan sama ada secara formal mahupun tidak formal. Umpamanya, mata pelajaran Kemahiran Hidup Pilihan Keempat di bawah KBSM telah memperkenalkan silibus mata pelajaran Perdagangan dengan menerapkan pengetahuan dan kemahiran tentang ilmu perniagaan kepada semua pelajar menengah rendah bermula dari Tingkatan Satu hingga Tiga. Matlamat utama silibus Kemahiran Hidup Pilihan Keempat adalah untuk menyediakan pelajar dengan pengetahuan dan amalan perniagaan serta memberi pendedahan tentang dokumen-dokumen perniagaan yang terlibat dalam aktiviti perniagaan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000). Melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, pelajar telah didedahkan dengan pelbagai kemahiran asas yang diperlukan dalam perniagaan, mengenal pasti kepentingan perniagaan dan perkembangannya pada masa hadapan sama ada peringkat perniagaan dalam negeri mahupun peringkat antarabangsa serta mengaitkan permintaan dengan pengeluaran dan membuat pengiraan mudah berkaitan dengan kos-kos perniagaan yang terlibat. Dalam proses pelaksanaan kurikulum tersebut, pelajar diharapkan dapat memupuk nilai berdikari, yakin diri, berinisiatif dan berdaya saing serta bijak merebut peluang perniagaan.

Seterusnya, pengetahuan dan kemahiran perniagaan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup dikembangkan dan dipertingkatkan lagi dengan adanya mata pelajaran Perdagangan di peringkat menengah atas iaitu Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima di bawah KBSM yang diperkenalkan pada tahun 2003. Mata pelajaran ini merupakan subjek elektif kepada pelajar yang memilih aliran Sastera Ikhtisas sebaik sahaja mereka tamat penilaian di Tingkatan Tiga. Matlamat utama kurikulum Perdagangan adalah untuk membangunkan sumber manusia dalam bidang perdagangan di samping dapat mencari dan merebut peluang-peluang dalam bidang perdagangan supaya pelajar dapat membuat pilihan yang bijak (Bahagian Kurikulum Teknikal dan Vokasional, 2003). Kurikulum perdagangan yang telah dibangunkan ini menyasarkan dua kumpulan sasaran iaitu kumpulan pelajar yang akan menamatkan sesi persekolahan tingkatan lima dengan menceburi pekerjaan dalam bidang perniagaan sama ada bekerja sendiri mahupun bekerja dengan majikan dan kumpulan yang akan menamatkan sesi persekolahan tingkatan lima yang memilih untuk melanjutkan pendidikan formal di peringkat pengajian tinggi dalam bidang perniagaan atau bidang-bidang yang berkaitan.

Bagi merealisasikan hasrat kurikulum Perdagangan tercapai seperti mana yang diharapkan dalam dua kumpulan sasaran tersebut, sebanyak lima belas topik telah disusun dan disepadukan dalam kurikulum Perdagangan meliputi aspek pengeluaran, perdagangan, perniagaan, bantuan perniagaan, pelaburan, pemilikan perniagaan, konsumerisme dan etika perniagaan. Pelajar yang mengikuti kurikulum ini akan didedahkan dengan konsep, peraturan dan undang-undang serta amalan dalam dunia perniagaan yang sebenar. Pada tahun 2016, kurikulum Perdagangan dimansuhkan sepenuhnya apabila kurikulum baharu iaitu KSSM diperkenalkan bermula pada tahun 2017.

Pada tahun 2016, kurikulum KBSM disemak semula selari dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) seperti mana yang telah disarankan dalam Gelombang Kedua Pelan PPPM dengan mengambil kira hasrat PPPM bagi melahirkan pelajar yang dapat memenuhi keperluan negara. Gelombang Kedua PPPM (2013-2020) memberi penekanan kepada pendidikan secara holistik dan kemahiran abad ke-21 yang mana pencapaian akademik semata-mata bukan lagi dianggap penting sebaliknya pencapaian akan turut diukur dari aspek-aspek lain seperti sahsiah, rohani, jasmani dan emosi. Langkah ini adalah sebagai persediaan kepada pelajar-pelajar untuk menghadapi persaingan di peringkat global. KSSM merupakan kurikulum kebangsaan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] yang diguna pakai di semua sekolah menengah berdasarkan Surat Pekeliling Kementerian Pendidikan Bilangan 9 Tahun 2016.

2.5.3 Pengenalan Kurikulum Mata Pelajaran Perniagaan berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)

KSSM telah diperkenalkan secara berperingkat pada tahun 2017 bermula dengan Tingkatan 1 dan beberapa mata pelajaran elektif bermula Tingkatan 4 yang menekankan kemahiran berfikir abad ke-21 iaitu pemikiran kritis dan kreatif, inovatif, penyelesaian masalah serta kepimpinan bagi mempersiapkan pelajar dalam persaingan di peringkat global. Perbezaan kandungan kurikulum KSSM berbanding kurikulum KBSM adalah daripada aspek reka bentuk, dokumen kurikulum, peruntukan masa, organisasi kurikulum, elemen merentas kurikulum, penekanan pedagogi dan jenis pentaksiran. Bagi pelajar Tingkatan Dua hingga Lima pada tahun tersebut masih mengekalkan kurikulum KBSM namun pelaksanaan jadual transisi peralihan daripada KBSM kepada KSSM iaitu perubahan masa pengajaran dan pembelajaran daripada

minit kepada jam bagi setiap mata pelajaran yang diguna pakai (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Di peringkat menengah atas pula, terdapat sepuluh mata pelajaran yang telah dilaksanakan di bawah KSSM dan dimulakan secara berperingkat bermula dengan tingkatan empat. Mata pelajaran tersebut adalah Prinsip Perakaunan, Perniagaan, Ekonomi, Sains Komputer, Pertanian, Asas Kelestarian, Sains Rumah Tangga, Grafik Komunikasi Teknikal, Reka Cipta dan Sains Sukan. Pelajar yang mengambil mata pelajaran tersebut semasa di Tingkatan Empat iaitu pada tahun pertama diperkenalkan adalah kumpulan pelajar pertama yang menduduki SPM pada tahun 2018 di bawah KSSM MPEI.

KSSM menggunakan DSKP sebagai panduan silibus atau kandungan kurikulum bagi setiap mata pelajaran. DSKP yang dibangunkan adalah dengan mengintegrasikan enam tunjang utama dalam KSSM iaitu komunikasi; kerohanian, sikap dan nilai; kemanusiaan; keterampilan diri; perkembangan fizikal dan estetika; serta sains dan teknologi yang telah menjadi domain utama dalam menyokong pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Melalui pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di bawah kurikulum baharu, PPPM telah mencadangkan agar menggunakan peruntukan masa dalam jam setahun berbanding penggunaan peruntukan masa dalam minit di bawah KBSM. Mata Pelajaran Perniagaan merupakan salah satu mata pelajaran MPEI yang telah diperkenalkan kepada tingkatan empat di sekolah menengah mulai tahun 2017. Di bawah kurikulum baharu KSSM, mata pelajaran Perniagaan diperkenalkan bagi menggantikan mata pelajaran Perdagangan dalam KBSM. Jumlah peruntukan masa bagi KSSM MPEI Perniagaan adalah minimum sebanyak 96 jam setahun. Jumlah peruntukan ini adalah seperti mana yang termaktub dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 6 Tahun 2019 yang dibaca bersama-sama dengan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 9 Tahun 2016 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

Seiring dengan objektif KSSM Perniagaan, pelajar perlulah menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam perniagaan yang membolehkan mereka menjadi ahli perniagaan yang berpotensi membangunkan diri, keluarga, masyarakat dan negara (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015). Untuk mencapai objektif tersebut, KSSM Perniagaan menampilkan pendidikan yang bersandarkan standard badan pensijilan dan badan professional untuk memberikan keutamaan pendidikan yang mantap dan kukuh sama ada menyediakan tenaga kerja berkompeten mengikut standard dan keperluan industri mahupun untuk melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam KSSM Perniagaan adalah berorientasikan amalan perusahaan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Kandungan bab dalam kurikulum KSSM Perniagaan ditunjukkan dalam Jadual 2.1.

Jadual 2.1

Kandungan Mata Pelajaran KSSM MPEI Perniagaan Mengikut Jumlah Jam

Tingkatan		Tajuk	Jam	Jam Setahun
Tingkatan 4	1.0	Tujuan Perniagaan	45	96
	2.0	Organisasi Perniagaan	51	
Tingkatan 5	3.0	Sumber Perniagaan	45	96
	4.0	Usaha Niaga	51	
Jumlah				192

Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum (2015)

Selain menekankan kemahiran abad ke-21, kemahiran asas yang menjadi fokus dalam subjek KSSM MPEI Perniagaan termasuklah kemahiran berkomunikasi, kepimpinan, perakaunan dan mengurus di mana kurikulum ini memberi galakan dalam mencetuskan idea dan kreativiti sebagai persediaan untuk memulakan perniagaan. Matlamat ini adalah selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu untuk

menyediakan pendidikan yang berterusan secara menyeluruh dan bersepadu untuk mencapai keseimbangan antara intelek, emosi, rohani dan jasmani bagi melahirkan warganegara yang berpengetahuan, berkemahiran, berketerampilan dan berakhlak mulia demi kesejahteraan diri dan dapat memberi sumbangan kepada agama, bangsa dan negara.

Kurikulum mata pelajaran Perniagaan merupakan antara pendidikan yang membekalkan pelajar dengan pengetahuan perniagaan dan keusahawanan bagi membolehkan mereka menubuhkan perniagaan sendiri sebagai satu pilihan kerjaya dengan mengurangkan kebergantungan bekerja dengan majikan sama ada di sektor kerajaan mahupun swasta dan sekali gus dapat bersaing di peringkat global yang telah menjadi harapan besar dalam KSSM mata pelajaran Perniagaan. Selain itu, kurikulum ini menggalakkan budaya berfikir aras tinggi yang menjadi keutamaan dalam penyampaian kurikulum Perniagaan. Jadual 2.2 menunjukkan penerangan bagi setiap aras pemikiran KBAT. Perubahan format pentaksiran dalam KSSM Perniagaan berbanding kurikulum KBSM adalah dari aspek pengukuran standard prestasi seperti mana yang terkandung dalam DSKP Perniagaan berbanding dengan penilaian secara formatif dan sumatif dalam kurikulum KBSM.

Jadual 2.2

Tahap Pemikiran KBAT dalam Kurikulum Perniagaan

Tahap Pemikiran	Penerangan
Mengaplikasi	Tahap yang membolehkan pelajar melaksanakan sesuatu perkara dalam situasi yang berlainan dengan menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai.
Menganalisis	Tahap yang membolehkan pelajar memahami lebih mendalam serta hubungan kait antara bahagian berkenaan dengan menyiasat kepada kelompok yang kecil.
Menilai	Tahap yang membolehkan pelajar memberi justifikasi melalui pertimbangan dan keputusan berdasarkan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai.
Mencipta	Mengeluarkan idea atau mencipta produk secara kreatif atau inovatif

Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum (2015)

Format instrumen mata pelajaran Perniagaan di peringkat SPM terdiri daripada Kertas 1, Kertas 2 dan Kertas 3 yang mana peruntukkan wajaran markah bagi setiap kertas masing-masing adalah 20 markah, 60 markah dan 30 markah (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2017). Jenis instrumen bagi Kertas 1 adalah berbentuk Ujian Objektif yang terdiri daripada 40 soalan beraneka pilihan. Bagi Kertas 2, jenis instrumen adalah berbentuk Ujian Subjektif yang terdiri daripada item respon terhad dan respon terbuka manakala jenis instrumen bagi Kertas 3 adalah berasaskan projek iaitu item berbentuk tugas rancangan perniagaan. Jumlah peruntukan masa bagi tempoh menjawab keseluruhan soalan adalah satu jam lima belas minit. Konstruk yang diuji dalam kurikulum Perniagaan adalah kemahiran mengingat dan memahami; kemahiran mengaplikasi; kemahiran menganalisis dan menilai; kemahiran mencipta; kemahiran menyelesaikan masalah dan membuat keputusan serta kemahiran keboleherjaan (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2017). Tugas Kertas 3 meliputi tajuk-tajuk yang terkandung dalam DSKP yang memerlukan pelajar menyiapkan tugas seperti dalam

dunia perniagaan yang sebenar (*situated learning*) dan pelajar diberi masa selama tiga bulan untuk menyiapkan tugas ini. Berdasarkan kemahiran yang diuji dalam pentaksiran kurikulum Perniagaan, hal ini jelas membuktikan bahawa kurikulum mata pelajaran Perniagaan memberi pendedahan kepada pelajar tentang kemahiran kebolehkerjaan yang dapat menepati kehendak industri dan firma pada masa kini. Khairul Azhar et al. (2019) mengatakan kemahiran kebolehkerjaan seperti kemahiran asas, kemahiran berfikir, kualiti peribadi, kecekapan tempat kerja dan kemahiran keusahawanan merupakan antara kemahiran terpenting dari sudut perspektif majikan yang perlu dikuasai oleh graduan masa kini bagi memenuhi keperluan pasaran kerjaya sama ada dengan bekerja sendiri mahupun bekerja dengan majikan. Hal ini jelas menunjukkan pendidikan perniagaan dan keusahawanan dalam mata pelajaran Perniagaan di sekolah menengah dapat mendedahkan pelajar kepada kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam memenuhi pasaran kerjaya kelak.

2.6 Teoritikal Kajian

2.6.1 Model Perantisan Kognitif

Konsep perantisan merujuk kepada pembelajaran sosial untuk membantu orang baru menjadi pakar dan dipercayai terbukti menjadi satu kaedah pembelajaran berkesan dalam pendidikan (Imiere, 2019). Sistem perantisan melibatkan sekumpulan pelajar dan novis yang mana berfungsi sebagai sumber antara satu sama lain bagi membentuk domain baharu dalam sesi pembelajaran dan mereka saling membantu dan mencabar antara satu sama lain manakala guru atau pakar yang secara relatifnya merupakan orang yang mahir akan menjadi orang yang penting dalam proses aktiviti pembelajaran tersebut. Ringkasnya, perantisan tradisional merupakan proses yang mana orang berpengalaman membantu orang yang kurang berpengalaman (Collins et al., 1991).

Perantisan kognitif menambah baik perantisan tradisional yang hanya memberi tumpuan kepada interaksi secara sosial sambil membuat pemerhatian yang mudah untuk menyelesaikan tugas iaitu dengan membangunkan kemahiran kognitif melalui pengalaman pembelajaran untuk menyelesaikan masalah atau menyiapkan tugas (Woolley & Jarvis, 2007). Perantisan kognitif menggabungkan perantisan tradisional dalam teknik pengajaran yang menekankan empat elemen dalam pembelajaran iaitu permodelan (*modelling*), bimbingan (*scaffolding*), memudarkan bimbingan (*fading*) dan kejurulatihan (*coaching*) telah membawa kepada perantisan kognitif dengan menambah elemen persekolahan (Collins, Brown & Newman, 1989). Collins et al. (1989) menjelaskan lagi proses permodelan dalam perantisan tradisional, seorang pengajar akan mendemonstrasikan tingkah laku yang akan dipelajari, *scaffolding* merupakan proses guru memberi bimbingan dan lama kelamaan bimbingan dari guru akan terhenti secara perlahan-lahan, *fading* merujuk kepada bimbingan yang akan terhenti secara perlahan-lahan apabila pelajar dapat menyelesaikan tugas dengan sendiri dan seterusnya *coaching* melibatkan permentoran yang mengawal keseluruhan proses pembelajaran serta memberikan maklum balas. Elemen ini merupakan paling kritikal yang memerlukan guru memerhati pelajar sambil memberi bimbingan dan peringatan jika perlu semasa pelajar menyiapkan tugas atau projek (Salyani et al., 2016). Proses perantisan kognitif berlaku apabila pelajar menjadi lebih mahir mengendalikan tugas setelah mereka diberi tunjuk ajar dengan memerhatikan pengajar melakukan aktiviti fizikal untuk mendapatkan pengetahuan dan pelajar akan memodelkan tingkah laku tersebut dengan bimbingan dan bantuan pengajar (Woolley & Jarvis, 2007).

Perantisan kognitif memerlukan komponen kognitif dan metakognitif dalam proses pembelajaran yang diguna pakai oleh pelajar untuk mencari solusi setiap permasalahan dengan menggunakan pengetahuan yang mereka pelajari kepada situasi yang berlainan atau lebih rumit di luar bilik darjah (Imiere, 2019). Perantisan kognitif boleh dijadikan satu model pengajaran kepada guru-guru atau tenaga pengajar dengan mengadaptasinya di dalam bilik darjah terutama bagi aktiviti yang melibatkan aktiviti *hands-on* atau praktikal. Pembangunan pemantauan dan kemahiran sendiri dalam kalangan pelajar akan terbentuk dengan mengintegrasikan keempat-empat aspek perantisan tradisional dalam proses pembelajaran yang mana pemerhatian menjadi satu elemen yang paling kritikal semasa guru menjalankan tugas yang akhirnya pelajar akan membentuk satu konsep tugas berdasarkan pemerhatian yang dilakukan (Kirchner & Carl, 2020). Kelas atau bilik darjah merupakan elemen yang penting dalam perantisan kognitif yang akan mewujudkan persekitaran sosial yang membolehkan pelajar memodelkan tingkah laku mereka pada tahap kepakaran yang berbeza-beza di mana proses ini akan menggalakkan mereka membuat pemerhatian terhadap rakan sebaya mereka bagi mengukur tahap kemajuan mereka sendiri.

Collins Allan et al. (1989) telah mereka bentuk kerangka persekitaran pembelajaran berasaskan perantisan kognitif yang terdiri daripada empat dimensi utama iaitu;

i) Kandungan (*content*)

Guru atau tenaga pengajar perlu memberi pengetahuan asas yang kukuh berkaitan dengan konsep, fakta dan prosedur tentang pengetahuan atau tugas. Dengan menguasai asas pengetahuan, mereka akan mengaplikasi strategik heuristik atau peraturan dalam menyiapkan tugas mengikut prosedur yang betul dengan membuat kawalan metakognitif untuk menguasai strategi pembelajaran iaitu berkaitan konsep, fakta dan prosedur yang telah dipelajari.

ii) Pendekatan (*method*)

Pendekatan pembelajaran yang boleh digunakan oleh guru seperti permodelan akan membolehkan pelajar membuat pemerhatian, melibatkan diri, dan mencipta sesuatu seperti mana dalam konteks yang telah dipelajari. Pendekatan lain yang boleh digunakan adalah kejurulatihan, bimbingan, artikulasi, refleksi dan penerokaan.

iii) Berurutan (*sequencing*)

Melibatkan urutan atau proses dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran. Pengetahuan mestilah dikuasai secara menyeluruh sebelum melaksanakan tugas supaya pembelajaran yang bermakna dapat dibentuk. Guru boleh mempelbagaikan situasi yang berbeza bagi mendedahkan pelajar kepada konteks yang lebih luas.

iv) Sosial (*social*)

Perantisan kognitif menekankan pembelajaran yang dapat mengaplikasikan dalam keadaan dunia yang sebenar (*situated learning*) dan bekerja dengan rakan sebaya. Pemerhatian yang dilakukan secara berulang akan menonjolkan proses pemikiran pelajar yang dapat dilihat oleh guru dan rakan sebaya. Ini akan membolehkan pelajar membentuk matlamat sendiri dan berusaha untuk menyelesaikan tugas yang telah diberikan.

Terdapat ramai pengkaji yang membangunkan model atau modul pengajaran telah mengadaptasi perantisan kognitif dalam kajian pembangunan mereka. Umpamanya, Mingdan, Dewitt dan Norlidah (2020) telah membangunkan modul komunikasi teknikal kepada pelajar kejuruteraan di institusi TVET dalam memastikan pencapaian pelajar dan kebolehpasaran dalam sektor pekerjaan. Maszuraini Miswan & Hamedi

Adnan (2018) telah membangunkan papan cerita aplikasi literasi LINUS (*Literacy and Numeracy Screening*) untuk meningkatkan kemahiran membaca kanak-kanak. Selain itu, Salyani et al. (2016) telah membangunkan satu perisian web songket bagi membantu pembelajaran seni kraf songket dengan menggunakan pendekatan perantisan kognitif. Pendekatan perantisan kognitif adalah sesuai dan dicadangkan dalam pengajian falsafah yang kebiasaannya menggunakan pendekatan pengajaran berpusatkan guru (Imiere, 2019).

Walau bagaimanapun, dapatan menunjukkan berlaku permasalahan dalam program perantisan institusi TVET di Kenya yang didapati mempunyai kelemahan dalam struktur dasar latihan amali (Kivindu, 2021). Proses pembelajaran kemahiran praktikal memerlukan masa yang panjang, mencabar dan terlalu banyak peringkat (Lensjø, 2020). Penglibatan industri dalam pelaksanaan latihan korporat masih rendah, jurulatih dan pelatih TVET mempunyai perbezaan pandangan yang ketara tentang amalan latihan korporat (Wudneh, Seifu & Dagneu 2022). Justeru, kajian lanjutan perlu dijalankan bagi mengenal pasti langkah-langkah penambahbaikan serta cadangan untuk meningkatkan asas struktur pendekatan perantisan kognitif dalam institusi pendidikan. Strategi dan pendekatan dalam model perantisan kognitif akan digunakan dalam membuat penilaian kurikulum bagi elemen proses memandangkan Kertas 3 dalam format pentaksiran kurikulum Perniagaan memerlukan pelajar melaksanakan projek kerja kursus yang perlu disempurnakan dalam tempoh tiga bulan.

2.6.2 Model Penilaian Kurikulum

2.6.2.1 Konsep Penilaian

Terdapat perbezaan takrifan berkaitan dengan penilaian mengikut pandangan beberapa pengkaji. Penilaian boleh didefinisikan sebagai satu kaedah penyelidikan yang menyiasat secara sistematik tentang keberkesanan sesuatu program dengan tujuan untuk menambah baik (Rossi, Lipsey, & Freeman, 2004). Menurut Weiss (1998) pula, penilaian merupakan satu penyemakan sistematik terhadap hasil sesuatu program yang dapat menyumbang kepada penambahbaikan sesebuah program. Penilaian membantu sesebuah program dapat berfungsi dengan cekap dan berkesan (Guyadeen & Seasons, 2016). Penilaian juga didefinisikan sebagai proses memantau kemajuan sesebuah institusi ke arah objektif dan matlamat program (Shamsa Azis, Munazza Mahmood & Zahra Rehman, 2018). Stufflebeam (1971) mendefinisikan penilaian sebagai langkah-langkah mengenal pasti, memperoleh dan membekalkan maklumat yang berguna dan boleh diguna pakai untuk menilai opsyen-opsyen bagi membuat keputusan.

Penyelidikan tentang penilaian merupakan sebuah kajian yang dilakukan secara sistematik untuk mengesan masalah yang timbul, mengumpul, merekod dan menganalisis data bagi mengesan program yang sedang berjalan atau yang telah berjalan sama ada dapat memberikan kesan yang menguntungkan semua pihak atau sebaliknya. Pengukuran prestasi pencapaian sama ada sesebuah organisasi mahupun program adalah amat mustahak bagi mengenal pasti tahap pencapaian, mengawal pemilihan pendekatan, menganalisis faedah dan pulangan pelaburan bagi sejumlah dana yang telah diperuntukkan (Abdul Rahman, Zulkifi & Yahya 2017). Aras pencapaian yang telah dikenal pasti akan membolehkan organisasi membuat tindakan yang sesuai untuk memilih pendekatan yang terbaik dalam amalan organisasi tersebut. Umumnya, dapatan aras pencapaian akan digunakan oleh pihak berkepentingan dalam

organisasi untuk menilai tindakan yang boleh diambil pada masa akan datang. Penilaian juga boleh dilakukan secara formatif dan sumatif.

Penilaian program dalam pendidikan didefinisikan sebagai satu kajian sistematik yang melibatkan analisis jangkaan pemboleh ubah-pemboleh ubah terhadap sesuatu program pendidikan dengan mengenal pasti situasi sebenar tentang kecekapan, kesesuaian pelanggan, keberkesanan dan nilai ekonomi (Ghazali, Othman & Normah 2017). Kecekapan merujuk kepada sejauh manakah sumber dan sokongan telah digunakan secara berkesan dalam menghasilkan output atau sejauh manakah program boleh dijalankan dengan lebih cekap, kesesuaian pelanggan merujuk kepada sejauh manakah objektif program telah memenuhi keperluan pelanggan atau adakah objektif program masih relevan dengan keperluan pelanggan, keberkesanan mengukur sejauh manakah program tersebut berkesan dan nilai ekonomi mengukur penggunaan kos input yang dapat dijimatkan bagi mengelakkan pembaziran.

Pelaksanaan sesebuah program pastinya telah dirancang dan disusun mengikut sejumlah sumber kewangan yang telah diperuntukkan bagi tempoh-tempoh yang tertentu. Menurut Mohamed Najib Abdul Ghafar (2016), proses penilaian membolehkan status sesuatu perkara, objek atau proses diketahui melalui maklumat yang diperolehi daripada pelbagai alat, instrumen atau ujian. Oleh itu, penilaian ke atas program tersebut sudah pastinya amat diperlukan dan menjadi kepentingan bagi sesebuah organisasi. Hasil program perlu dinilai dengan teliti sama ada output yang dihasilkan mencapai seperti mana kehendak sasaran yang telah ditetapkan supaya setiap ringgit yang dibelanjakan mendapat pulangan yang sepatutnya. Jika penilaian yang dibuat adalah bertujuan untuk menguji keberkesanan, maka proses itu akan melibatkan peringkat-peringkat dalam mengumpul maklumat secara teliti dan bersistematik berkaitan dengan pelaksanaan sesuatu program dari aspek objektif dan

kandungan program, kemudahan dan proses pelaksanaan serta hasil yang dapat dicapai setelah program berakhir.

Terdapat beberapa pelopor sarjana penilaian program telah menjelaskan bahawa penilaian yang dilakukan bukan untuk pembuktian sebaliknya untuk penambahbaikan bagi sesuatu program (Provus, 1969; Stufflebeam, 1971; Stake, 1975). Hal ini jelas menunjukkan bahawa penilaian terhadap program, kursus, mahupun kurikulum adalah bagi tujuan untuk menilai kualiti bagi keseluruhan aspek yang akhirnya membuat kesimpulan tentang hasil yang telah dicapai sama ada memenuhi sasaran seperti mana yang dirancang. Apa sahaja dapatan yang diperoleh daripada penilaian tersebut akan diambil kira dalam membuat tindakan penambahbaikan. Secara umumnya, pihak berkepentingan sama ada organisasi, agensi mahupun kementerian akan 'membuat tindakan pembedahan dan penyesuaian (*self-correction and adjustment*) setelah memperoleh dapatan penilaian (Ghazali et al., 2017). Walau bagaimanapun, untuk membuat penilaian menurut pandangan Morgan (2008), pelaksanaan penilaian memerlukan pemahaman yang mendalam tentang aspek yang perlu dinilai dan cara untuk menilai; cara mengumpul dan menganalisis maklumat serta cara bertindak dan melaksanakan apa yang telah dipelajari.

Setiap dapatan yang diperoleh hasil daripada membuat penilaian boleh digunakan untuk langkah-langkah penambahbaikan dan penjimatan, mengemukakan cadangan dasar-dasar baharu dan anggaran belanjawan bagi tahun-tahun yang berikutnya (Ghazali et al., 2017). Keperluan dan kepentingan penilaian sesuatu program akan membolehkan program disemak dan diubahsuai; ditambah baik sumber dan proses dari semasa ke semasa mengikut keperluan terkini; mengesan tahap sesuatu perkara;

mengenal pasti kekuatan dan kelemahan program; memperbaiki sesuatu perkara dan bukan untuk membuktikan; membenarkan tindakan susulan diambil atau menghentikan program. Salah satu faedah yang diterima apabila membuat proses penilaian terhadap sesebuah program menurut Muhammad Hafiz, Zawawi dan Zaharah (2018) adalah dapat memberi bukti yang kukuh dan terperinci tentang sebab program tersebut berjaya atau gagal, strategi yang menyebabkan berjaya atau gagal dan menghubungkan kait antara faktor pengaruh kejayaan dan pengaruh kegagalan. Oleh hal yang demikian, penilaian pada umumnya dapat membantu pembangunan diri individu, kumpulan, agensi mahupun kementerian yang terlibat dalam program tersebut sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

2.6.2.2 Konsep Model Penilaian Pendidikan

Definisi model menurut Ghazali et al. (2017) adalah satu gambaran konseptual tentang proses aktiviti yang menunjukkan hubungan pelbagai elemen dalam aktiviti tersebut. Model digambarkan sebagai penjelasan tentang carta aliran yang boleh didatangkan daripada pelbagai bentuk, untuk menerangkan tentang idea, konsep, prinsip, langkah dan urutan bagi sesuatu proses. Model penilaian akan membantu pengkaji mendapatkan gambaran proses penilaian bermula mengumpul maklumat sehingga proses membuat tindakan akhir. Justeru, kajian penilaian dalam pendidikan boleh dijalankan dengan menggunakan model-model penilaian yang telah dipelopori oleh para sarjana penilaian mengikut kesesuaian kajian yang ingin dilakukan berpandukan objektif penilaian program, subjek kajian, metodologi kajian dan hasil kajian yang ingin diharapkan. Antaranya Model Provus *Discrepancy* (Provus, 1969), Modul Penilaian Responsif (Stake, 1975), Model Matlamat Bebas (Scriven, 1991) dan Model Penilaian CIPP (*context-input-process-product*) (Stufflebeam, 1971).

Dalam kajian penilaian kurikulum Perniagaan Sekolah Menengah yang dijalankan ini, pengkaji telah memutuskan untuk menggunakan Model Penilaian CIPP (*Context, Input, Process, Product*) sebagai pelan untuk mereka bentuk kajian penilaian. Justifikasi pemilihan model ini sebagai reka bentuk kajian adalah disebabkan oleh perkara berikut;

- i) Model penilaian CIPP bersifat holistik atau menyeluruh dengan membuat penilaian dari pelbagai sudut dan aspek seperti mana empat elemen yang dinilai dalam model ini. Ramai penyelidik telah mengadaptasi model ini dalam kajian penilaian pendidikan ataupun kurikulum.
- ii) Model ini sesuai digunakan ketika program sedang berjalan atau setelah tamat. Kurikulum Perniagaan Sekolah Menengah mula dilaksanakan pada tahun 2016 dan kurikulum ini masih dijalankan di sekolah menengah. Kajian penilaian ke atas kurikulum Perniagaan amat sesuai dilaksanakan bagi melihat proses keberkesannya memandangkan kurikulum ini telah berlangsung kira-kira enam tahun di dalam sistem pendidikan sekolah menengah.
- iii) Walaupun pendekatan model ini bersifat pengurusan, persepsi pelanggan iaitu pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum Perniagaan juga tetap dinilai dan diambil kira. Pihak pemegang taruh boleh menggunakan dapatan yang diperoleh untuk mengenal pasti kelemahan dan membuat penambahbaikan bagi memenuhi sasaran atau aspirasi negara terhadap pelajar.

2.6.2.3 Model Penilaian CIPP

Model Penilaian CIPP (*context-input-process-product*) diperkenalkan oleh Daniel Stufflebeam pada tahun 1971 yang juga merupakan seorang tokoh penilaian program

pendidikan. Lazimnya, teori yang diperkenalkan ini adalah berkonsepkan *decision management-oriented* (orientasi keputusan pengurusan) yang sering dijadikan panduan bagi menilai program dalam pendidikan. CIPP merujuk kepada huruf awal dalam perkataan *context, input, process* dan *product*. Menurut Mohd Tafizam (2018), penilaian berasaskan model ini lebih mengutamakan penambahbaikan berbanding kritikan. Hal ini adalah merujuk kepada Stufflebeam, (1971) yang mengatakan bahawa penilaian model ini berorientasikan pengurusan membuat keputusan di mana matlamat penilaian adalah untuk membuat sesuatu keputusan terhadap kursus mahupun program pendidikan sama ada untuk meneruskan atau menamatkan program. Penilaian melalui model ini juga lebih komprehensif kerana pendekatan penilaiannya dibuat secara berterusan.

Ramai pengkaji bersetuju bahawa model ini sesuai untuk diguna pakai untuk kajian penilaian sesebuah program dalam institusi pendidikan. Antaranya Shamsa Azis et al., (2018), yang turut berpandangan Model CIPP menilai secara keseluruhan dengan berkesan dalam sesebuah program. Menurut Liau (2014), hasil penilaian boleh dijadikan petunjuk untuk membuat keputusan oleh pihak yang membuat keputusan. Penilaian kurikulum digunakan untuk membuat keputusan tentang kewajaran kurikulum tersebut diteruskan, diperbaiki atau diperbaharui sepenuhnya selepas pengumpulan data dibuat bagi melihat tahap keberkesanan sebahagian atau keseluruhan kurikulum (Norlidah et al., 2018). Oleh itu, keputusan yang diambil mestilah berdasarkan hasil penilaian yang telah dibuat secara menyeluruh berdasarkan kekuatan dan kelemahan yang diperolehi semasa pelaksanaan kurikulum tersebut dijalankan.

Model CIPP secara keseluruhannya berbentuk penilaian secara berterusan sama ada program atau kurikulum yang dilaksanakan masih berjalan ataupun telah tamat. Data atau maklumat berkaitan dengan penilaian yang dikaji boleh diperolehi daripada pelbagai kaedah seperti pemerhatian, analisis dokumen, temu buat atau soal selidik. Kebiasaannya, maklumat atau dapatan yang diperolehi akan digunakan oleh pihak pengurusan untuk membuat keputusan terhadap program ataupun kurikulum yang dilaksanakan. Dalam membuat proses penilaian, Stufflebeam menerangkan tiga proses yang terlibat bagi mengesan keberkesanan sesebuah program iaitu meliputi;

- i) Mengenal pasti maklumat-maklumat yang dikehendaki bagi tujuan pengumpulan data.
- ii) Mencari maklumat yang diperlukan.
- iii) Menyediakan maklumat kepada pihak yang berkaitan.

Menurut Stufflebeam dan Shinkfield (2007), ketiga-tiga proses yang disebutkan hendaklah berturutan bagi keempat-empat elemen proses penilaian berikut;

- i) Penilaian konteks

Merujuk kepada penilaian yang menumpukan kepada kandungan program atau kurikulum seperti keperluan, peluang, matlamat, nilai kepercayaan, kemahiran, penguasaan dan sasaran. Dapatan daripada penilaian konteks membantu pembuat keputusan memberi jawapan kepada perancangan bagi mencapai matlamatnya. Penilaian ini dapat memberikan jawapan kepada persoalan tentang pencapaian objektif program atau kurikulum yang sedang dijalankan.

- ii) Penilaian input

Penilaian ini bertujuan menentukan sumber-sumber yang digunakan bagi memenuhi matlamat program. Selain itu, ia juga memfokuskan kepada bahan, sumber, kaedah dan strategi yang digunakan yang berkemungkinan dan berpotensi untuk mencapai

objektif program. Setelah penilaian dibuat, keputusan boleh diambil untuk membuat pengubahsuaian reka bentuk, prosedur, strategi atau kaedah terhadap program yang dijalankan.

iii) Penilaian proses


Proses melibatkan aktiviti mengawal program atau aktiviti yang sedang berlangsung dan memastikan rancangan selari dengan hasil yang diperolehi. Dalam penilaian ini, tiga strategi boleh digunakan dalam mendapatkan maklumat iaitu; (1) mengenal pasti aspek atau perkara yang boleh menghalang kepada pencapaian objektif program atau kurikulum, (2) menyediakan maklumat kepada pembuat keputusan dan (3) mengekalkan rekod prosedur yang sedang berlaku.

iv) Penilaian produk

Penilaian yang melibatkan proses mendapatkan maklumat menentukan output atau hasil bagi mencapai objektif program. Penilaian ini juga memfokuskan hubungan pencapaian objektif dengan konteks, input dan proses. Pada akhir penilaian, keputusan akan dibuat sama ada meneruskan, diubahsuai, ditangguh atau ditamatkan. Keempat-empat maklumat penilaian ini perlu dikumpul dan digabungkan untuk membuat keputusan oleh pembuat keputusan. Rajah 2.2 menunjukkan Model CIPP berkonsep '*Decision Making in Evaluation*' oleh Daniel Stufflebeam (1971) yang lazimnya digunakan dalam kebanyakan penyelidikan penilaian pendidikan.

Rajah 2.2

Model CIPP berkonsep 'Decision Making in Evaluation'



Menurut (Sri Lestari et al., 2019), Model Penilaian CIPP mempunyai keistimewaan dan kekurangannya. Antaranya;

- i) Model ini menggunakan pendekatan secara holistik bagi menerangkan penilaian yang terperinci dan meluas terhadap sesuatu program bermula dengan membentuk objektif, proses pelaksanaan dan output yang dihasilkan.
- ii) Bertindak dalam bentuk penilaian secara formatif dan sumatif bagi membolehkan tindakan diambil semasa program sedang dilaksanakan.

Namun, model ini juga terdapat kelemahannya juga dari beberapa sudut iaitu;

- i) Tanggapan pendekatan yang digunakan bersifat pengurusan iaitu dari atas ke bawah.
- ii) Terlalu mementingkan bagaimana proses itu harus dilaksanakan tanpa meletakkan realiti yang berlaku di lapangan.
- iii) Cenderung untuk mengemukakan rasional di peringkat pengurusan tanpa mengakui realiti kerumitan yang berlaku.

2.7 Kajian berkaitan dengan Pelaksanaan Kurikulum Mata Pelajaran Perniagaan

Pelaksanaan kurikulum mata pelajaran Perniagaan di Malaysia mula diperkenalkan secara formal pada tahun 2017 apabila kurikulum baharu iaitu KSSM diperkenalkan di sekolah menengah bermula dengan pelajar tingkatan empat yang mana mata pelajaran ini dijanjikan sebagai mata pelajaran elektif. Sejak pelaksanaannya, banyak kajian berkaitan dengan kurikulum perniagaan telah dijalankan bagi mengkaji pelbagai aspek khususnya yang melibatkan pihak seperti pelajar, guru, dan pentadbir sekolah. Dapatan kajian telah dijadikan sebagai sumber utama dalam kajian penilaian terhadap mata pelajaran ini.

2.7.1 Kajian berkaitan dengan elemen penilaian konteks

Pembangunan kurikulum dalam sistem pendidikan perlu selari dengan keperluan industri negara. Pendidikan yang diterapkan di peringkat awal persekolahan hingga ke peringkat pengajian tinggi adalah bertujuan mempersiapkan generasi yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam menerajui negara. Selari dengan itu, mempersiapkan generasi ke arah warganegara yang berkompeteren perlu dimulai dengan pembangunan kurikulum yang relevan dan terkini. Menurut Titik Rahayu et

al. (2018) kurikulum perlu dibangun dengan baik dan berkesan bagi mencapai sesuatu matlamat pembelajaran. Integrasi kursus ekonomi dan pengurusan boleh dijadikan sebagai pencetus atau langkah pertama terhadap inovasi dan keusahawanan dengan memperbaiki dan menyepadukan kandungan pengajaran, penerokaan dan penyelidikan serta memperbaharui sistem penilaian kurikulum (Liqin, 2021). Hasil kajian Iklima Husna et al. (2020) menunjukkan niat keusahawanan pelajar dipengaruhi oleh kurikulum keusahawanan dan kaedah pengajaran. Hal ini membuktikan bahawa kandungan kurikulum yang memenuhi keperluan industri pada masa hadapan mempengaruhi pendidikan keusahawanan. Dapatan yang ditemui oleh Birgili dan Kırkıkç, (2021), terdapat kelemahan yang ketara dalam kandungan kursus keusahawanan di mana program tersebut didapati kurang sesuai dengan pemilihan kumpulan sasaran yang menjalani kursus. Kesilapan dalam menentukan kandungan kursus dengan kumpulan sasaran menyebabkan pencapaian keberhasilan tidak seperti yang diharapkan. Kandungan kurikulum yang sepadan dan menarik akan menukar persepsi dan minat pelajar kerana kejayaan masyarakat pada masa hadapan ditentukan oleh kurikulum yang diamalkan pada masa sekarang (Nooraini Othman & Siti Soleha Misman, 2010).

2.7.2 Kajian berkaitan dengan elemen penilaian input

Aspek guru sebagai tenaga pengajar dalam pendidikan keusahawanan perlu diberi perhatian kerana guru adalah orang tengah yang menjadi tunjang dalam penyebaran pengetahuan dan kemahiran keusahawanan. Dalam kajian yang dijalankan oleh Kasturi Rajan dan Norasmah Othman (2022) menunjukkan hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan tahap kemahiran TMK guru dengan prestasi subjek Perniagaan. Hal ini jelas menunjukkan kesediaan guru amat penting dalam menentukan pencapaian murid. Kemahiran TMK perlu dikuasai oleh guru

memandangkan kemahiran ini merupakan kemahiran abad ke 21 yang bukan sahaja perlu dikuasai oleh murid, malahan guru juga turut memainkan peranan dalam melaksanakan proses PdP abad ke 21. Kalai Selvan (2018) turut menyokong dapatan tersebut yang mengatakan bahawa guru tidak boleh lagi mengamalkan pendekatan tradisional dalam melaksanakan proses PdP. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan sesetengah guru kurang memahami amalan *scaffolding* iaitu guru sebagai pembimbing dalam proses PdP. Amalan *scaffolding* adalah selari dengan keperluan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) aspek 4.3 iaitu guru sebagai pembimbing kepada pelajar secara berterusan. Amalan *scaffolding* dipercayai membantu meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar khususnya dalam kepelbagaian aras kesukaran pembelajaran berasaskan masalah (PBL) dan berupaya mengawal pembelajaran sendiri mengikut keperluan dan kemampuan mereka (Kim, Belland & Azelrod, 2019).

Terdapat banyak kajian membuktikan tentang kepentingan sebagai usahawan dalam dunia hari ini kerana pertumbuhan perniagaan dikatakan mengalami peningkatan dan menjadi antara sumber terpenting dalam sesebuah negara. Menurut Elahi (2019), adalah penting kepada semua pendidik untuk memahami gaya pembelajaran yang sesuai bagi memupuk pelajar menjadi seorang usahawan dengan mewujudkan persekitaran sosial serta menguasai teori atau prinsip asas untuk mengajar tentang keusahawanan bagi mewujudkan usahawan yang berjaya di dalam bilik darjah. Menurut penulis lagi, pendekatan konstruktivisme menggalakkan penyertaan pelajar aktif di dalam bilik darjah kerana belajar bukan untuk mencari ilmu tetapi untuk membina ilmu. Kajian yang dijalankan oleh Nora'ini Abdul Rahman dan Nor Aishah Buang (2019) menunjukkan cara pengajaran fasilitator paling disukai oleh pelajar kerana cara ini membentuk interaksi dan hubungan pelbagai hala antara guru dan

pelajar. Menurut penulis lagi, untuk menyokong pembelajaran berasaskan pelajar dan berasaskan projek, gabungan gaya fasilitator dan gaya model personal dikesan sebagai gaya yang paling sesuai. Gaya pengajaran dan pembelajaran ini menyokong model perantisan kognitif yang diketengahkan oleh Collins et al. (1991). Pendekatan penyelesaian masalah yang digunakan oleh guru dalam PdP mampu membantu pelajar untuk menyelesaikan masalah secara sistematik dan berkesan (Zainudin & Nor Hisham, 2011). Amalan dalam perantisan kognitif boleh digunakan dalam pendekatan penyelesaian masalah. Mulyati Timbang dan Abdul Said Ambotang (2020) mencadangkan agar guru perlu peka dengan perubahan inovasi teknologi yang perlu dihadapi oleh generasi pelajar hari ini di mana usaha ini sebagai langkah meningkat profesional keguruan. Kesediaan guru amat penting dalam melaksanakan pendidikan keusahawanan dalam sistem pendidikan.

Bagi memastikan proses PdP memberi impak terhadap keberkesanan dalam penguasaan pelajar, kesediaan pelajar merupakan aspek yang penting dalam memastikan kejayaan tersebut. Berbanding kreativiti, kecerdasan emosi banyak mempengaruhi pelajar untuk menyertai aktiviti keusahawanan (Nur Syazwani & Radin Siti Aishah, 2021). Dapatan ini juga hampir turut menyamai penemuan dalam kajian Fatimah wati et al. (2007) bahawa prestasi adaptif merujuk kepada bagaimana seseorang menunjukkan kemahirannya melalui tingkah laku yang dapat menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran yang dipengaruhi oleh kecerdasan emosi dan kemahiran generik. Menurut dapatan dalam kajian daripada Wan Mohd Zaifurin, Nor Hayati, Sabri dan Ibrahim (2016), hampir semua responden menunjukkan kecenderungan dalam bidang keusahawanan selepas mengikuti kursus jangka pendek Program Tunas Niaga. Justeru, strategi untuk meningkatkan kesediaan pelajar terhadap pendidikan keusahawanan wajar dipandang serius.

Pendidikan perniagaan dan keusahawanan dalam aktiviti kokurikulum seperti Kelab Keusahawanan boleh merubah kecenderungan pelajar kepada kerjaya dalam bidang keusahawanan (Wan Mohd Zaifurin & Ibrahim Mamat, 2020). Dapatan ini menunjukkan pendidikan perniagaan dan keusahawanan yang diterapkan dalam pendidikan di luar bilik darjah juga boleh mempengaruhi kesediaan pelajar untuk menjadi usahawan. Namun, tahap kesedaran keusahawanan untuk memilih bidang ini sebagai kerjaya dilihat masih di tahap sederhana (Nur Fatimah & Radin Siti Aishah, 2021). Dapatan ini turut ditemui dalam kajian Siti Hawa dan Nurfaradilla (2021), kebanyakan pelajar menengah rendah tidak berminat untuk memilih kerjaya usahawan pada masa akan datang. Keputusan kajian yang dijalankan oleh Pepin (2018) menunjukkan bahawa, pelajar perlu belajar mencipta dan membangunkan kedai sendiri melalui proses siasatan bagi membolehkan mereka lebih berdaya usaha dalam membuat perancangan dan melaksanakan projek. Menurut Mohamad Izzuan (2017), pembentukan kemahiran usahawan bukan setakat mempelajari teori semata-mata tetapi perlu disusuli dengan praktikal dan amalan. Ini selari dengan teori perantisan kognitif yang menawarkan situasi pembelajaran dalam dunia yang sebenar. Sistem *scaffolding* (bimbingan) berpusatkan pelajar dapat meningkatkan pengalaman pelajar dalam pembelajaran berasaskan masalah mengikut tahap keperluan dan aras kesukaran (Kim, Belland & Axelrod, 2019). Pendekatan strategi pelbagai memberi kesan kepada positif pelajar Pengajian Perniagaan terhadap pencapaian akademik yang mana kecerdasan verbal linguistik, logik matematik, visual ruang dan interpersonal adalah paling signifikan (Peng, Mohd Asri & Nor Azrin, 2020). Dengan mempelbagaikan strategi dan pendekatan dalam pembelajaran, minat dan kecenderungan pelajar dalam pendidikan keusahawanan boleh dipertingkatkan.

Dalam usaha menjadikan PdP berkesan di peringkat sekolah, peranan pengetua atau pentadbir adalah menjadi satu kepentingan dari aspek pemantauan dan sokongan. Peranan pentadbir menjadi salah satu faktor yang membawa kepada peningkatan profesion perguruan (Mulyati Timbang & Abdul Said Ambotang, 2020). Pengetua dan golongan pentadbir merupakan badan pengurusan yang mentadbir dalam sesebuah institusi pendidikan. Amalan pendidikan keusahawanan dalam sesebuah institusi pendidikan dipengaruhi oleh tahap pendidikan keusahawanan pengetua dalam institusi tersebut (Hämäläinen et al., 2018). Hal ini adalah kerana pengetua merupakan ketua dalam pengurusan sekolah yang memainkan peranan dalam memastikan pelaksanaan kurikulum yang dibangunkan oleh pihak kementerian dilaksanakan di sekolah. Memandangkan pendidikan keusahawanan menjadi kepentingan kepada generasi negara, sokongan dan latihan kepada pengetua dan pentadbir sekolah perlu dipandang serius oleh pihak kementerian.

2.7.3 Kajian berkaitan dengan elemen penilaian proses

Proses pengajaran dan pembelajaran abad ke 21 dilihat mempunyai cabaran dan kekangan yang tersendiri. Keputusan kajian yang dijalankan oleh Rafidah dan Mohd Safiee (2016) menunjukkan empat konstruk yang diuji iaitu sikap guru, tahap kemahiran guru, penerapan nilai keusahawanan dan minat pelajar terhadap proses PdP Perniagaan dan Keusahawanan berada pada tahap yang baik. Walaupun guru mempunyai persepsi yang baik terhadap pembelajaran abad ke 21, namun guru berhadapan dengan kekangan seperti limitasi masa, pengetahuan melaksanakan pembelajaran abad ke 21 yang terhad dan kemudahan TMK yang terbatas (Norazlin & Siti Rahaimah, 2019). Antara cabaran besar dalam pendidikan perniagaan dan keusahawanan negara adalah penerapan pengetahuan dan kemahiran serta memupuk sikap dan minat dalam kalangan pelajar dalam meningkatkan kesedaran keusahawanan

(Wan Naqiyah & Rohana, 2021). Dapatan kajian Lian dan Cheng (2018) menunjukkan tahap keprihatinan guru terhadap pelaksanaan kerja kursus berada pada tahap sederhana. Pelaksanaan proses pentaksiran berasaskan sekolah yang kini dikenali sebagai pentaksiran bilik darjah juga mempunyai cabaran sejak diperkenalkan pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, cabaran ini perlu ditangani secara positif oleh pihak kementerian, sekolah dan guru secara khususnya. Nor Hasnida (2016) mencadangkan sumber dan prosedur pentaksiran bilik darjah yang dibekalkan di sekolah digunakan untuk menyokong pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. Hal ini bagi membolehkan proses pentaksiran menjadi lebih berkesan dan boleh dipercayai.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Sri Lestari, Aldila dan Laeli (2019) berkaitan dengan penilaian program keusahawanan di sebuah universiti ke atas keempat-empat elemen menunjukkan bahawa terdapat kelemahan dari aspek tahap penguasaan pelajar yang masih lagi rendah disebabkan tempoh latihan yang terlalu singkat, peserta kursus keusahawanan yang dipilih secara random tanpa mengambil kira minat pelajar dan kekurangan bimbingan dan panduan berkaitan dengan visi dan misi pengajian. Menurut dapatan dalam kajian daripada Wan Mohd Zaifurin, Nor Hayati, Sabri dan Ibrahim (2016), hampir semua responden menunjukkan kecenderungan dalam bidang keusahawanan selepas mengikuti kursus jangka pendek Program Tunas Niaga. Dalam kajian penilaian terhadap latihan kemahiran vokasional bagi Orang Asli telah dijalankan oleh Zamani Ibrahim (2016) menunjukkan peningkatan tahap pengetahuan dan kemahiran pelatih selepas menjalani latihan kemahiran vokasional.

Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum (2016), kurikulum mata pelajaran Perniagaan dibangunkan dengan ciri-ciri yang bersandarkan standard badan persijilan dan badan professional dalam mempersiapkan asas pengetahuan yang kukuh sebagai persediaan kepada pelajar lepasan menengah yang berminat untuk melanjutkan

pelajaran dalam bidang yang sama di IPT dan seterusnya menguasai kompetensi standard industri. Namun untuk benar-benar pelajar lepasan IPT memilih dan menjadikan perniagaan sebagai pekerjaan masih berada pada peringkat yang sederhana (Sarmila, Zaimah & Nur Shafiqah, 2021; Noor Aznaim, Muhammad Syahruldeen, Zainur Nadiyah, Mohamad Afandi & Muhamad Hasif, 2021). Hal ini seolah-olah menunjukkan pilihan bidang keusahawanan merupakan pilihan kerjaya terakhir dalam kalangan pelajar. Objektif dan matlamat kurikulum KSSM mata pelajaran Perniagaan dilihat masih belum sepenuhnya mencapai sasaran seperti yang dikehendaki. Untuk itu, kesesuaian kandungan kurikulum berdasarkan objektif dan matlamat mata pelajaran tersebut merupakan domain konteks yang perlu dinilai dalam kajian ini.

Peranan guru sebagai pembimbing secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan salah satu komponen yang terkandung dalam Sistem Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) yang menjadi satu kewajipan kepada semua guru untuk mempraktikkan dalam amalan pengajaran mereka. Namun, terdapat dalam kalangan guru MPEI Perniagaan yang dilihat masih kurang memahami amalan *scaffolding* iaitu guru sebagai pembimbing secara berterusan dalam proses PdP (Kalai Selvan, 2018). Hal ini akan menjadi cabaran kepada pelaksanaan pembelajaran abad ke 21 seperti mana yang terkandung dalam kandungan DSKP mata pelajaran Perniagaan Tingkatan Empat dan Lima. Kandungan kurikulum Perniagaan yang dibangunkan oleh bahagian Pembangunan Kurikulum (2015) mengambil kira penerapan pembelajaran abad ke 21 dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Namun, penemuan menunjukkan tahap kesediaan guru dalam menghadapi pengajaran dan pembelajaran abad ke 21 dilihat masih rendah (Bernard, Suppiah & Maslinda,

2021). Kesemua cabaran ini perlu dinilai dan dikaji dalam konteks pelaksanaan kurikulum mata pelajaran Perniagaan.

Salah satu transformasi dalam sistem pendidikan kebangsaan PPPM 2013-2025 adalah menggalakkan budaya kemahiran berfikir abad ke 21 bagi membolehkan pelajar mampu bersaing di peringkat global. Namun, penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran ke arah berfikir aras tinggi dilihat kurang aktif di dalam bilik darjah (Nurulhuda et al., 2021). Dalam kurikulum KSSM mata pembelajaran Perniagaan, kemahiran abad ke 21 diterapkan dalam aktiviti pembelajaran dan tugas projek perniagaan. Kekurangan menguasai kemahiran ini akan membantutkan proses penyampaian kurikulum ini dengan lebih berkesan. Justeru, penilaian tahap terhadap kesediaan pelajar perlu dikaji bagi mendapatkan gambaran kesediaan pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum ini di sekolah.

Bagi memastikan PdP berkesan berlaku di peringkat sekolah umumnya dan di dalam bilik darjah khususnya, peranan pengetua atau pentadbir adalah menjadi satu kepentingan dari aspek pemantauan dan sokongan. Peranan pentadbir menjadi salah satu faktor yang membawa kepada peningkatan profesion perguruan (Mulyati Timbang & Abdul Said Ambotang, 2020). Pengetua dan golongan pentadbir merupakan badan pengurusan yang mentadbir dalam sesebuah institusi pendidikan. Pengetua atau pentadbir dalam sekolah perlu memantau dan menyokong aktiviti kurikulum yang berlaku dalam bilik darjah (Titik Rahayu et al., 2018). Iklim di sekolah dikaitkan dengan peranan dan sokongan pentadbir dalam memastikan iklim dan budaya sekolah berada dalam keadaan positif (Hassan Mohd Ghazali, 2019). Namun, terdapat penemuan yang mendapati iklim organisasi sekolah yang dilihat kurang

terbuka yang sekali gus akan memberi implikasi kepada pengetua untuk meningkatkan akauntabiliti (Leong & Norazah Mohd Nordin, 2021). Hal ini adalah kerana pengetua merupakan ketua dalam pengurusan sekolah yang memainkan peranan dalam memastikan pelaksanaan kurikulum yang dibangunkan oleh pihak kementerian dilaksanakan di sekolah. Justeru, penilaian berkaitan dengan tahap kesediaan guru yang mengajar mata pelajaran Perniagaan, tahap kesediaan pelajar Perniagaan dan peranan pentadbir merupakan dimensi input yang perlu diberi perhatian yang mendalam dalam kajian ini.

Dalam memastikan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, guru memainkan peranan yang penting kerana guru adalah pihak yang terlibat secara terus dalam pengurusan kelas (Gaias, Lindstrom, Botthiani, Debnam & Bradshaw, 2019). Walau bagaimanapun, terdapat masalah yang wujud dalam proses pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran di dalam bilik darjah. Memandangkan pendidikan hari ini khususnya subjek Perniagaan menawarkan kemahiran abad ke 21, maka adalah menjadi satu kewajaran kepada pihak sekolah untuk menyediakan sumber dan bahan yang menyokong pembelajaran abad ke 21. Dapatan kajian Norazlin dan Siti Rahaimah (2019) menemui masalah di kalangan guru dalam menjalankan pembelajaran abad ke 21 seperti kekangan masa, pengetahuan yang kurang mencukupi dan akses TMK yang terbatas. Keprihatinan guru dalam melaksanakan pentaksiran berasaskan bilik darjah juga pada tahap sederhana (Lian & Cheng, 2018). Oleh itu, domain proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Perniagaan turut dikaji dalam kajian ini.

2.7.4 Kajian berkaitan dengan elemen penilaian produk

Mengukur hasil atau produk bagi sesebuah kajian penilaian kurikulum adalah menjadi satu keperluan untuk melihat keberkesanan bagi program yang sedang dijalankan mahupun program yang telah tamat. Dapatan kajian daripada Nasihah Sulaiman dan Norasmah (2018) menunjukkan tahap kemahiran keusahawanan pelajar masih di tahap sederhana. Faktor ini mungkin disebabkan kurangnya pendedahan tentang pengetahuan dan pengalaman dalam bidang perniagaan. Menurut Nurul Hidayah dan Norasmah (2021) pelajar Perniagaan hanya mempunyai pencapaian cemerlang dari aspek afektif berbanding aspek kognitif dan psikomotor kerana emosi mereka berasa gembira apabila mempelajari mata pelajaran Perniagaan. Hal ini menyebabkan berlaku ketidakseimbangan antara aspek kognitif, psikomotor dan afektif di kalangan pelajar Perniagaan yang menjadi asas dalam kandungan kurikulum Perniagaan. Sungguhpun demikian, dapatan tersebut bertentangan dengan dapatan daripada kajian Zulnaidi Yaacob dan Mohd Kamil (2018) yang mana dua faktor peramal kepada kecenderungan keusahawanan adalah pengetahuan dan kemahiran keusahawanan. Justeru itu, tahap penguasaan pengetahuan, kemahiran dan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan akan menjadi domain produk yang akan dikaji dalam kajian ini kerana hasil atau produk kurikulum Perniagaan perlu melihat perubahan dalam aspek kognitif, psikomotor dan afektif. Berdasarkan dapatan daripada kajian lepas yang telah dibincangkan, satu analisis tematik seperti mana dalam Jadual 2.3 telah dilakukan bagi mengenal pasti elemen-elemen yang akan dijalankan dalam kajian penilaian kurikulum Perniagaan.

Jadual 2.3

Analisis berkaitan dengan Kajian Pendidikan Perniagaan Dan Keusahawanan Berdasarkan Model Penilaian CIPP (Stufflebeam, 1971)


C Konteks		I Input		P Proses	P Produk
Kesesuaian kandungan kurikulum	Kesediaan Guru	Kesediaan Pelajar	Peranan Pengetua / Pentadbir	Proses pelaksanaan PdP, kerja kursus dan Pentaksiran mata pelajaran	Tahap penguasaan pengetahuan, kemahiran dan minat
Yu et al. (2017)	Kasturi Rajan dan Norasmah	Norazlinda & Surendran (2021)	Hämäläinen, et al. (2018)	Mohamad Ariffin et al. (2020)	Lackéus, (2020)
Bahagian Pembangunan Kurikulum (2015)	Othman, (2022)	Nur Syazwani & Radin (2021)	Muliyati Timbang & Abdul Said Ambotang (2020)	Iklima et al. (2020)	Elahi (2019)
Titik Rahayu, Syafrimen, Kamisah, et al. (2018)	Kalai Selvan Arumugham (2018)	Fatimah wati et al. (2007)	Esmalaily dan Norasmah (2019)	Norshafinaz & Faridah, (2018)	Palmér & Johansson, (2019)
Liqin (2021)	Nora'ini et al. (2019)	Wan Mohd Zaifurin et al. (2016)	Ho et al. (2018)	(Kivindu, 2021)	Sarfraz Ali (2017)
Iklima Husna et al. (2020)	Collins et al. (1991)	Wan Mohd Zaifurin & Ibrahim Mamat (2020)	Kirkley (2017)	Rafidah & Mohd Safiee (2016)	Wan Mohd Zaifurin & Ibrahim Mamat (2020)
Lembaga Peperiksaan Malaysia (2017)	Zainudin & Nor Hisham (2011)	Nur Fatimah & Radin Siti Aishah (2021)		Lian & Cheng (2018)	Mamat (2020)
Birgili & Kırkıç, (2021)	Muliyati Timbang & Abdul Said Ambotang (2020)	Siti Hawa & Nurfaradilla (2021)		Nor Hasnida (2016)	Affero, Wan Nurashida, Alias, Razali, Suhaizal dan Mohd Erfy (2019)
	Norazlin & Siti Rahaimah, (2019)	Pepin (2018)		Salyani et al. (2016)	Mingdan et al. (2020)
	(Imiere, 2019)	Mohamad Izzuan Mohd Ishar (2017)		Maszuraini Miswan & Hamed Adnan (2018)	Khairul Azhar et al. (2019)
	Norlidah et al. (2021)	Kim et al. (2019)		Lensjø (2020)	Wan Naqiyah & Rohana, (2021)
		Peng et al. (2020)		Wudneh, Seifu & Dagneu (2022)	Mørch (2018)

2.8 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan kerangka teoritikal kajian yang dibina bagi menggambarkan teori atau model yang digunakan dalam kajian ini, kerangka konseptual kajian turut dibina bagi menggambarkan proses kajian ini dijalankan. Kajian penilaian kurikulum mata pelajaran Perniagaan ini dilaksanakan dengan mengadaptasi Model Penilaian CIPP (Stufflebeam, 1971). CIPP merujuk kepada penilaian konteks, input, proses dan produk. Menurut Stufflebeam (1971), Model Penilaian CIPP adalah satu cara sistematik dalam memberi maklumat yang tepat pada masanya untuk membuat keputusan. Melalui pendekatan penilaian yang proaktif dalam model penilaian CIPP dapat memudahkan penambahbaikan sesuatu program pendidikan yang dilaksanakan. Kerangka kajian dibina dengan berpandukan teoritikal kajian yang membentuk pemboleh ubah. Rajah 2.3 menunjukkan kerangka konseptual bagi kajian ini.

Rajah 2.3

Kerangka Konseptual Kajian Penilaian Kurikulum Mata Pelajaran Perniagaan Sekolah Menengah. Adaptasi daripada Model Penilaian CIPP oleh Stufflebeam (1971)



Menurut Stufflebeam (1971), penilaian konteks merujuk kepada kekuatan dan kelemahan perancangan sesuatu sistem berdasarkan objektifnya dan menjelaskan keadaan program yang sebenar. Penilaian konteks dalam kajian ini merujuk kepada penilaian matlamat dan objektif kandungan kurikulum Perniagaan. Pengukuran ini dibuat dengan berpandukan dokumen rasmi DSKP mata pelajaran Perniagaan. Penilaian input pula menilai kekuatan dan kelemahan dari aspek sumber yang mungkin dipilih bagi mencapai objektif dan matlamat program (Stufflebeam, 1971). Dalam kajian ini, input yang dinilai merujuk kepada kesediaan guru mengajar kurikulum Perniagaan, kesediaan pelajar belajar mata pelajaran Perniagaan dan kerjasama pentadbir dalam melaksanakan kurikulum Perniagaan. Seterusnya, penilaian proses merujuk kepada mengukur kekuatan dan kelemahan bagi strategi pelaksanaan program di mana dalam kajian ini iaitu menilai proses pengajaran dan pembelajaran, proses pentaksiran bilik darjah dan proses pelaksanaan kerja kursus. Akhir sekali, penilaian produk yang merujuk kepada penilaian hasil atau output mata pelajaran Perniagaan. Dalam kajian ini, penilaian produk menguji peningkatan pengetahuan, kemahiran dan perubahan sikap pelajar yang mengikuti kurikulum Perniagaan. Dapatan kajian penilaian kurikulum mata pelajaran Perniagaan akan dikumpul dan dianalisis bagi memberikan jawapan kepada keputusan akhir bagi pelaksanaan kurikulum mata pelajaran Perniagaan sekolah menengah.

2.9 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan secara mendalam tentang konsep dan definisi keusahawanan, pendidikan keusahawanan di negara-negara maju, pendidikan keusahawanan dan perkembangan kurikulum Perniagaan di Malaysia, teoritikal kajian yang menjadi tunjang kepada kajian penilaian kurikulum Perniagaan iaitu Model Perantisan Kognitif dan Model Penilaian CIPP serta kajian berkaitan dengan pelaksanaan kurikulum Perniagaan. Seterusnya, analisis yang mendalam terhadap kajian lepas berkaitan dengan pendidikan keusahawanan telah membawa kepada pembinaan dan kerangka konseptual kajian yang akan mendasari kajian penilaian ini. Bab yang seterusnya akan membincangkan metodologi yang digunakan untuk melaksanakan kajian penilaian kurikulum mata pelajaran Perniagaan.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Penerangan dan perbincangan dalam bab ini berkisar tentang kaedah penyelidikan yang digunakan dalam menjalankan kajian ini. Seterusnya, penerangan lanjut akan dibincangkan berkaitan dengan populasi dan sampel kajian. Instrumen kajian yang terdiri daripada borang soal selidik dan protokol temu bual juga turut dibincangkan. Selanjutnya pula penerangan berkaitan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, prosedur pengumpulan data dan akhir sekali perbincangan tentang penganalisan data.

3.2 Reka bentuk Penyelidikan

Bagi memastikan pelaksanaan penyelidikan mengikut langkah yang betul, reka bentuk kajian memainkan peranan penting yang menjadi satu pelan tindakan yang menjelaskan secara teliti dan terperinci tentang bagaimana sesebuah kajian dijalankan. Peranan reka bentuk kajian dapat membantu penyelidik dalam proses penentuan persampelan, pemungutan data, penganalisan data dan juga penginterpretasian data (Ghazali Darusalam et al., 2017). Reka bentuk kajian kuantitatif dan kualitatif telah dijalankan untuk menjalankan kajian penilaian program dengan menggunakan Model Penilaian CIPP yang telah dikemukakan oleh Stufflebeam pada tahun 1971 meliputi empat elemen utama iaitu konteks, input, proses dan produk. Menurut Mohamed Najib Abdul Ghafar (2016), pendekatan ini merupakan satu penilaian program yang dapat mengumpul maklumat yang lebih sistematik berkaitan dengan aktiviti, ciri dan hasil program yang dijalankan. Justifikasi memilih model ini sebagai asas kajian adalah

berdasarkan pandangan penyelidik terdahulu di mana ia sesuai untuk diaplikasikan dan digunakan secara meluas untuk membuat kajian penilaian pendidikan. Model penilaian ini juga boleh dijadikan sebagai penilaian formatif bagi membuat perubahan meskipun sesuatu projek masih berjalan (Mohamed Najib Abdul Ghafar, 2016). Langkah-langkah penilaian yang terdapat di dalam model ini juga adalah fleksibel dan mudah diikuti oleh pengkaji yang menggunakannya. Seterusnya, laporan penilaian program bagi model ini dapat membantu pihak yang berkepentingan membuat keputusan tentang kaedah terbaik untuk melaksanakan program yang sama.

Bagi mendapatkan data dalam kajian penilaian ini, kaedah tinjauan dan temu bual atau lebih dikenali sebagai *mixed-method* telah dijalankan. Penyelidikan kaedah campuran atau *mixed-method* bukan sekadar mengumpul data kuantitatif atau kualitatif bahkan melibatkan gabungan dan integrasi kedua-dua jenis data tersebut untuk menjawab persoalan kajian (Chua, 2021). Data kuantitatif daripada kaedah tinjauan merupakan kaedah utama bagi memperoleh data yang mana pengkaji telah menggunakan kaedah tinjauan soal selidik. Manakala data kualitatif melalui kaedah protokol temu bual separa struktur digunakan sebagai data sekunder bagi menyokong data utama. Menurut Mohd Tafizam Mohd Taib (2018), kaedah protokol temu bual mampu memberi penjelasan yang lebih mendalam bagi menyokong data numerik. Oleh itu, penggunaan protokol temu bual adalah bertujuan untuk mengukuhkan data numerik.

Reka bentuk selari (*Concurrent Design*) dengan menggunakan kaedah *concurrent nested* telah digunakan dalam kajian ini iaitu fasa pengumpulan data kuantitatif dan kualitatif secara serentak pada satu masa (Creswell 2009). Kedua-dua analisis dan dapatan kajian ini disatukan dalam satu laporan. Menurut Chua (2021), gabungan

kedua-dua data dapat menjelaskan dengan mendalam tentang fenomena penyelidikan secara menyeluruh daripada perspektif dan sudut yang berbeza tentang kajian yang dikaji. Selain itu, dapat memberi penjelasan yang lebih bermakna dan mendalam bagi persoalan yang tidak dapat dijawab melalui satu kaedah pengumpulan data. Oleh yang demikian, gabungan kedua-dua kaedah dalam kajian ini mampu mengatasi kelemahan bagi sesuatu kaedah bagi menghasilkan pengetahuan yang lebih lengkap dan bermakna (Creswell, 2009).

3.3 Populasi

Populasi bagi kajian ini adalah terdiri daripada pelajar, guru dalam kalangan Ketua Panitia dan Guru Kanan Mata Pelajaran yang terlibat dengan kurikulum Perniagaan di 32 buah sekolah menengah di Daerah Gombak. Jadual 3.1 menunjukkan taburan data populasi dan sampel dalam kajian ini. Populasi kajian dibahagikan kepada beberapa sub populasi yang terdiri daripada Zon A, B, C dan D. Zon ini dibahagikan berdasarkan lokaliti sekolah-sekolah dalam Daerah Gombak.

Jadual 3.1

Taburan Populasi Dan Sampel Bagi Pelajar Dan Guru Mata Pelajaran Perniagaan

Daerah Gombak	P- Pelajar	S- Pelajar	P- Guru	S- Guru
Zon A	413	102	5	5
Zon B	513	102	6	6
Zon C	1201	102	14	14
Zon D	637	102	7	7
Jumlah	2764	406	32	32

P = Populasi, S = Sampel

Sumber populasi: Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (2021)

Jumlah populasi bagi pelajar Perniagaan adalah seramai 2764 orang yang terdiri daripada pelajar yang mengambil mata pelajaran elektif Perniagaan dalam SPM. Sub populasi bagi Zon A, B, C dan D masing-masing adalah 413, 513, 1201 dan 637 orang. Populasi bagi guru merujuk kepada Ketua Panitia mata pelajaran Perniagaan bagi 32 buah sekolah yang mengambil mata pelajaran Perniagaan sebagai mata pelajaran elektif di peringkat SPM. Jumlah sub populasi guru bagi Zon A, B, C dan D masing-masing adalah sebanyak 5, 6, 14 dan 7 orang seperti mana yang digambarkan dalam Jadual 3.1.


3.4 Sampel Kajian

3.4.1 Sampel kajian bagi kaedah tinjauan

Teknik persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan teknik persampelan rawak berlapis mudah dan teknik persampelan rawak mudah yang mana teknik ini membolehkan pengkaji menetapkan jumlah subjek yang sama bagi setiap sub sampel. Populasi kajian dibahagikan kepada empat sub populasi zon iaitu Zon A, B, C dan D. Rajah 3.1 menunjukkan ilustrasi teknik persampelan kajian ini. Jumlah sampel dalam kajian ini yang melibatkan pelajar dan guru dalam kalangan ketua panitia mata pelajaran Perniagaan adalah merujuk kepada penentuan saiz sampel yang telah dikemukakan oleh Krejcie dan Morgan (1970).

Rajah 3.1

Ilustrasi Teknik Persampelan Kajian



Merujuk Jadual 3.1, jumlah sampel bagi pelajar yang ditetapkan dalam kajian ini adalah seramai 338 orang. Bagi mengatasi kemungkinan data tidak dipulangkan atau rosak, jumlah sampel dinaikkan sebanyak 20 peratus daripada jumlah awal sampel iaitu dengan kenaikan sebanyak 68 orang. Dalam kajian Mohd Zailani Ismail (2019), sampel kajian dinaikkan kepada 50%, namun sampel dalam kajian Mat Zin Hussin (2017) hanya memerlukan kenaikan sebanyak 19.5% untuk menampung data rosak. Oleh itu, kenaikan sebanyak 20% sampel adalah lebih ideal. Maka jumlah sampel pelajar yang diperlukan adalah sebanyak 406 orang. Jumlah tersebut dibahagikan kepada empat zon menjadikan sampel setiap sub populasi diwakili oleh 102 pelajar.

Seterusnya teknik persampelan rawak mudah digunakan untuk mendapatkan sampel di sekolah dengan memilih secara rawak bagi sekolah-sekolah yang terlibat.

Bagi saiz sampel guru pula, seramai 32 orang telah dipilih berdasarkan jumlah keseluruhan populasi sekolah di Daerah Gombak. Mereka adalah dalam kalangan ketua panitia mata pelajaran Perniagaan.

3.4.2 Sampel kajian bagi kaedah temu bual

Persampelan bertujuan dalam persampelan bukan kebarangkalian telah digunakan untuk menentukan sampel dalam kaedah temu bual berdasarkan ciri-ciri tertentu yang telah ditetapkan. Menurut Chua (2021), persampelan jenis ini merujuk kepada prosedur persampelan yang mana subjek tidak mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden kajian. Melalui kaedah ini, pengkaji ingin mendapatkan data berkaitan dengan pelaksanaan kurikulum mata Pelajaran perniagaan di dua buah sekolah iaitu sebuah yang mempunyai pencapaian yang terbaik dan sebuah sekolah lagi mempunyai pencapaian yang sederhana dalam peringkat peperiksaan SPM bagi tahun 2021 di daerah Gombak, Selangor. Pencapaian ini ditentukan berdasarkan gred purata mata pelajaran yang dianalisis oleh Lembaga Peperiksaan. Justeru, kutipan data bagi kaedah temu bual dikumpul daripada sampel yang terdiri daripada Guru Kanan Bidang Teknik dan Vokasional dan Ketua Panitia (KP) Perniagaan bagi dua sekolah tersebut. Memandangkan kutipan data adalah menggunakan kaedah temu bual, maka saiz sampel ditentukan mengikut kajian kualitatif. Menurut Merriam (2009), tidak terdapat peraturan bagi menentukan saiz sampel dalam kajian kualitatif, namun kebiasaannya sampel yang kecil seramai 1 hingga 7 orang telah memadai. Jadual 3.2 menunjukkan sampel kajian bagi data kualitatif.

Jadual 3.2

Taburan Sampel Kajian bagi Temu bual Separa Struktur

Sekolah	S-GKMP/Ketua Panitia
SMK BTP (3.78)	GK (1)
SMK BTP (3.78)	PK (1)
SMK SB (5.43)	GK (1)
Jumlah	3

S = Sampel, (*.*) = GPMP SPM 2021

Sumber: Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (2021)

Pengkaji menetapkan sebanyak tiga sampel yang telah digunakan bagi mendapatkan data temu bual. Tujuan kutipan data kualitatif dibuat adalah untuk mengesan pelaksanaan kurikulum mata pelajaran Perniagaan yang telah dilaksanakan di ketiga-tiga sekolah tersebut sehingga membolehkan mereka mendapat keputusan yang baik. Dapatan dalam kajian ini boleh memberikan jawapan yang lebih mendalam tentang penilaian kurikulum mata pelajaran perniagaan. Oleh itu, pengkaji menetapkan saiz sampel bagi Guru Kanan Mata Pelajaran Teknik dan Vokasional dan Ketua Panitia adalah 3 orang.

3.5 Instrumen Kajian

Instrumen dalam kajian ini menggunakan borang soal selidik dan protokol temu bual yang dijalankan secara serentak. Penggunaan kedua-dua kaedah ini dapat saling melengkapi dan mengukuhkan laporan kajian (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016). Kajian yang dijalankan oleh Mohd Tafizam Mohd Taib (2018) terhadap Penilaian Mata Pelajaran Teknologi Kejuruteraan, Lukisan Kejuruteraan dan Reka Cipta juga telah menggunakan gabungan kaedah ini di mana menurut pengkaji usaha tersebut adalah bertujuan mendapatkan kefahaman yang mendalam tentang kajian. Selain itu, kajian Mohd Zailani Ismail (2019) juga telah menggunakan borang soal selidik dan protokol temu bual dalam kajiannya.

3.5.1 Instrumen soal selidik

Pembinaan instrumen dibangunkan berdasarkan elemen konteks, input, proses dan produk dalam Model Penilaian CIPP (Stufflebeam, 1971). Kesemua elemen ini disesuaikan dengan kajian literatur bagi membentuk konstruk yang digunakan sebagai penilaian dalam kajian ini. Bagi instrumen dalam elemen konteks, pengkaji telah sesuaikan item dengan matlamat dan objektif dokumen rasmi dalam DSKP mata pelajaran Perniagaan manakala instrumen bagi elemen input, proses dan produk diubahsuai melalui instrumen daripada pengkaji yang lepas iaitu Mohd Tafizam Mohd Taib (2018) setelah mendapat kebenaran daripada pengkaji. Walau bagaimanapun, beberapa item tambahan turut dibina oleh pengkaji dan disesuaikan mengikut pemboleh ubah kajian. Jadual 3.3a dan 3.3b menunjukkan elemen kandungan instrumen yang telah diubahsuai berdasarkan instrumen daripada pengkaji yang lepas, Jadual 3.4 menunjukkan penerangan skala soal selidik manakala Jadual 3.5 menunjukkan rumusan konstruk instrumen yang diuji mengikut jenis sampel dan kaedah pengumpulan data.

Jadual 3.3a

Instrumen Soal Selidik Elemen Penilaian yang Diadaptasi Daripada Pengkaji Lepas (Soal Selidik Untuk Guru)

Elemen Penilaian	Instrumen yang diadaptasi	Rujukan
BAHAGIAN I Demografi	Bahagian A (No. 1-6)	Mohd Tafizam Mohd Taib (2018)
BAHAGIAN II		
Penilaian Input		
1. Kesiediaan guru	Bahagian B (B3) No. 1-8, 11-12	
2. Kesiediaan pelajar	Bahagian B (B4) No. 1-10	Mohd Tafizam Mohd Taib (2018)
3. Peranan pentadbir	Bahagian B (B5) No. 1-10	
Penilaian proses		
1. Proses pelaksanaan PdP, kerja kursus dan pentaksiran bilik darjah	Bahagian B (B7) No.12-16 (B8) No. 1-3, 8-12, 14-21, 23-25, 28-31, 34, 36	Mohd Tafizam Mohd Taib (2018)
Penilaian produk		
1. Tahap penguasaan pengetahuan, kemahiran dan perubahan sikap	Bahagian B (B9) No. 1-7, 9, 13-22	Mohd Tafizam Mohd Taib (2018)

Jadual 3.3b

*Instrumen Elemen Penilaian yang Diadaptasi Daripada Pengkaji Lepas
(Soal Selidik Untuk Pelajar)*

Elemen Penilaian	Instrumen yang diadaptasi	Rujukan
BAHAGIAN I Demografi	Bahagian A No. 1-3	Mohd Tafizam Mohd Taib (2018)
BAHAGIAN II Penilaian Input		
1. Kesediaan guru	Bahagian B (B3) No. 1-8, 11-12	Mohd Tafizam Mohd Taib (2018)
2. Kesediaan pelajar	Bahagian B (B4) No. 1-10	
Penilaian proses		
1. Proses pelaksanaan PdP, kerja kursus dan pentaksiran bilik darjah	Bahagian B (B7) No. 12-16 (B8) No. 1-3, 8-12, 14-21, 23-25, 28-31, 34,36	Mohd Tafizam Mohd Taib (2018)
Penilaian produk		
1. Tahap penguasaan pengetahuan, kemahiran dan perubahan sikap	Bahagian B (B9) No. 1-7, 9, 13-22	Mohd Tafizam Mohd Taib (2018)

Jadual 3.4

Penerangan Skala Soal Selidik Guru dan Pelajar

Skala	Penerangan soal selidik
1	(STS) Sangat Tidak Setuju
2	(TS) Tidak Setuju
3	(TP) Tidak Pasti
4	(S) Setuju
5	(SS) Sangat Setuju

Sumber: Mohd Tafizam Mohd Taib (2018)

Jadual 3.5

Rumusan Item Instrumen Kajian Mengikut Jenis Sampel Dan Kaedah Pengumpulan Data

	Soal Selidik		Temu bual
	Pelajar (LAMPIRAN A)	Guru (LAMPIRAN B)	GKMP / Ketua Panitia (LAMPIRAN C)
BAHAGIAN A:			
Demografi	√ (3)	√ (6)	
BAHAGIAN B:			
Penilaian Konteks			
1. Kesesuaian kandungan kurikulum Perniagaan berdasarkan matlamat dalam DSKP.	√ (6)	√ (6)	
2. Kesesuaian kandungan kurikulum Perniagaan berdasarkan objektif dalam DSKP.	√ (5)	√ (5)	
Penilaian Input			
1. Kesyediaan Guru	√ (18)	√ (19)	
2. Kesyediaan Pelajar	√ (10)	√ (10)	
3. Peranan Pentadbir	-	√ (10)	
Penilaian Proses			
1. Proses pelaksanaan PdP	√ (5)	√ (5)	
2. Proses pelaksanaan pentaksiran bilik darjah	√ (11)	√ (11)	
3. Proses pelaksanaan kerja kursus	√ (9)	√ (9)	
Penilaian Produk			
1. Tahap penguasaan pengetahuan	√ (6)	√ (6)	
2. Tahap penguasaan kemahiran	√ (7)	√ (7)	
3. Tahap perubahan sikap	√ (9)	√ (9)	
1. Data sekunder bagi menyokong dapatan tinjauan di 2 buah sekolah terbaik dalam pencapaian SPM			√(10)

*() menunjukkan jumlah item

3.5.2 Instrumen temu bual

Instrumen temu bual dibangunkan sendiri oleh pengkaji mengikut keperluan atau persoalan dalam kajian seperti mana yang telah dijelaskan terlebih awal seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran C. Dalam kajian ini, pengkaji memerlukan maklumat tambahan berkaitan dengan pelaksanaan kurikulum mata pelajaran Perniagaan di sekolah-sekolah yang mendapat pencapaian terbaik dalam SPM bagi tahun 2021 seperti amalan terbaik yang telah dilakukan. Maklumat ini akan digunakan untuk menyokong dapatan dalam data kaedah tinjauan. Struktur instrumen bagi protokol temu bual ditunjukkan dalam Jadual 3.6.

Jadual 3.6

Struktur Instrumen Protokol Temu Bual

Jenis-jenis soalan	Penerangan
Soalan Pengenalan	<ul style="list-style-type: none">• Membolehkan responden memperkenalkan diri, seperti jawatan disandang, tempoh perkhidmatan, dan lain-lain.
Soalan transisi	<ul style="list-style-type: none">• Memperkenalkan soalan makluman berkaitan kajian yang dijalankan dan meminta responden memberikan respon berkaitan pengetahuan asas mengenai perkara tersebut.
Soalan kunci	<ul style="list-style-type: none">• Mengemukakan soalan berkaitan dengan persoalan kajian
Soalan penutup	<ul style="list-style-type: none">• Mengemukakan soalan sekiranya responden ingin menambah maklumat/ memberi cadangan / membuat penekanan.

3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Sebelum menjalankan kajian sebenar di lapangan, adalah penting bagi pengkaji dalam menentukan instrumen yang digunakan telah mendapat kesahan dan kebolehpercayaan. Kesahan didefinisikan sebagai hubungan antara nilai pengukuran dengan nilai sebenar sesuatu pemboleh ubah (Chua, 2021). Ini bererti apabila alat

ukuran yang digunakan tidak menepati pemboleh ubah yang hendak diuji akan dianggap tiada kesahan. Kesahan merujuk kepada bagaimana instrumen yang digunakan menunjukkan keupayaan untuk menguji apa yang hendak diuji (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016; Mohd Awang Idris, Haslina & R Zirwatul Aida, 2018).

Dalam kajian ini, kesahan kandungan instrumen diuji dengan menggunakan tiga orang pakar dalam bidang Perniagaan dan Keusahawanan yang terdiri daripada seorang Pegawai di Bahagian Pembangunan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia seorang Guru Cemerlang mata pelajaran Perniagaan dan seorang Jurulatih Utama Daerah. Semua kandungan item yang merangkumi aspek pemboleh ubah dalam elemen konteks, input, proses dan produk yang hendak diukur telah disemak oleh ketiga-tiga pakar tersebut bagi mendapatkan kesahan kandungan instrumen yang digunakan. Penambahbaikan telah dilakukan setelah semakan dibuat ke atas instrumen oleh ketiga-tiga pakar.

Kepercayaan dalam penyelidikan pula bermaksud apabila pengukuran yang serupa diulangi dan berupaya untuk mendapatkan nilai yang serupa (Chua, 2021). Jika pengkaji memperoleh nilai yang sama dalam pengukuran kali kedua, dengan itu instrumen dianggap memperoleh kebolehpercayaan yang tinggi. Keupayaan juga merujuk kepada sejauh mana skor-skor dalam setiap item yang diperoleh adalah konsisten atau stabil apabila diuji beberapa kali (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016). Kepercayaan item dapat diukur dengan menggunakan nilai pekali *Cronbach Alpha*. Kebanyakan penyelidik sains sosial menerima nilai pekali alpha lebih daripada .60 sebagai baik dan diterima $\alpha = .60$ ke atas.

Seterusnya, kesahan dan kebolehpercayaan bagi protokol temu bual, pengkaji telah mendapatkan kesahan pakar bagi semua transkripsi temu bual untuk disemak sebelum data temu bual dianalisis.

3.7 Kajian rintis

Kajian rintis perlu dijalankan sebelum kajian sebenar dilaksanakan. Kajian ini bertujuan melihat kebolehlaksanaan dan kemunasabahan bagi kajian yang bakal dijalankan (Chua, 2021). Berdasarkan kajian rintis yang dijalankan, pengkaji juga dapat mengenal pasti masalah yang dijangka mungkin berlaku dalam kajian sebenar. Selain itu anggaran sumber kewangan juga boleh ditentukan serta dapat memberi latihan kepada pengkaji untuk mengurus kajian sebenar agar proses tersebut berjalan dengan lancar dan berkesan. Menurut (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016), semua instrumen yang dibangunkan sendiri oleh pengkaji dalam perlu diuji rintis sebelum kajian sebenar dilakukan bagi menguji kesahan dan kebolehpercayaannya.

Kajian rintis dilaksanakan setelah semua item dalam instrumen disemak, ditambah baik dan disahkan oleh pakar. Satu kajian rintis telah dilakukan yang melibatkan responden dalam kalangan pelajar dan guru yang bukan dalam kalangan responden dalam kajian yang sebenar. Responden bagi kajian rintis adalah dalam kalangan pelajar dan guru sekolah dari Daerah Klang. Seramai 35 orang pelajar dan 15 orang guru telah diberikan set soal selidik untuk memberikan maklum balas terhadap item yang telah dikemukakan. Bagi menentukan tahap kebolehpercayaan item soal selidik yang berbentuk skala Likert 5 mata, pekali *Cronbach Alpha* digunakan sebagai alat ukuran. Menurut DeVellis (2017), nilai *Cronbach's alpha* .60 ke atas adalah diterima untuk

menentukan kebolehpercayaan item. Jadual 3.7 memaparkan perolehan nilai pekali alpha bagi soal selidik pelajar manakala Jadual 3.8 menunjukkan soal selidik guru.

Jadual 3.7

Nilai Pekali Alpha Cronbach Soal Selidik Pelajar

Aspek	Instrumen	Jumlah	Nilai Pekali Cronbach
Konteks	a. Kesesuaian Kandungan Mata Pelajaran Berdasarkan Matlamat dalam DSKP	6	.825
	b. Kesesuaian Kandungan Mata Pelajaran Berdasarkan Objektif dalam DSKP	5	.736
Input	a. Kesyediaan Guru	18	.879
	b. Kesyediaan Pelajar	10	.859
Proses	a. Pelaksanaan PdP	5	.760
	b. Pelaksanaan PBD	11	.852
	c. Pelaksanaan Kerja Kursus	9	.814
Produk	a. Penguasaan Pengetahuan	6	.776
	b. Penguasaan Kemahiran	7	.832
	c. Perubahan Sikap	9	.878

Jadual 3.8

Nilai Pekali Alpha Cronbach Soal Selidik Guru

Aspek	Instrumen	Jumlah	Nilai Pekali Cronbach
Konteks	a. Kesesuaian Kandungan Mata Pelajaran Berdasarkan Matlamat dalam DSKP	6	.956
	b. Kesesuaian Kandungan Mata Pelajaran Berdasarkan Objektif dalam DSKP	5	.856
Input	a. Kesyediaan Guru	19	.685
	b. Kesyediaan Pelajar	10	.826
	c. Peranan Pentadbir	10	.843
Proses	a. Pelaksanaan PdP	5	.810
	b. Pelaksanaan PBD	11	.887
	c. Pelaksanaan Kerja Kursus	9	.667
Produk	a. Penguasaan Pengetahuan	6	.752
	b. Penguasaan Kemahiran	7	.863
	c. Perubahan Sikap	9	.851


Berdasarkan dapatan kajian rintis, semua pekali alpha Cronbach bagi setiap item adalah melebihi .60. Oleh itu, semua item diterima dan diuji dalam kajian sebenar.

3.8 Prosedur Pengumpulan Data

Prosedur bagi mengumpulkan data dalam kajian ini dijalankan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu melalui Bahagian Pembangunan, Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP). Rajah 3.2 menunjukkan prosedur pengumpulan data dalam kajian ini. Permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi membuat kajian di sekolah-sekolah yang telah ditetapkan dibuat terlebih dahulu melalui sistem Educational Research Application System (eRAS 2.0) secara dalam talian. Setelah mendapatkan kelulusan, permohonan menjalankan kajian dibuat kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Negeri Selangor.

Rajah 3.2

Prosedur Pengumpulan Data



Pengkaji akan mentadbir proses mengumpulkan data di lapangan yang mana proses ini dijalankan secara bersemuka. Antara kelebihan mengumpul data secara bersemuka adalah kadar maklum balas yang tinggi, pengkaji dapat menjelaskan soalan yang kabur dan maklumat dapat diperolehi dengan cepat (Chua, 2021). Sebelum datang ke sekolah-sekolah yang terpilih, panggilan telefon dibuat kepada pengetua untuk mendapatkan kebenaran serta membuat temu janji. Seterusnya, pengkaji menghantar surat kebenaran daripada BPPDP dan JPNS berserta dengan surat iringan melalui e-mel kepada sekolah yang telah memberi kebenaran untuk mendapatkan data.

Semasa mentadbir ujian soal selidik bersama-sama pelajar, guru dan guru kanan mata pelajaran, pengkaji memperkenalkan diri dan menjelaskan tujuan pengumpulan data

dibuat, menjelaskan panduan menjawab soal selidik serta memberi penjelasan tentang konstruk di dalam borang soal selidik. Pengkaji telah memberi tempoh masa yang sesuai kepada responden untuk menjawab soal selidik melalui pemerhatian daripada ujian rintis yang telah dilakukan iaitu kira-kira 45 minit hingga 1 jam bagi setiap sesi menjawab. Pengkaji juga memberi peluang kepada responden untuk bertanya soalan sekiranya responden tidak memahami dalam mana-mana bahagian soal selidik. Setelah tamat tempoh masa menjawab, semua borang soal selidik dipungut semula dan disusun mengikut kategori responden.

Temu bual separa struktur diguna pakai bagi membuat pengumpulan data temu bual kepada Ketua Panitia dan GKMP Bidang Teknik dan Vokasional di tiga buah sekolah terpilih. Temu janji bagi sesi temu bual diadakan terlebih dahulu bagi mendapat persetujuan untuk ditemu bual. Protokol temu bual dibina terlebih dahulu berdasarkan elemen dalam Model Penilaian CIPP. Soalan tambahan akan dikemukakan berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh responden. Semasa sesi temu bual dijalankan, pita rakaman akan digunakan untuk merakam sesi temu bual manakala buku nota digunakan oleh pengkaji untuk mencatat maklumat yang diperolehi. Catatan maklumat di dalam buku nota merupakan sebagai tambahan maklumat atau kemungkinan pita rakaman tidak berfungsi sewaktu sesi temu bual dilaksanakan (Othman Lebar, 2022).

3.9 Penganalisan Data

Data tinjauan merupakan data primer dalam kajian ini. Data ini dianalisis dengan menggunakan perisian IBM *Statistical Package for Sosial Sciences* (SPSS) versi 26. Analisis statistik deskriptif yang digunakan meliputi frekuensi, peratusan, min dan

sisihan piawai bagi menganalisis pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini manakala analisis statistik inferensi iaitu Ujian Korelasi Spearman Rho digunakan untuk menguji perhubungan dalam pengujian hipotesis. Ujian ini dipilih kerana kedua-dua set data dalam pengujian hipotesis merupakan set data ordinal. Ujian korelasi ini dikategorikan sebagai bukan parametrik yang mana data kajian tidak perlu bertaburan normal (Chua, 2022). Semua data akan diproses mengikut urutan dalam persoalan kajian. Data-data kajian kuantitatif dikumpul dengan menggunakan skala Likert lima mata seperti dalam Jadual 3.9.

Jadual 3.9

Skala Likert Lima Mata dan Skor

Skala Likert	Skor
Sangat Tidak Setuju (STS)	1
Tidak Setuju (TS)	2
Tidak Pasti (TP)	3
Setuju (S)	4
Sangat Setuju (SS)	5

Berdasarkan skor-skor dalam skala Likert lima mata, data-data akan dianalisis mengikut frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Seterusnya, keputusan hasil analisis data akan dikategorikan mengikut tiga kategori pemeringkatan seperti mana yang dinyatakan oleh Mohd Majid Konting (1998). Jadual 3.10 menunjukkan tiga pemeringkatan skala Likert.

Jadual 3.10

Tiga pemeringkatan Skala Likert

Skala Likert Lima Mata	Tiga Pemeringkatan
(1) Sangat Tidak Setuju (2) Tidak Setuju	Tidak Setuju
(3) Tidak Pasti	Tidak Pasti
(4) Setuju (5) Sangat Setuju	Setuju

Sumber: (Mohd Majid Konting, 1998)

Dapatan melalui nilai min, akan menentukan tanggapan positif dan negatif terhadap pemboleh ubah yang dikaji. Menurut Mohd Majid Konting (1998), nilai min dibahagikan kepada tiga kategori iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Oleh itu, pengkaji membuat tafsiran data berdasarkan tiga kategori tersebut seperti mana dalam Jadual 3.9.

Jadual 3.11

Interpretasi Skor Min

Min	Tiga Pemeringkatan
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Proses menganalisis data temu bual atau data sekunder iaitu daripada kaedah temu bual dianalisis menggunakan kaedah tematik analisis. Sebelum data dianalisis, semua salinan temu bual akan ditranskripkan terlebih dahulu melalui pengekodan transkripsi temu bual responden. Jadual 3.10 menunjukkan panduan pengekodan bagi transkripsi temu bual responden. Contoh pengekodan dapat dilihat di Jadual 3.11.

Jadual 3.12

Panduan Pengekoden Transkripsi Temu Bual

Kod	Penerangan
G	Guru
Angka (1 / 2 / 3)	1- Ketua Panitia SMK Bandar Tasik Puteri 2- GKMP SMK Bandar Tasik Puteri 3- GKMP SMK Selayang Bharu
8 Angka (_ _ _ _ _)	Tarikh ditemu bual
Angka yang seterusnya	Baris transkripsi

Jadual 3.13


Contoh Pengekoden Transkripsi Temu Bual

Kod	G1/26012023/118-120
G	Responden pertama yang ditemu bual
26012023	Tarikh responden ditemu bual
118-120	Baris transkripsi

Seterusnya, proses memahami data akan dilakukan oleh pengkaji. Proses ini merupakan satu bentuk kemahiran yang diperlukan oleh pengkaji yang mana data bual perlu mencukupi bagi menjawab persoalan kajian (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016). Rajah 3.3 menunjukkan proses memahami data kajian.

Rajah 3.3


Proses Memahami Data Temu bual



Setelah melalui proses memahami data, salinan transkripsi telah dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik untuk dikod bagi mengenal pasti tema dan sub tema. Perhubungan antara tema akan dikumpul dan dikenal pasti bagi membantu pengkaji untuk memahami perkara tersebut. Prosedur mengkategorikan data temu bual ditunjukkan dalam Rajah 3.4

Rajah 3.4

Proses Mengkategorikan Data Temu bual



Dapatan data temu bual akan menyediakan bukti sokongan kepada data tinjauan yang dianalisis secara serentak. Akhir sekali, hasil penemuan kedua-dua data ini dikumpul dan diintegrasikan bagi membuat perbandingan dan menghubungkan kait dalam pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian. Kesemua hasil penemuan telah dilaporkan dalam bab yang seterusnya yang mana dapatan kajian ini akan membantu pengkaji untuk membuat perbincangan akhir bagi menjawab persoalan-persoalan kajian di bab yang terakhir.

Bagi mengkaji hubungan antara pemboleh ubah kajian seperti mana dalam persoalan kajian 12 dan 13, nilai kekuatan pekali korelasi dijelaskan seperti mana dalam Jadual 3.14.

Jadual 3.14

Kekuatan Nilai Pekali Korelasi

Saiz Korelasi (r)	Kekuatan Korelasi
.91 hingga 1.00 atau -.91 hingga -1.00	Sangat Kuat
.71 hingga .90 atau -.71 hingga -.90	Kuat
.51 hingga .70 atau -.51 hingga -.70	Sederhana
.31 hingga .50 atau -.31 hingga -.50	Lemah
.01 hingga .30 atau -.01 hingga -.30	Sangat lemah
.00	Tiada korelasi

Berdasarkan Jadual 3.15, paparan maklumat berkaitan matriks kajian yang menggambarkan keseluruhan pengutipan data dalam kajian ini.

Jadual 3.15

Matriks Kajian

Persoalan Kajian	Metodologi	Analisis Data	Sampel
RQ1: Sejauh manakah kesesuaian kandungan kurikulum mata pelajaran Perniagaan berdasarkan matlamat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)	Tinjauan Temu bual	Analisis deskriptif Analisis tematik	Pelajar dan Guru KP/ GKMP
RQ2: Sejauh manakah kesesuaian kandungan mata pelajaran kurikulum Perniagaan berdasarkan objektif dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)?	Tinjauan Temu bual	Analisis deskriptif Analisis tematik	Pelajar dan Guru KP/ GKMP
RQ3: Apakah tahap kesediaan guru terhadap proses pengajaran bagi mata pelajaran Perniagaan?	Tinjauan Temu bual	Analisis deskriptif Analisis tematik	Pelajar dan Guru KP/ GKMP

Sambungan Jadual 3.15

RQ4: Apakah tahap kesediaan pelajar terhadap proses pembelajaran mata pelajaran Perniagaan?	Tinjauan	Analisis deskriptif	Pelajar dan Guru
	Temu bual	Analisis tematik	KP/ GKMP
RQ5: Apakah tahap peranan pentadbir terhadap kurikulum mata pelajaran Perniagaan di sekolah menengah?	Tinjauan	Analisis deskriptif	Guru
	Temu bual	Analisis tematik	KP/ GKMP
RQ6: Apakah tahap proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Perniagaan?	Tinjauan	Analisis deskriptif	Pelajar dan Guru
	Temu bual	Analisis tematik	KP/ GKMP
RQ7: Apakah tahap proses pelaksanaan pentaksiran bilik darjah bagi mata pelajaran Perniagaan?	Tinjauan	Analisis deskriptif	Pelajar dan Guru
	Temu bual	Analisis tematik	KP/ GKMP
RQ8: Apakah tahap proses pelaksanaan kerja kursus Perniagaan?	Tinjauan	Analisis deskriptif	Pelajar dan Guru
	Temu bual	Analisis tematik	KP/ GKMP
RQ9: Apakah tahap penguasaan pengetahuan dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat bagi mata pelajaran Perniagaan?	Tinjauan	Analisis deskriptif	Pelajar dan Guru
	Temu bual	Analisis tematik	KP/ GKMP
RQ10: Apakah tahap penguasaan kemahiran dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat bagi mata pelajaran Perniagaan?	Tinjauan	Analisis deskriptif	Pelajar dan Guru
	Temu bual	Analisis tematik	KP/ GKMP
RQ11: Apakah tahap perubahan sikap dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat bagi mata pelajaran Perniagaan?	Tinjauan	Analisis deskriptif	Pelajar dan Guru
	Temu bual	Analisis tematik	KP/ GKMP

Sambungan Jadual 3.15

RQ12:
Adakah terdapat hubungan antara tahap pengetahuan dengan perubahan sikap pelajar tingkatan empat bagi mata pelajaran Perniagaan?

Tinjauan

Analisis inferensi

Pelajar

H0 1:
Tiada hubungan yang signifikan antara tahap penguasaan pengetahuan dengan perubahan sikap pelajar Perniagaan.

RQ13:
Adakah terdapat hubungan antara tahap kemahiran dengan perubahan sikap pelajar tingkatan empat bagi mata pelajaran Perniagaan?

Tinjauan

Analisis inferensi

Pelajar

H0 2:
Tiada hubungan yang signifikan antara tahap penguasaan kemahiran dengan perubahan sikap pelajar Perniagaan.

Triangulasi data daripada kedua-dua kaedah penyelidikan akan mengukuhkan dapatan keseluruhan dalam kajian ini. Dapatan data temu bual akan menyediakan bukti sokongan kepada data tinjauan yang dianalisis secara serentak. Hasil penemuan kedua-dua data ini dikumpul dan diintegrasikan bagi membuat perbandingan dan menghubungkan kait dalam pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian. Menurut Lee dan Smith (2012), integrasi data dalam penyelidikan campuran merujuk kepada triangulasi data yang membolehkan penumpuan, pengesahan dan koresponden hasil daripada kaedah berbeza yang mengkaji fenomena dan konstruk yang sama bagi meningkatkan keputusan siasatan. Jadual 3.16 menunjukkan kaedah pengintegrasian data kuantitatif dan kualitatif dilakukan dalam proses menganalisis data kajian.

Jadual 3.16

Kaedah Pengintegrasian Data Kuantitatif dan Kualitatif

Penilaian	Kaedah	Analisis	Perbincangan
Penilaian Konteks			
1. Kesesuaian kandungan kurikulum Perniagaan berdasarkan matlamat dalam DSKP.	<p>Kaedah Tinjauan Instrumen soal selidik dikumpul daripada sampel kajian bagi mengenal pasti kesesuaian kandungan kurikulum berdasarkan matlamat dalam DSKP.</p> <p>Kaedah temu bual dijalankan untuk mengumpul data kualitatif daripada beberapa responden kajian berkaitan dengan kesesuaian kandungan kurikulum berdasarkan matlamat dalam DSKP.</p>	<p>Analisis deskriptif menggunakan min dan sisihan piawai bagi mengenal pasti tahap kesesuaian kandungan kurikulum berdasarkan matlamat dalam DSKP.</p> <p>Analisis tematik dijalankan untuk mendapatkan tema yang berkaitan dengan kesesuaian kandungan kurikulum berdasarkan matlamat dalam DSKP.</p>	<p>Pengkaji membincangkan kesesuaian kandungan kurikulum berdasarkan matlamat dalam DSKP secara terperinci dengan menghuraikan dapatan kuantitatif dengan membandingkan bersama dapatan kualitatif.</p>
2. Kesesuaian kandungan kurikulum Perniagaan berdasarkan objektif dalam DSKP.	<p>Kaedah Tinjauan Instrumen soal selidik dikumpul daripada sampel kajian bagi mengenal pasti kesesuaian kandungan kurikulum berdasarkan objektif dalam DSKP.</p> <p>Kaedah temu bual dijalankan untuk mengumpul data kualitatif daripada beberapa responden kajian berkaitan dengan kesesuaian kandungan kurikulum berdasarkan objektif dalam DSKP.</p>	<p>Analisis deskriptif menggunakan min dan sisihan piawai bagi mengenal pasti tahap kesesuaian kandungan kurikulum berdasarkan objektif dalam DSKP.</p> <p>Analisis tematik dijalankan untuk mendapatkan tema yang berkaitan dengan kesesuaian kandungan kurikulum berdasarkan objektif dalam DSKP.</p>	<p>Pengkaji membincangkan kesesuaian kandungan kurikulum berdasarkan objektif dalam DSKP secara terperinci dengan menghuraikan dapatan kuantitatif dengan membandingkan bersama dapatan kualitatif.</p>

Penilaian Input

<p>1. Mengukur tahap kesediaan guru terhadap proses pengajaran mata pelajaran Perniagaan.</p>	<p>Kaedah Tinjauan Instrumen soal selidik dikumpul daripada sampel kajian bagi mengenal pasti tahap kesediaan guru terhadap proses pengajaran.</p>	<p>Analisis deskriptif menggunakan min dan sisihan piawai bagi mengenal pasti tahap kesediaan guru terhadap proses pengajaran.</p>	<p>Pengkaji membincangkan tahap kesediaan guru terhadap proses pengajaran secara terperinci dengan menghuraikan dapatan kuantitatif dengan membandingkan dapatan kualitatif.</p>
	<p>Kaedah temu bual dijalankan untuk mengumpul data kualitatif daripada beberapa responden kajian berkaitan dengan tahap kesediaan guru terhadap proses pengajaran.</p>	<p>Analisis tematik dijalankan untuk mendapatkan tema yang berkaitan tahap kesediaan guru terhadap proses pengajaran.</p>	
<p>2. Mengukur tahap kesediaan pelajar terhadap proses pembelajaran mata pelajaran Perniagaan.</p>	<p>Kaedah Tinjauan Instrumen soal selidik dikumpul daripada sampel kajian bagi mengenal pasti tahap kesediaan pelajar terhadap proses pembelajaran.</p>	<p>Analisis deskriptif menggunakan min dan sisihan piawai bagi mengenal pasti tahap kesediaan pelajar terhadap proses pembelajaran.</p>	<p>Pengkaji membincangkan tahap kesediaan pelajar terhadap proses pembelajaran secara terperinci dengan menghuraikan dapatan kuantitatif dengan membandingkan dapatan kualitatif.</p>
	<p>Kaedah temu bual dijalankan untuk mengumpul data kualitatif daripada beberapa responden kajian berkaitan dengan tahap kesediaan pelajar terhadap proses pembelajaran.</p>	<p>Analisis tematik dijalankan untuk mendapatkan tema yang berkaitan tahap kesediaan pelajar terhadap proses pembelajaran.</p>	
<p>3. Mengukur tahap peranan pentadbir terhadap kurikulum mata pelajaran Perniagaan di sekolah menengah</p>	<p>Kaedah Tinjauan Instrumen soal selidik dikumpul daripada sampel kajian bagi mengenal pasti tahap peranan pentadbir terhadap kurikulum Perniagaan.</p>	<p>Analisis deskriptif menggunakan min dan sisihan piawai bagi mengenal pasti tahap peranan pentadbir terhadap kurikulum Perniagaan.</p>	<p>Pengkaji membincangkan tahap peranan pentadbir terhadap kurikulum Perniagaan secara terperinci dengan menghuraikan dapatan kuantitatif dengan membandingkan dapatan kualitatif.</p>

	<p>Kaedah temu bual dijalankan untuk mengumpul data kualitatif daripada beberapa responden kajian berkaitan dengan tahap peranan pentadbir terhadap kurikulum Perniagaan.</p>	<p>Analisis tematik dijalankan untuk mendapatkan tema yang berkaitan tahap peranan pentadbir terhadap kurikulum Perniagaan.</p>	
<p>Penilaian Proses</p> <p>1. Menilai proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Perniagaan.</p>	<p>Kaedah Tinjauan Instrumen soal selidik dikumpul daripada sampel kajian bagi menilai tahap proses PdP Perniagaan.</p> <p>Kaedah temu bual dijalankan untuk mengumpul data kualitatif daripada beberapa responden kajian bagi menilai tahap proses PdP Perniagaan.</p>	<p>Analisis deskriptif menggunakan min dan sisihan piawai bagi menilai tahap proses PdP Perniagaan.</p> <p>Analisis tematik dijalankan untuk mendapatkan tema berkaitan tahap proses PdP Perniagaan.</p>	<p>Pengkaji membincangkan tahap proses PdP secara terperinci dengan menghuraikan dapatan kuantitatif dan membandingkan bersama dapatan kualitatif.</p>
<p>2. Menilai proses pentaksiran bilik darjah bagi mata pelajaran Perniagaan</p>	<p>Kaedah Tinjauan Instrumen soal selidik dikumpul daripada sampel kajian bagi menilai tahap proses pentaksiran bilik darjah.</p> <p>Kaedah temu bual dijalankan untuk mengumpul data kualitatif daripada beberapa responden kajian bagi menilai proses pentaksiran bilik darjah.</p>	<p>Analisis deskriptif menggunakan min dan sisihan piawai bagi menilai tahap berkaitan tahap proses pentaksiran bilik darjah.</p> <p>Analisis tematik dijalankan untuk mendapatkan tema berkaitan proses pentaksiran bilik darjah.</p>	<p>Pengkaji membincangkan tahap pentaksiran bilik darjah secara terperinci dengan menghuraikan dapatan kuantitatif dan membandingkan bersama dapatan kualitatif.</p>
<p>3. Menilai proses pelaksanaan kerja kursus Perniagaan.</p>	<p>Kaedah Tinjauan Instrumen soal selidik dikumpul daripada sampel kajian bagi menilai tahap proses pelaksanaan kerja kursus.</p>	<p>Analisis deskriptif menggunakan min dan sisihan piawai bagi menilai tahap berkaitan tahap proses pelaksanaan kerja kursus.</p>	<p>Pengkaji membincangkan tahap pelaksanaan kerja kursus secara terperinci dengan menghuraikan dapatan kuantitatif dengan membandingkan dapatan kualitatif.</p>

	<p>Kaedah temu bual dijalankan untuk mengumpul data kualitatif daripada beberapa responden kajian bagi menilai tahap proses pelaksanaan kerja kursus.</p>	<p>Analisis tematik dijalankan untuk mendapatkan tema berkaitan proses pelaksanaan kerja kursus.</p>	
<p>Penilaian Produk</p>			
<p>1. Mengenal pasti tahap penguasaan pengetahuan dalam kalangan pelajar tingkatan empat bagi mata pelajaran Perniagaan.</p>	<p>Kaedah Tinjauan Instrumen soal selidik dikumpul daripada sampel kajian bagi mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar.</p> <p>Kaedah temu bual dijalankan untuk mengumpul data kualitatif daripada beberapa responden kajian bagi menilai tahap pengetahuan pelajar.</p>	<p>Analisis deskriptif menggunakan min dan sisihan piawai bagi mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar.</p> <p>Analisis tematik dijalankan untuk mendapatkan tema berkaitan tahap pengetahuan pelajar.</p>	<p>Pengkaji membincangkan tahap pengetahuan pelajar secara terperinci dengan menghuraikan dapatan kuantitatif dengan membandingkan dapatan kualitatif.</p>
<p>2. Mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran dalam kalangan pelajar tingkatan empat bagi mata pelajaran Perniagaan.</p>	<p>Kaedah Tinjauan Instrumen soal selidik dikumpul daripada sampel kajian bagi mengenal pasti tahap kemahiran pelajar.</p> <p>Kaedah temu bual dijalankan untuk mengumpul data kualitatif daripada beberapa responden kajian bagi menilai tahap kemahiran pelajar.</p>	<p>Analisis deskriptif menggunakan min dan sisihan piawai bagi mengenal pasti tahap kemahiran pelajar.</p> <p>Analisis tematik dijalankan untuk mendapatkan tema berkaitan tahap kemahiran pelajar.</p>	<p>Pengkaji membincangkan tahap kemahiran pelajar secara terperinci dengan menghuraikan dapatan kuantitatif dengan membandingkan dapatan kualitatif.</p>
<p>3. Mengenal pasti tahap perubahan sikap pelajar tingkatan empat bagi mata pelajaran Perniagaan</p>	<p>Kaedah Tinjauan Instrumen soal selidik dikumpul daripada sampel kajian bagi mengenal pasti tahap perubahan sikap pelajar.</p>	<p>Analisis deskriptif menggunakan min dan sisihan piawai bagi mengenal pasti tahap perubahan sikap pelajar.</p>	<p>Pengkaji membincangkan tahap perubahan sikap pelajar secara terperinci dengan menghuraikan dapatan kuantitatif dengan membandingkan dapatan kualitatif.</p>

Kaedah temu bual dijalankan untuk mengumpul data kualitatif daripada beberapa responden kajian bagi menilai tahap perubahan pelajar.	Analisis tematik dijalankan untuk mendapatkan tema berkaitan tahap perubahan sikap pelajar.
---	---

3.10 Prinsip dan Prosedur Beretika dalam Kajian

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk membuat penilaian kurikulum mata pelajaran Perniagaan bagi mengesan kedudukan terkini pelaksanaan kurikulum ini di sekolah menengah. Untuk mendapatkan akses data mahupun kerjasama daripada pihak sekolah yang terlibat dalam kajian ini, adalah penting kepada pihak sekolah untuk mengetahui tujuan dan bentuk kajian yang dijalankan. Pihak sekolah berhak untuk mengetahui tentang hak mereka terutama berkaitan dengan bagaimana maklumat akan digunakan dan siapa yang berhak untuk mendapatkan data tersebut. Menyedari kepentingan hak tersebut, pengkaji telah menggunakan prinsip dan prosedur berikut semasa menjalankan kajian.

3.10.1 Hubungan dua hala

Pemakluman tentang bagaimana dan mengapa kajian dibuat akan diberitahu kepada pihak yang terlibat dan mereka diberi peluang untuk menyumbangkan sesuatu serta mempunyai hak untuk mendapatkan akses dapatan kajian. Pengkaji akan membuat pertimbangan yang mendalam untuk mengambil kira perspektif, pendapat dan pandangan yang wujud tentang pembangunan kurikulum mata pelajaran Perniagaan. Sekiranya wujud perbezaan pendapat tentang hasil kajian akan diselesaikan melalui rundingan.

3.10.2 Ketelusan

Pihak yang terlibat secara langsung adalah terbuka kepada penelitian terhadap laporan kajian dan mereka diberi hak untuk mengemukakan sebarang pandangan tentang ketepatan data dan kerelevanan laporan kajian. Tiada wujud penelitian rahsia atau sulit yang akan dilakukan tanpa kebenaran pihak yang terlibat serta tiada laporan sulit yang akan dikeluarkan tanpa kebenaran pihak yang terlibat.

3.10.3 Kebebasan

Pengkaji akan memastikan prinsip kebebasan dipatuhi iaitu tiada wujud unsur *bias* dan ketidakadilan dalam proses penilaian supaya pihak yang terlibat mengakui tentang kredibiliti dan ketelusan kajian ini.

3.10.4 Keadilan

Tidak wujud sebarang pengaruh pertubuhan atau institusi dalam menjalankan kajian ini. Kajian ini hanyalah merupakan pandangan dan perspektif pelbagai pihak dan tidak wujud sebarang unsur tekanan untuk mengambil tindakan terhadap sebarang individu yang dikaji.

3.10.5 Perundingan

Pihak-pihak yang terlibat dalam kajian berhak memberi komen tentang keadilan, kerelevanan, dan ketetapan laporan yang dihasilkan.

3.10.6 Kerahsiaan

Sumber maklumat yang diperoleh akan dipastikan kerahsiaannya. Responden diberi peluang untuk meneliti transkrip temu bual untuk mengesahkan ketepatannya dan

sebarang maklumat hanya digunakan dengan kebenaran responden. Responden juga mempunyai hak untuk membantah sekiranya mereka tidak bersetuju dengan interpretasi data oleh pengkaji. Kebenaran untuk melibatkan pelajar dan guru dirunding dengan pihak sekolah yang terlibat.

3.11 Rumusan

Umumnya, bab ini telah menjelaskan secara mendalam berkaitan perihal metodologi kajian yang menggunakan Model Penilaian CIPP sebagai tunjang bagi menjalankan kajian penilaian ini. Model ini merangkumi elemen konteks, input, proses dan produk. Kaedah tinjauan dilakukan melalui soal selidik dan kaedah temu bual menggunakan protokol temu bual. Populasi bagi kajian ini adalah seramai 2764 orang iaitu semua pelajar yang mengambil mata pelajaran Perniagaan di sekolah menengah di daerah Gombak. Sampel kajian bagi pelajar adalah seramai 420 orang yang dibahagikan kepada empat mukim iaitu Mukim Batu, Mukim Hulu Kelang, Mukim Rawang, dan Mukim Setapak manakala sampel bagi guru adalah seramai 36 iaitu seramai 9 orang bagi setiap mukim dan sampel bagi pengumpulan data kualitatif daripada Ketua Panitia atau GKMP adalah seramai 3 orang yang terdiri daripada seorang bagi setiap sekolah yang memperoleh pencapaian yang terbaik dalam SPM bagi tahun 2021. Kajian ini mengguna pakai instrumen soal selidik dan protokol temu bual. Sebelum menjalankan kajian sebenar, seramai tiga orang pakar dalam bidang Perniagaan dan Keusahawanan telah menyemak kandungan instrumen bagi mendapatkan kesahan dan seterusnya telah diuji rintis kepada 30 orang responden dari daerah yang berbeza bagi mendapatkan kebolehpercayaan. Prosedur menjalankan kajian ini juga mematuhi langkah-langkah yang telah ditetapkan oleh Kementerian Malaysia. Setelah proses

penganalisisan data dilakukan, bab seterusnya akan membicarakan laporan analisis data berdasarkan sumber-sumber data yang telah dipungut.

Universiti Malaya

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Penulisan dalam bab ini membentangkan penemuan kajian daripada data soal selidik dan data temu bual yang telah dijalankan ke atas pelajar, guru dan pentadbir sekolah. Dapatan deskriptif menjelaskan secara terperinci latar belakang responden, peratus, min dan sisihan piawai manakala dapatan analisis inferensi iaitu Ujian Korelasi Spearman Rho bagi membuat pengujian hipotesis-hipotesis dalam kajian. Data kuantitatif dianalisis menggunakan perisian IBM *Statistical Package for Sosial Sciences* (SPSS) versi 26. Transkripsi temu bual pula dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Dapatan akan dikategorikan mengikut kod bagi membentuk tema.

4.2 Profil Responden

Sub topik ini memberi penjelasan tentang maklumat umum berkaitan dengan latar belakang responden yang terdiri daripada 389 orang pelajar dan 32 orang guru.

4.2.1 Profil Responden Pelajar

Sebanyak 406 unit soal selidik telah dikemukakan kepada responden pelajar. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 17 set soal selidik telah rosak dan dikeluarkan sebelum dianalisis. Kekerapan responden berdasarkan jantina secara keseluruhannya menunjukkan bilangan responden perempuan lebih ramai iaitu seramai 203 orang (52%) berbanding responden lelaki iaitu 186 orang (48%).

Kekerapan responden berdasarkan kaum menunjukkan responden Melayu adalah seramai 341 orang (88%). Seterusnya responden Cina seramai 15 orang (4%),

responden India seramai 29 orang (7%) manakala kaum lain-lain seramai 4 orang (1%).

Jadual 4.1

Taburan Responden Pelajar Mengikut Jantina Dan Kaum Di Sekolah Menengah Daerah Gombak Yang Mengambil Subjek Perniagaan Sebagai Subjek Elektif Dalam Peperiksaan SPM

Profil	Kekerapan	Peratus
Jantina		
Lelaki	186	48%
Perempuan	203	52%
Jumlah	389	100%
Kaum		
Melayu	341	88%
Cina	15	4%
India	29	7%
Lain-lain	4	1%
Jumlah	389	100%

4.2.2 Profil Responden Guru

Responden guru berjumlah 32 orang terdiri daripada kalangan Ketua Panitia bagi 32 buah sekolah menengah di daerah Gombak yang mengambil mata pelajaran Perniagaan sebagai subjek elektif dalam peperiksaan SPM. 32 set soalan telah diedarkan kepada 32 orang Ketua Panitia dalam satu program Perkampungan Ilmu Mata Pelajaran Perniagaan anjuran Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Daerah Gombak. 32 set soalan tersebut telah dikembalikan.

Jadual 4.2 menunjukkan profil responden guru dengan bilangan guru lelaki seramai 2 orang (6%) manakala guru perempuan seramai 30 orang (94%).

Taburan responden mengikut pengalaman mengajar mata pelajaran Perniagaan sejak subjek ini diperkenalkan pada tahun 2017 menunjukkan seramai 20 orang (63%) mempunyai pengalaman mengajar 6 tahun dan ke atas, seramai 9 orang (28%)

mempunyai pengalaman antara 3 hingga 5 tahun dan 3 orang (9%) guru mempunyai pengalaman antara 0 hingga 2 tahun.

Jadual 4.2

Taburan Responden Guru Mengikut Jantina Dan Pengalaman Mengajar Subjek Perniagaan Di Sekolah Menengah Daerah Gombak.

Profil	Kekerapan	Peratus
Jantina		
Lelaki	2	6%
Perempuan	30	94%
Jumlah	32	100%
Pengalaman Mengajar		
6 tahun dan ke atas	20	63%
3 hingga 5 tahun	9	28%
0 hingga 2 tahun	3	9%
Jumlah	32	100%

Taburan responden berkaitan dengan dua item respon berganda iaitu pertama berkaitan peringkat penyertaan kursus, seminar dan bengkel dan kedua berkaitan dengan sumbangan guru Perniagaan ditunjukkan dalam Jadual 4.3 di bawah. Profil responden berkaitan dengan peringkat penyertaan kursus, seminar atau bengkel yang pernah dihadiri oleh guru menunjukkan seramai 1 orang (2%) menyertai di peringkat kebangsaan, seramai 6 orang (13%) menyertai di peringkat negeri, 27 orang (57%) di peringkat daerah, 12 orang (26%) di peringkat sekolah dan 1 orang (2%) tidak pernah menyertai kursus, seminar atau bengkel dalam mana-mana peringkat.

Taburan responden mengikut sumbangan guru dalam subjek Perniagaan pula menunjukkan seramai 3 orang (5%) pernah melatih guru-guru dalam peringkat kebangsaan, negeri, daerah atau sekolah, seramai 11 orang (20%) pernah menjadi penceramah dalam program Perniagaan dalam mana-mana peringkat, seramai 18

orang (33%) pernah membantu pengurusan atau panitia menjalankan program dalam mana-mana peringkat, seramai 5 orang (9%) pernah membina modul atau koswer, seramai 4 orang (7%) pernah menjalankan kajian tindakan, seramai 6 orang (11%) pernah menyelia dan mencerap PdP guru dan seramai 8 orang (15%) tidak pernah terlibat dalam apa-apa sumbangan.

Jadual 4.3

Taburan Responden Guru Bagi Item Respon Berganda Berkaitan Dengan Peringkat Penyertaan Kursus, Seminar Dan Bengkel Serta Sumbangan Guru Perniagaan.

Profil	Kekerapan	Peratus
Peringkat kursus, seminar dan bengkel		
Kebangsaan	1	2%
Negeri	6	13%
Daerah / Zon	27	57%
Sekolah	12	26%
Tidak Pernah	1	2%
Jumlah	47	100%
Sumbangan Guru Perniagaan		
Melatih guru dalam mana-mana peringkat	3	5%
Menjadi penceramah dalam mana-mana program	11	20%
Membantu pengurusan / panitia menjalankan program	18	33%
Membina modul/ courseware	5	9%
Menjalankan kajian tindakan	4	7%
Menyelia dan mencerap PdP guru	6	11%
Tiada apa-apa sumbangan	8	15%
Jumlah	55	100%

4.3 Dapatan Data Tinjauan

Dapatan data tinjauan menggunakan analisis deskriptif adalah bagi mencari jawapan kepada persoalan kajian 1 sehingga persoalan kajian 11 yang dibentangkan dalam bentuk skor min dan nilai sisihan piawai. Interpretasi skor min yang dipecahkan kepada tiga tahap dikemukakan bagi memberi penjelasan tahap nilai min bagi pemboleh ubah yang dikaji yang telah dinyatakan pada Bab 3. Data tinjauan

memerlukan penjelasan yang lebih mendalam melalui protokol temu bual bagi sebilangan kecil responden.

4.3.1 Penilaian Konteks

Penilaian konteks mempunyai dua aspek penilaian iaitu kesesuaian kandungan kurikulum mata pelajaran Perniagaan berdasarkan Matlamat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dan kesesuaian Kandungan kurikulum mata pelajaran Perniagaan berdasarkan Objektif dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).

4.3.1.1 Kesesuaian Kandungan Kurikulum Mata Pelajaran Perniagaan Berdasarkan Matlamat dalam Dokumen Standard Sekolah Menengah (DSKP)

Persoalan Kajian 1: Sejauh manakah kesesuaian kandungan kurikulum mata pelajaran Perniagaan sesuai berdasarkan matlamat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)?

Bagi mencari jawapan kepada persoalan kajian ini, sebanyak enam item soal selidik telah diuji bagi berdasarkan paparan Jadual 4.4 yang dikemukakan. Melalui penilaian dari sudut perspektif pelajar, hasil penemuan menunjukkan semua item merekodkan skor min pada kedudukan yang tinggi dengan julat antara 3.84 (S.P=.788) sehingga 4.02 (S.P=.757). Secara umumnya, purata min adalah tinggi (Min=3.93, S.P=.534).

Dari sudut perspektif guru pula, dapatan juga menunjukkan kesemua item merekodkan skor min pada kedudukan tinggi dengan julat antara 4.16 (S.P=.627) sehingga 4.28 (S.P=.522). Keseluruhannya, purata min menunjukkan tahap yang tinggi (Min=4.24, S.P=.466).

Jadual 4.4

Skor Min dan Sisihan Piawai Kesesuaian Kandungan Mata Pelajaran Perniagaan Berdasarkan Matlamat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)

Kesesuaian Kandungan Berdasarkan Matlamat dalam DSKP		Pelajar (N=389)			Guru (N=32)		
		Min	S.P	Tahap	Min	S.P	Tahap
B1a1	Membantu menjadi pengguna bijak.	3.92	.720	Tinggi	4.16	.627	Tinggi
B1a2	Membantu menjadi pekerja atau usahawan yang bijak.	4.02	.757	Tinggi	4.28	.522	Tinggi
B1a3	Membantu menjadi pekerja atau usahawan yang berkeyakinan.	3.84	.788	Tinggi	4.28	.522	Tinggi
B1a4	Membantu menjadi pekerja atau usahawan yang berfikiran positif.	3.89	.766	Tinggi	4.25	.508	Tinggi
B1a5	Membantu menjadi pekerja atau usahawan yang beretika.	3.86	.750	Tinggi	4.21	.608	Tinggi
B1a6	Membantu menjadi warganegara yang bertanggungjawab.	4.00	.779	Tinggi	4.28	.522	Tinggi

S.P = Sisihan Piawai

4.3.1.2 Kesesuaian Kandungan Kurikulum Mata Pelajaran Perniagaan

Berdasarkan Objektif dalam Dokumen Standard Sekolah Menengah (DSKP)

Persoalan Kajian 2: Sejauh manakah kesesuaian kandungan kurikulum mata pelajaran Perniagaan sesuai berdasarkan objektif dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)?

Bagi menjawab persoalan kajian ini, sebanyak lima item soal selidik telah dikemukakan seperti dalam Jadual 4.5. Berdasarkan penilaian pelajar, semua item

mencatatkan skor min yang tinggi iaitu julat antara 3.74 (S.P=.777) hingga 3.93 (S.P=.888). Secara keseluruhannya, purata min adalah tinggi (Min=3.87, S.P=.530).

Penilaian ke atas guru juga turut mencatatkan skor min yang tinggi bagi semua item yang diuji iaitu julat antara 4.00 (S.P=.508) hingga 4.19 (S.P=.592). Purata min secara keseluruhan adalah tinggi (Min=4.08 , S.P=.445).

Jadual 4.5

Skor Min dan Sisihan Piawai Kesesuaian Kandungan Mata Pelajaran Perniagaan Berdasarkan Objektif dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)

Kesesuaian Kandungan Berdasarkan Objektif dalam DSKP		Pelajar (N=389)			Guru (N=32)		
		Min	S.P	Tahap	Min	S.P	Tahap
B1b1	Mata pelajaran Perniagaan meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan minat dalam bidang perniagaan.	3.90	.815	Tinggi	4.09	.530	Tinggi
B1b2	Mata pelajaran Perniagaan membangun idea dan membina kesediaan murid untuk memulakan perniagaan.	3.93	.888	Tinggi	4.19	.592	Tinggi
B1b3	Mata pelajaran Perniagaan membina kemahiran menganalisis dan menilai perubahan persekitaran terhadap organisasi Perniagaan.	3.74	.777	Tinggi	4.00	.508	Tinggi
B1b4	Mata pelajaran Perniagaan membina kemahiran kebolehkeraan dan kreativiti murid dalam bidang perniagaan.	3.91	.723	Tinggi	4.03	.594	Tinggi
B1b5	Mata pelajaran Perniagaan menerapkan kesedaran khidmat masyarakat dan nilai murni dalam menjalankan perniagaan.	3.84	.795	Tinggi	4.09	.689	Tinggi

S.P = Sisihan Piawai

4.3.2 Penilaian Input

Penilaian input mempunyai tiga aspek penilaian iaitu tahap kesediaan murid terhadap proses pembelajaran mata pelajaran Perniagaan, tahap kesediaan guru terhadap proses pengajaran mata pelajaran Perniagaan dan peranan pentadbir terhadap kurikulum mata pelajaran Perniagaan sekolah menengah.

4.3.2.1 Kesediaan Guru

Persoalan Kajian 3: Apakah tahap kesediaan guru terhadap proses pengajaran bagi mata pelajaran Perniagaan?

Sebanyak 19 item soal selidik telah dikemukakan kepada guru manakala 18 item soal selidik dikemukakan kepada pelajar untuk menjawab persoalan kajian ini seperti dalam Jadual 4.6. Hasil penilaian ke atas pelajar mendapati bahawa skor min adalah tinggi kecuali item B2a6 (Min=3.05, S.P=1.031), B2a11 (Min=3.22, S.P=.963), B2a12 (Min= 2.98. S.P=1.014) dan B2a15 (Min=3.07, S.P=.866) pada tahap sederhana. Secara keseluruhannya purata min adalah tinggi (Min=3.87, S.P=.486).

Dapatan daripada guru pula menunjukkan semua item menunjukkan skor min adalah tinggi iaitu julat antara 3.78 (S.P=.975) hingga 4.50 (S.P=.508). Item paling rendah adalah B2a12 yang menjelaskan bahawa guru terus memberikan bimbingan kepada pelajar biarpun pelajar tersebut telah menguasai pengetahuan. Keseluruhan purata min menunjukkan tahap yang tinggi (Min=4.10, S.P=.413).

Jadual 4.6

Skor Min Dan Sisihan Piawai Tahap Kesiediaan Guru Terhadap Proses Pengajaran Mata Pelajaran Perniagaan

Tahap Kesiediaan Guru Terhadap Proses Pengajaran Mata Pelajaran Perniagaan		Pelajar (N=389)			Guru (N=32)		
		Min	S.P	Tahap	Min	S.P	Tahap
B2a1	Guru mempunyai pengetahuan yang luas tentang kandungan mata pelajaran.	4.49	.814	Tinggi	3.90	.734	Tinggi
B2a2	Guru dapat menjawab soalan yang ditimbulkan pelajar dengan baik.	4.42	.777	Tinggi	4.06	.619	Tinggi
B2a3	Guru menguasai kandungan buku teks.	4.27	.914	Tinggi	3.97	.782	Tinggi
B2a4	Guru menguasai kandungan kurikulum dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).	3.84	.969	Tinggi	3.88	.707	Tinggi
B2a5	Guru menerima latihan yang kursus dari institusi yang diiktiraf.	-	-	-	3.81	1.119	Tinggi
B2a6	Guru menggunakan pendekatan yang berbeza mengikut tahap kecerdasan pelajar.	3.05	1.031	Sederhana	4.06	.564	Tinggi
B2a7	Guru memberikan contoh bagi setiap topik yang dipelajari untuk meningkatkan kefahaman pelajar.	4.34	.806	Tinggi	4.28	.523	Tinggi
B2a8	Guru menggunakan pelbagai teknik pengajaran mengikut kesesuaian tajuk.	3.85	1.004	Tinggi	4.06	.619	Tinggi

Sambungan Jadual 4.6

B2a9	Guru membimbing murid melakukan tugas sekiranya memerlukan.	4.23	.920	Tinggi	4.50	.508	Tinggi
B2a10	Guru meminta pelajar yang telah menguasai pembelajaran untuk memberi bimbingan kepada rakan yang belum menguasai.	3.90	.896	Tinggi	4.50	.508	Tinggi
B2a11	Guru mengurangkan bimbingan sekiranya melihat pelajar dapat menyelesaikan tugas dengan sendiri.	3.22	.963	Sederhana	3.91	.928	Tinggi
B2a12	Guru membiarkan pelajar meneroka pengetahuan baharu dengan sendiri apabila telah menguasai pengetahuan.	2.98	1.014	Sederhana	3.78	.975	Tinggi
B2a13	Guru memberi refleksi atau maklum balas selepas pelajar menyelesaikan tugas.	4.03	.762	Tinggi	4.16	.574	Tinggi
B2a14	Guru memastikan pelajar memahami konsep pembelajaran sebelum memberi tugas.	3.86	.959	Tinggi	4.25	.439	Tinggi
B2a15	Guru memberi tugas dalam konteks yang berbeza selepas pelajar menguasai kandungan pembelajaran.	3.07	.866	Sederhana	3.88	.659	Tinggi
B2a16	Guru memberi tugas yang sesuai dengan dunia sebenar.	3.73	.914	Tinggi	3.87	.833	Tinggi

Sambungan Jadual 4.6

B2a17	Guru menggalakkan pelajar bekerja dalam kumpulan.	4.10	.898	Tinggi	4.22	.792	Tinggi
B2a18	Guru menggalakkan pelajar belajar bersama-sama rakan sebaya.	4.08	.901	Tinggi	4.22	.608	Tinggi
B2a19	Guru memberi dorongan kepada pelajar semasa belajar.	4.22	.812	Tinggi	4.50	.508	Tinggi

S.P = Sisihan Piawai

4.3.2.2 Kesiediaan Pelajar

Persoalan Kajian 4: Apakah tahap kesiediaan pelajar terhadap proses pembelajaran bagi mata pelajaran Perniagaan?

Bagi menjawab persoalan kajian ini, sebanyak 10 item soal selidik telah dikemukakan kepada pelajar dan guru seperti mana dalam Jadual 4.7. Berdasarkan penilaian pelajar, skor min berada pada tahap sederhana dengan julat antara 3.00 (S.P=.976) hingga 3.65 (.875) kecuali item bagi B2b5 (Min=2.15) dan B2b7 (Min=2.29, S.P=1.015) adalah pada tahap rendah. Secara keseluruhannya, purata min adalah sederhana (Min=3.11, S.P=.532).

Berdasarkan penilaian guru, skor min berada pada tahap sederhana dengan julat antara 3.06 (S.P=.840) hingga 3.63 (S.P=.751) kecuali bagi item B2b7 (Min=1.84, S.P=.766).

Secara keseluruhannya, purata min adalah sederhana (Min=3.20, S.P=4.96).

Jadual 4.7

Skor Min Dan Sisihan Piawai Tahap Kesiediaan Pelajar Terhadap Proses Pembelajaran Mata Pelajaran Perniagaan

Tahap Kesiediaan Pelajar Terhadap Proses Pembelajaran Mata pelajaran Perniagaan		Pelajar (N=389)			Guru (N=32)		
		Min	S.P	Tahap	Min	S.P	Tahap
B2b1	Pelajar meminati mata pelajaran Perniagaan.	3.52	.986	Sederhana	3.50	.622	Sederhana
B2b2	Pelajar diberi peluang untuk memilih mata pelajaran ini.	3.25	1.278	Sederhana	3.31	.931	Sederhana
B2b3	Pelajar meyakini mampu mencapai keputusan yang baik dalam peperiksaan.	3.64	.971	Sederhana	3.63	.751	Sederhana
B2b4	Pelajar memberikan sepenuh perhatian semasa guru mengajar.	3.65	.875	Sederhana	3.63	.751	Sederhana
B2b5	Pelajar mempunyai pengetahuan asas mengenai mata pelajaran ini di peringkat menengah rendah.	2.15	1.045	Rendah	3.06	.840	Sederhana
B2b6	Pelajar mudah memahami setiap tajuk yang dipelajari melalui pendekatan yang digunakan oleh guru.	3.19	.908	Sederhana	3.44	.759	Sederhana
B2b7	Pelajar tidak memerlukan perhatian intensif daripada guru.	2.29	1.015	Rendah	1.84	.766	Rendah
B2b8	Pelajar sentiasa mendapatkan maklumat terkini berkaitan mata pelajaran ini.	3.23	.860	Sederhana	3.16	.919	Sederhana
B2b9	Pelajar selalu membuat rujukan berkaitan mata pelajaran ini.	3.21	.908	Sederhana	3.19	.895	Sederhana

Sambungan Jadual 4.7

B2b10	Pelajar meluangkan lebih masa untuk mengulang kaji mata pelajaran ini.	3.00	.976	Sederhana	3.25	.879	Sederhana
-------	--	------	------	-----------	------	------	-----------

S.P = Sisihan Piawai

4.3.2.3 Peranan Pentadbir

Persoalan Kajian 5: Apakah tahap peranan pentadbir terhadap kurikulum mata pelajaran Perniagaan di sekolah menengah?

Sebanyak 10 item soal selidik digunakan untuk menjawab persoalan kajian ini seperti mana dalam Jadual 4.8. Dapatan penilaian guru menunjukkan skor min pada tahap tinggi iaitu julat skor min antara 3.90 (S.P=.588) hingga 4.31 (S.P=.535) kecuali item B2c9 pada tahap sederhana (Min=3.44, S.P=.800). Item ini menjelaskan bahawa pentadbir kurang menggalakkan lebih ramai pelajar mengambil mata pelajaran Perniagaan sebagai subjek elektif di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Secara keseluruhannya, purata skor min adalah pada tahap tinggi (Min=4.04, S.P=.467).

Jadual 4.8

Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Peranan Pentadbir Terhadap Kurikulum Mata Pelajaran Perniagaan

Tahap Peranan Pentadbir Terhadap Kurikulum Mata Pelajaran Perniagaan		Guru (N=32)		
		Min	S.P	Tahap
B2c1	Pentadbir mempunyai hubungan yang baik dengan guru.	4.31	.535	Tinggi
B2c2	Pentadbir sekolah mempunyai hubungan yang baik dengan pelajar.	4.28	.523	Tinggi
B2c3	Pentadbir memberikan komitmen yang tinggi bagi memastikan mata pelajaran ini berjalan dengan baik.	4.09	.734	Tinggi

Sambungan Jadual 4.8

B2c4	Pentadbir sering membantu menyelesaikan segala masalah yang dihadapi mata pelajaran ini.	4.00	.508	Tinggi
B2c5	Pentadbir sentiasa memantau perkembangan mata pelajaran ini dari semasa ke semasa.	4.09	.818	Tinggi
B2c6	Pentadbir selalu mencerap pengajaran guru.	3.90	.588	Tinggi
B2c7	Pentadbir memberikan perhatian terhadap disiplin pelajar semasa melaksanakan kerja kursus.	4.12	.707	Tinggi
B2c8	Pentadbir memastikan peruntukan kewangan digunakan secara berhemah.	4.09	.641	Tinggi
B2c9	Pentadbir menggalakkan lebih ramai pelajar mengambil mata pelajaran ini.	3.44	.800	Sederhana
B2c10	Pentadbir memberi dorongan kepada guru untuk meningkatkan tahap akademik bagi memperkasa mata pelajaran ini.	4.06	.759	Tinggi

S.P = Sisihan Piawai

4.3.3 Penilaian Proses

Penilaian proses mempunyai tiga aspek penilaian iaitu proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP), proses pentaksiran bilik darjah (PBD), proses pelaksanaan kerja kursus. Dapatan juga menjelaskan bahawa pentadbir sekolah sentiasa membantu menyelesaikan permasalahan yang berlaku bagi membantu pihak guru untuk melaksanakan program-program berkaitan dengan mata pelajaran ini.

4.3.3.1 Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Persoalan Kajian 6: Apakah tahap proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Perniagaan?

Berdasarkan persoalan kajian, sebanyak 5 item dikemukakan bagi menjawab persoalan kajian. Dapatan penilaian pelajar menunjukkan skor purata bagi 3 item adalah pada tahap sederhana iaitu julat skor min antara 2.84 (S.P=1.242) hingga 3.37

(S.P=1.099) manakala 2 item lagi menunjukkan pada tahap yang tinggi dengan julat purata min antara 4.16 (S.P=.819) dan 4.9 (S.P=.819). Kedua-dua item ini menjelaskan tentang teknik pengajaran guru menghubungkan kait apa yang dipelajari dengan situasi dunia sebenar dan guru menggalakkan pelajar berbincang bagi mengukuhkan kefahaman dan penguasaan topik. Secara keseluruhannya, purata skor min adalah pada tahap sederhana (Min=3.48, S.P=.712).

Dapatan penilaian guru menunjukkan skor min adalah pada tahap yang tinggi bagi semua item iaitu julat min antara 3.78 hingga (S.P=.906) hingga 4.22 (S.P=.608) kecuali item B3a2 pada tahap sederhana (Min=3.25, S.P.984). Dapatan bagi item ini menjelaskan guru menggunakan pelbagai perisian komputer adalah pada tahap sederhana. Secara keseluruhannya, purata skor min adalah tinggi (Min=3.86, S.P=.531).

Jadual 4.9

Skor Min Dan Sisihan Piawai Proses Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP)

Tahap Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)		Pelajar (N=389)			Guru (N=32)		
		Min	S.P	Tahap	Min	S.P	Tahap
B3a1	Guru menggunakan peralatan teknologi untuk meningkatkan kefahaman pelajar.	2.84	1.242	Sederhana	3.78	.906	Tinggi
B3a2	Guru menggunakan pelbagai perisian komputer.	2.89	1.225	Sederhana	3.25	.984	Sederhana
B3a3	Guru menggunakan bahan bantu mengajar untuk mewujudkan sesi pembelajaran yang interaktif.	3.37	1.099	Sederhana	3.90	.689	Tinggi

Sambungan Jadual 4.9

B3a4	Guru menghubungkan kait apa yang dipelajari dengan situasi sebenar.	4.17	.819	Tinggi	4.22	.608	Tinggi
B3a5	Guru menggalakkan pelajar berbincang bagi mengukuhkan kefahaman dan penguasaan topik.	4.16	.819	Tinggi	4.13	.707	Tinggi

S.P = Sisihan Piawai

4.3.3.2 Pelaksanaan Pentaksiran Bilik darjah (PBD)

Persoalan Kajian 7: Apakah tahap proses pelaksanaan pentaksiran bilik darjah bagi mata pelajaran Perniagaan?

Bagi mencari jawapan kepada persoalan kajian ini, sebanyak 11 item soal selidik telah diuji berdasarkan Jadual 4.10. Berdasarkan penilaian pelajar, dapatan menunjukkan skor min bagi 6 item adalah pada tahap tinggi dengan julat skor min antara 3.75 (S.P=.739) hingga 4.03 (S.P=.832) manakala 5 item menunjukkan skor min pada tahap sederhana dengan julat min antara 3.05 (S.P=.866) hingga 3.66 (S.P=.964). Secara keseluruhannya, purata skor min adalah pada tahap tinggi (Min=3.73, S.P=.534).

Dapatan penilaian guru menunjukkan skor min adalah pada tahap tinggi dengan julat skor min antara 3.72 (S.P=.958) hingga 4.47 (S.P=.507) bagi semua item yang diuji. Semua item menjelaskan tahap pelaksanaan Pentaksiran Bilik darjah (PBD) di sekolah menengah adalah tinggi. Secara keseluruhannya, purata skor min adalah tinggi (Min=4.07, S.P=.501).

Jadual 4.10*Skor Min Dan Sisihan Piawai Proses Pentaksiran Bilik darjah (PBD)*

Tahap Proses Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)		Pelajar (N=389)			Guru (N=32)		
		Min	S.P	Tahap	Min	S.P	Tahap
B3b1	Guru memeriksa buku nota pelajar.	3.86	1.242	Tinggi	4.41	.559	Tinggi
B3b2	Guru memeriksa buku latihan pelajar.	3.97	1.064	Tinggi	4.47	.507	Tinggi
B3b3	Guru melaksanakan pentaksiran bilik darjah setelah selesai sesi pengajaran.	3.66	.964	Sederhana	4.06	.800	Tinggi
B3b4	Guru mempunyai kekangan masa untuk melaksanakan PBD.	3.05	.866	Sederhana	3.78	.870	Tinggi
B3b5	Guru memberi masa yang mencukupi untuk melaksanakan tugas PBD.	3.88	1.086	Tinggi	3.94	.619	Tinggi
B3b6	Guru memantau perkembangan prestasi pelajar.	3.97	.881	Tinggi	4.09	.588	Tinggi
B3b7	Guru merekod pencapaian tahap penguasaan dengan menggunakan borang yang ditetapkan oleh panitia.	3.61	.831	Sederhana	4.19	.692	Tinggi
B3b8	Pentaksiran bilik darjah dilaksanakan untuk menilai komponen pengetahuan dan kemahiran yang pelajar.	4.03	.832	Tinggi	4.13	.707	Tinggi
B3b9	Pentaksiran bilik darjah membantu guru memperbaiki teknik pengajaran.	3.75	.739	Tinggi	4.00	.718	Tinggi
B3b10	Guru dapat mengukur pencapaian pelajar melalui pentaksiran bilik darjah.	3.63	.874	Sederhana	4.00	.718	Tinggi

Sambungan Jadual 4.10

B3b11	Pentaksiran bilik darjah memberi peluang kepada pelajar mengawal proses pembelajaran.	3.59	.869	Sederhana	3.72	.958	Tinggi
-------	---	------	------	-----------	------	------	--------

S.P = Sisihan Piawai

4.3.3.3 Pelaksanaan Kerja Kursus

Persoalan Kajian 8: Apakah tahap proses pelaksanaan kerja kursus Perniagaan?

Berdasarkan Jadual 4.11 di bawah menunjukkan 9 item digunakan untuk menjawab persoalan kajian ini. Dapatan penilaian pelajar menunjukkan semua item yang dikemukakan mencatatkan skor min yang tinggi bagi keseluruhan item iaitu julat min antara 3.74 (S.P=1.050) hingga 4.31 (S.P=.842) kecuali item B3c8 yang mencatatkan tahap skor min sederhana (Min=3.48, S.P=.887). Item ini menjelaskan guru mengurangkan bimbingan sekiranya mendapati pelajar dapat menyelesaikan tugas sendiri adalah sederhana berbanding aspek-aspek lain dalam item. Secara keseluruhannya, purata skor min adalah tinggi (Min=4.04, S.P=.549).

Dapatan penilaian guru menunjukkan semua item yang digunakan untuk menjawab persoalan kajian ini mencatatkan skor min yang tinggi iaitu julat antara 4.25 (S.P=.762) hingga 4.56 (S.P=.801) kecuali item B3c3 dan B3c8 yang mencatatkan skor min sederhana dengan skor min masing-masing 3.31 (S.P=1.203) dan 3.66 (S.P=1.124). Kedua-dua item ini menjelaskan tempoh masa untuk menyiapkan kerja kursus dan guru perlahan-lahan mengurangkan bimbingan sekiranya mendapati pelajar dapat menyelesaikan tugas sendiri adalah kurang berbanding dengan aspek lain dalam item. Secara keseluruhannya, purata skor min adalah tinggi (Min=4.22, S.P=.647).

Jadual 4.11*Skor Min Dan Sisihan Piawai Proses Pelaksanaan Kerja Kursus*

Tahap Proses Pelaksanaan Kerja Kursus		Pelajar (N=389)			Guru (N=32)		
		Min	S.P	Tahap	Min	S.P	Tahap
B3c1	Kerja kursus merupakan tugas penting kepada pelajar.	4.31	.842	Tinggi	4.44	.716	Tinggi
B3c2	Kerja kursus merupakan tugas berguna untuk pelajar.	4.24	.831	Tinggi	4.41	.665	Tinggi
B3c3	Tempoh masa menyiapkan kerja kursus adalah sesuai.	3.74	1.050	Tinggi	3.31	1.203	Sederhana
B3c4	Guru memberi bimbingan kepada pelajar untuk menyiapkan kerja kursus.	4.22	.822	Tinggi	4.56	.801	Tinggi
B3c5	Guru memberi penerangan dan mendemonstrasi terlebih dahulu bagaimana melakukan kerja kursus.	4.29	.767	Tinggi	4.47	.803	Tinggi
B3c6	Guru memberi maklum balas setiap kali pelajar berhadapan dengan masalah untuk melaksanakan kerja kursus.	4.20	.811	Tinggi	4.50	.803	Tinggi
B3c7	Guru menggalakkan pelajar yang menguasai tugas membimbing rakan yang belum menguasai.	4.01	.803	Tinggi	4.40	.798	Tinggi
B3c8	Guru perlahan-lahan berhenti memberi bimbingan sekiranya pelajar boleh menyelesaikan tugas sendiri.	3.48	.887	Sederhana	3.66	1.124	Sederhana

Sambungan Jadual 4.11

B3c9	Guru menggalakkan pelajar berfikir untuk menyelesaikan tugas kerja kursus.	3.87	.775	Tinggi	4.25	.762	Tinggi
------	--	------	------	--------	------	------	--------

S.P = Sisihan Piawai

4.3.4 Penilaian Produk

Penilaian produk mempunyai tiga aspek penilaian iaitu pengetahuan pelajar, kemahiran pelajar dan perubahan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan.

4.3.4.1 Penguasaan Pengetahuan Pelajar

Persoalan Kajian 9: Apakah tahap penguasaan pengetahuan dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat bagi mata pelajaran Perniagaan?

Dalam Jadual 4.12 di bawah menunjukkan 6 item digunakan untuk menjawab persoalan kajian ini. Berdasarkan dapatan pelajar, keseluruhan item mencatatkan skor min yang sederhana dengan julat min antara 2.95 (S.P.839) hingga 3.48 (S.P=.918) kecuali item B4a3 yang mencatatkan skor min tinggi (Min=3.68, S.P=.828). Item ini menjelaskan bahawa aktiviti menyelesaikan masalah meningkatkan kefahaman pelajar adalah tinggi berbanding aspek lain dalam item. Secara keseluruhannya, purata min adalah sederhana (Min=3.32, S.P=.580).

Hasil dapatan penilaian guru selari dengan dapatan pelajar iaitu mencatatkan skor min sederhana bagi keseluruhan item dengan julat min antara 3.09 (S.P=.856) hingga 3.59 (S.P=.837) kecuali item B4a3 yang mencatatkan skor min yang tinggi (Min=3.69, S.P=.738) yang menjelaskan aktiviti menyelesaikan masalah dapat meningkatkan

kefahaman pelajar adalah tinggi berbanding aspek lain dalam item. Secara keseluruhannya, purata min adalah sederhana (Min=3.41, S.P=.638).

Jadual 4.12

Skor Min Dan Sisihan Piawai Tahap Penguasaan Pengetahuan Pelajar

Tahap Penguasaan Pengetahuan Pelajar		Pelajar (N=389)			Guru (N=32)		
		Min	S.P	Tahap	Min	S.P	Tahap
B4a1	Pelajar dapat menterjemah konsep baru dalam bentuk peta konsep.	3.19	.769	Sederhana	3.22	.792	Sederhana
B4a2	Pelajar dapat memahami konsep yang rumit dengan baik.	2.95	.839	Sederhana	3.09	.856	Sederhana
B4a3	Aktiviti menyelesaikan masalah meningkatkan kefahaman pelajar.	3.68	.828	Tinggi	3.69	.738	Tinggi
B4a4	Pelajar dapat menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dengan baik.	3.23	.792	Sederhana	3.47	.761	Sederhana
B4a5	Pelajar dapat memahami setiap fakta penting pada setiap tajuk.	3.39	.856	Sederhana	3.38	.833	Sederhana
B4a6	Pelajar menunjukkan peningkatan dalam mata pelajaran Perniagaan.	3.48	.918	Sederhana	3.59	.837	Sederhana

S.P = Sisihan Piawai

4.3.4.2 Penguasaan Kemahiran Pelajar

Persoalan Kajian 10: Apakah tahap penguasaan kemahiran dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat bagi mata pelajaran Perniagaan?

Berdasarkan Jadual 4.13 di bawah menunjukkan bahawa sebanyak tujuh item digunakan untuk menjawab persoalan kajian ini. Hasil dapatan daripada pelajar menunjukkan empat item mencatatkan skor min pada tahap sederhana dengan julat min antara 2.77 (S.P=.995) hingga 3.56 (S.P=.944) manakala tiga item lagi merekodkan skor min yang tinggi iaitu julat min antara 3.73 (S.P=.862) hingga 3.76 (S.P=.747). Secara keseluruhannya, purata min adalah sederhana (Min=3.49, S.P=.591).

Hasil dapatan daripada guru juga menunjukkan semua item merekodkan skor min pada kedudukan sederhana iaitu julat antara 2.53 (S.P=.983) hingga 3.63 (S.P=.833) manakala 3 item lagi mencatatkan skor min yang tinggi iaitu item bagi B4b1, B4b2 dan B4b3 masing-masing 3.88 (S.P=.554), 3.84 (S.P=.628) dan 3.75 (S.P=.803). Secara keseluruhannya, purata min adalah sederhana 3.52 (S.P=.595).

Jadual 4.13

Skor Min Dan Sisihan Piawai Tahap Penguasaan Kemahiran Pelajar

Tahap Penguasaan Kemahiran Pelajar	Pelajar (N=389)			Guru (N=32)		
	Min	S.P	Tahap	Min	S.P	Tahap
B4b1 Aktiviti menyelesaikan masalah telah meningkatkan kemahiran pelajar.	3.75	.789	Tinggi	3.88	.554	Tinggi
B4b2 Pelajar dapat mengaplikasikan kemahiran dalam kehidupan harian.	3.73	.862	Tinggi	3.84	.628	Tinggi

Sambungan Jadual 4.13

B4b3	Kemahiran menyelesaikan masalah membantu menghubungkan kait antara teori dan praktikal.	3.76	.747	Tinggi	3.75	.803	Tinggi
B4b4	Pelajar menguasai kemahiran komunikasi dengan baik.	3.56	.944	Sederhana	3.63	.833	Sederhana
B4b5	Pelajar menguasai kemahiran kepimpinan dengan baik.	3.41	.919	Sederhana	3.53	.803	Sederhana
B4b6	Pelajar menguasai kemahiran perakaunan dengan baik.	2.77	.995	Sederhana	2.53	.983	Sederhana
B4b7	Pelajar menguasai kemahiran mengurus dengan baik.	3.45	.874	Sederhana	3.50	.803	Sederhana

S.P = Sisihan Piawai

4.3.4.3 Perubahan Sikap Pelajar

Persoalan Kajian 11: Apakah tahap perubahan sikap dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat bagi mata pelajaran Perniagaan?

Soal selidik yang mengandungi sebanyak sembilan item digunakan bagi mencari jawapan kepada persoalan kajian ini berdasarkan Jadual 4.14 yang dikemukakan. Hasil dapatan daripada pelajar mendapati bahawa tahap skor min bagi enam item adalah sederhana iaitu julat antara 3.11 (S.P=.959) hingga 3.49 (S.P=.765) manakala tiga item lagi mencatatkan tahap skor min yang tinggi bagi item B4c2, B4c8 dan B4c9 masing-masing 3.82 (S.P.881), 3.68 (S.P=.915) dan 3.82 (S.P=.952). Secara keseluruhannya, purata min adalah sederhana (Min=3.47, S.P=.615).

Dapatan daripada guru pula menunjukkan skor min bagi keseluruhan item adalah sederhana dengan julat antara 3.19 (S.P=.896) dan 3.31 (S.P=.896) kecuali item B4c1, B4c2 dan B4c9 yang mencatatkan skor min yang tinggi iaitu julat antara 3.72 (S.P=.634) hingga 4.03 (S.P=.595). Secara keseluruhannya, purata min adalah sederhana (Min=3.55, S.P=.585).

Jadual 4.14

Skor Min Dan Sisihan Piawai Tahap Perubahan Sikap Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Perniagaan

Tahap Perubahan Sikap Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Perniagaan		Pelajar (N=389)			Guru (N=32)		
		Min	S.P	Tahap	Min	S.P	Tahap
B4c1	Keterampilan sendiri pelajar meningkat.	3.49	.765	Sederhana	3.72	.634	Tinggi
B4c2	Minat pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan bertambah apabila dikaitkan dengan peluang pekerjaan.	3.82	.881	Tinggi	4.03	.595	Tinggi
B4c3	Pelajar minat membaca buku berkaitan dengan perniagaan.	3.14	.901	Sederhana	3.19	.896	Sederhana
B4c4	Pelajar sentiasa mendapatkan khidmat bimbingan kerjaya dalam bidang perniagaan.	3.35	.871	Sederhana	3.31	.896	Sederhana
B4c5	Pelajar selalu bertanya soalan berkaitan dengan isu semasa perniagaan.	3.11	.959	Sederhana	3.22	1.039	Sederhana
B4c6	Pelajar sering melayari internet bagi meningkatkan pengetahuan tentang perniagaan.	3.42	1.066	Sederhana	3.19	.859	Sederhana

Sambungan Jadual 4.14

B4c7	Pelajar lebih bermotivasi mengulang kaji mata pelajaran perniagaan.	3.34	.874	Sederhana	3.63	.793	Sederhana
B4c8	Pelajar sering berbincang dengan rakan bagi meningkatkan kefahaman.	3.68	.915	Tinggi	3.66	.701	Sederhana
B4c9	Pelajar melibatkan diri secara aktif sepanjang melaksanakan kerja kursus perniagaan.	3.82	.952	Tinggi	4.00	.842	Tinggi

S.P = Sisihan Piawai

4.4 Dapatan Data Tinjauan Yang Mengkaji Hubungan antara Pemboleh Ubah Dalam Penilaian Produk

Bahagian ini membentangkan dapatan daripada pengujian hipotesis dengan menggunakan analisis inferensi. Terdapat dua hipotesis yang dikaji dalam kajian ini. Kedua-dua pengujian hipotesis ini diuji dengan menggunakan data daripada penilaian pelajar. kekuatan korelasi antara variabel adalah berdasarkan nilai kekuatan korelasi yang telah dijelaskan dalam Bab 3.

4.4.1 Mengkaji hubungan antara tahap penguasaan pengetahuan dan perubahan sikap pelajar

Ho1: Tiada hubungan yang signifikan antara tahap penguasaan pengetahuan dengan perubahan sikap pelajar Perniagaan sekolah menengah di Daerah Gombak.

Ujian Korelasi *Spearman rho* digunakan bagi mengenal pasti perhubungan antara tahap penguasaan pengetahuan dengan perubahan sikap pelajar Perniagaan sekolah menengah di daerah Gombak, Selangor. Semua syarat bagi menjalankan ujian ini telah dipenuhi.

Keputusan ujian *Spearman rho* seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.15 mendapati bahawa perhubungan sederhana yang signifikan antara tahap penguasaan pengetahuan dan perubahan sikap dalam kalangan pelajar Perniagaan sekolah menengah di Daerah Gombak ($r = .641$, $p < .05$). Perhubungan yang positif ini menunjukkan bahawa populasi kajian, secara relatif, pelajar yang mempunyai tahap pengetahuan yang baik dalam mata pelajaran Perniagaan mempunyai sikap yang positif terhadap mata pelajaran Perniagaan. Maka dengan itu, hipotesis nol ditolak.

Jadual 4.15

Ujian Spearman Rho Perhubungan Antara Tahap Penguasaan Pengetahuan Dan Perubahan Sikap Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Perniagaan

Pemboleh ubah	Corelation Coefficient (r)	Sig (2-tailed)	N
Tahap penguasaan pengetahuan	.641**	.000	389
Perubahan sikap			

** Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)

4.4.2 Mengkaji hubungan antara tahap penguasaan kemahiran dan perubahan sikap pelajar

Ho2: Tiada hubungan yang signifikan antara tahap penguasaan kemahiran dengan perubahan sikap pelajar Perniagaan sekolah menengah di Daerah Gombak.

Ujian Korelasi *Spearman rho* digunakan bagi mengenal pasti perhubungan antara tahap penguasaan kemahiran dengan perubahan sikap pelajar Perniagaan sekolah menengah di daerah Gombak, Selangor. Semua syarat bagi menjalankan ujian ini telah dipenuhi.

Keputusan ujian *Spearman rho* seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.16 mendapati bahawa perhubungan yang sederhana antara tahap penguasaan pengetahuan dan perubahan sikap dalam kalangan pelajar Perniagaan sekolah menengah di Daerah Gombak ($r = .653$, $p < .05$). Perhubungan yang positif ini menunjukkan bahawa populasi kajian, secara relatif, pelajar yang mempunyai tahap kemahiran yang baik dalam mata pelajaran Perniagaan mempunyai sikap yang positif terhadap mata pelajaran Perniagaan. Maka dengan itu, hipotesis nol ditolak.

Jadual 4.16

Ujian Spearman Rho Perhubungan Antara Tahap Penguasaan Kemahiran Dan Perubahan Sikap Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Perniagaan

Pemboleh ubah	Corelation Coefficient (r)	Sig (2-tailed)	N
Tahap penguasaan kemahiran	.653**	.000	389
Perubahan sikap			

** Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)

4.5 Dapatan Data Temu Bual

Dapatan temu bual pula dianalisis menggunakan kaedah tematik analisis. Sebelum data dianalisis, semua salinan temu bual telah ditranskripkan terlebih dahulu. Seterusnya, proses memahami keseluruhan data yang telah dikumpul daripada ketiga-

tiga responden temu bual. Setelah itu, salinan transkripsi dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik untuk dikod bagi mengenal pasti tema dan sub tema. Perhubungan antara tema akan dikumpul dan dikenal pasti bagi membantu pengkaji untuk memahami perkara tersebut. Semua dapatan temu bual digunakan untuk menyokong dapatan daripada kaedah tinjauan bagi memberi penjelasan yang lebih mendalam bagi data tinjauan.

4.5.1 Penilaian Konteks

Penilaian konteks mempunyai dua aspek penilaian iaitu kesesuaian kandungan kurikulum mata pelajaran Perniagaan berdasarkan Matlamat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dan kesesuaian Kandungan kurikulum mata pelajaran Perniagaan berdasarkan Objektif dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).

4.5.1.1 Kesesuaian Kandungan Kurikulum Mata Pelajaran Perniagaan Berdasarkan Matlamat dalam Dokumen Standard Sekolah Menengah (DSKP)

Persoalan Kajian 1: Sejauh manakah kesesuaian kandungan kurikulum mata pelajaran Perniagaan berdasarkan matlamat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)?

Hasil temu bual dengan Ketua Panitia dan Guru Kanan Teknik dan Vokasional menggambarkan secara tidak langsung tentang kandungan kurikulum mata pelajaran Perniagaan yang dijalankan di sekolah telah memenuhi keseluruhan matlamat di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang telah ditetapkan seperti dalam transkripsi di bawah.

“Di sini, apa...kandungan kurikulum Perniagaan sangat sesuai dengan matlamat dan objektif dalam DSKP ni sebab saya nampak pada kertas 3, di situ murid betul-betul mengkaji, membuat dan melaksanakan apabila mereka di alam pekerjaan nanti.” (G3/27012023/90-93)

“Matlamat dalam DSKP menyediakan murid berpengetahuan, berkemahiran dan nilai dalam perniagaan ke arah menjadi pengguna yang bijak, pekerja yang kompeten, berkeyakinan...sebahagian besarnya subjek perniagaan saya nampak kita akan tercapailah. Murid akan keluar sebagai seorang yang berpengetahuan dalam perniagaan, kemudian dia dah belajar menjadi pengguna yang bijak dan dia akan apply.” (G2/26012023/90-95)

Rumusannya, berdasarkan perbincangan di atas, kandungan kurikulum mata pelajaran Perniagaan yang sedang berjalan di sekolah menengah adalah sesuai dan selari dengan matlamat yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Hal ini mengukuhkan dapatan soal selidik yang mengenal pasti kesesuaian kandungan kurikulum mata pelajaran Perniagaan berada pada tahap yang tinggi berdasarkan penilaian pelajar (Min=3.93. S.P=.594) dan penilaian guru (Min=4.24, S.P=.466).

4.5.1.2 Kesesuaian Kandungan Kurikulum Mata Pelajaran Perniagaan Berdasarkan Objektif dalam Dokumen Standard Sekolah Menengah (DSKP)

Persoalan Kajian 2: Sejauh manakah kesesuaian kandungan kurikulum mata pelajaran Perniagaan berdasarkan objektif dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)?

Dapatan temu bual dengan Ketua Panitia dan Guru Kanan Mata Pelajaran menjelaskan kandungan kurikulum mata pelajaran Perniagaan yang sedang dijalankan adalah sesuai dengan objektif yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Buktinya adalah berdasarkan transkripsi berikut;

“Apabila mereka siap melaksanakan Kertas 3 ini, baru dia sedar bahawa perniagaan yang dia nampak itu dan belajar selama ini merupakan kertas 3 yang dia buat. Dia relate di situ. Kalau belajar tanpa membuat amali, tanpa kerja kursus mereka tak akan faham. Maksudnya macam ni sebab dia buat sendiri kertas 3 tu berbanding hanya belajar teori di dalam kelas. Daripada yang kita nampak dalam DSKP ni, objektifnya memang nak melahirkan murid yang tahu semua, yang berketerampilan, yang boleh bergerak sendiri, yang dapat berfikir sendiri. So saya nampak Perniagaan ni memang menggalakkan murid jadi macam tu. Dia buat sendiri, pergi jumpa orang contoh cara nak mohon pinjaman dan sebagainya. Sangat sesuai la bagi saya.” (G3/27012023/97-106).

Namun, guru turut berpandangan bahawa beberapa objektif yang terkandung dalam DSKP hanya dapat dicapai melalui latihan praktikal atau *hands-on* berdasarkan bukti transkripsi di bawah;

“Matlamat dan objektif perniagaan dalam DSKP nombor 3 iaitu membina kemahiran menganalisis dan menilai perubahan persekitaran perniagaan dan organisasi, dan yang keempat membina kemahiran dan kreativiti murid, itu memerlukan praktikal. Nombor 1,2, dan 5 boleh diasah melalui teori yang dipelajari. Ini mungkin cadangan tetapi mungkin sukar untuk dilaksanakan. Tapi tak mustahil boleh dicapai melalui program seperti Hari Usahawan, pertandingan membina perniagaan.” (G2/26012023/199-205)

Selain itu, guru turut berpandangan bahawa skop yang diuji dalam peperiksaan SPM terlalu luas berbanding dengan kandungan dalam DSKP lalu menyebabkan kekeliruan kepada pelajar berdasarkan bukti transkripsi di bawah;

“Kadang-kadang, kita punya arahan berlapis-lapis daripada pihak atasan macam ni macam ni. Contohnya kena ikut DSKP. So kita pun ajar ikut DSKP. Tapi kadang-kadang tu, dia tak kata terkeluar DSKP tapi skopnya tu terlalu luas. Jadi budak dah ditrain, DSKP macam ni, exam akan keluar ikut DSKP, so bila kita ajar budak A ikut program yang kita dah tetapkan, bila exam sebenar skemanya agak lari pula..” (G1/26012023/201-205)

Pelaksanaan kurikulum mata pelajaran Perniagaan yang sedang dilaksanakan di sekolah menengah secara keseluruhannya sesuai dan menepati dengan objektif yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Namun,

matlamat nombor 3 dan 4 sukar dicapai berdasarkan kandungan pembelajaran. Hasil temu bual mencadangkan agar kandungan pembelajaran tersebut dapat mencapai objektif sekiranya tugas praktikal dilaksanakan. Rumusnya, kesesuaian kandungan mata pelajaran perniagaan berdasarkan DSKP adalah tinggi berdasarkan penilaian pelajar (Min=3.87, S.P=.530) dan penilaian guru (Min=4.08 , S.P=.445) namun perlu penambahbaikan dari aspek pelaksanaannya bagi mencapai objektif tersebut. Perkara paling utama dalam kesesuaian kandungan mata pelajaran Perniagaan berdasarkan DSKP adalah apabila mata pelajaran ini dapat membangunkan idea dan membina kesediaan murid untuk memulakan perniagaan.

4.5.2 Penilaian Input

Penilaian input mempunyai tiga aspek penilaian iaitu tahap kesediaan murid terhadap proses pembelajaran mata pelajaran Perniagaan, tahap kesediaan guru terhadap proses pengajaran mata pelajaran Perniagaan dan peranan pentadbir terhadap kurikulum mata pelajaran Perniagaan sekolah menengah.

4.5.2.1 Kesediaan Guru

Persoalan Kajian 3: Apakah tahap kesediaan guru terhadap proses pengajaran bagi mata pelajaran Perniagaan?

Dapatan temu bual dengan Ketua panitia dan Guru Kanan Mata Pelajaran Teknik dan Vokasional mengukuhkan lagi dapatan soal selidik yang diperoleh berdasarkan transkripsi temu bual di bawah;

“Saya melihat guru-guru Perniagaan, tiga orang ni sangat positif. Mereka mempunyai sumber rujukan yang baik sebab KP mereka mempunyai pengalaman yang sangat luas. Jadi maksudnya mereka

tidaklah terumbang ambing. Jadi segala yang disarankan, mereka akan akur dan ikut. Macam tadi saya kata tadi, mereka sentiasa sedia. Pada awal persekolahan kena siapkan RPT.”(G2/26012023/102-106).

“Jadi saya nampak bila mereka ikut, dan daripada RPH yang mereka hantar, kemudian melalui pencerapan PdP mereka, saya nampak guru-guru ini sentiasa bersedia. Maksudnya mereka sangat ikhlas mengajar dan memenuhi kesediaan tersebut. Tambahan pula, bila ada Ladap atau kursus-kursus, mereka dengan senang hati untuk pergi untuk menambah ilmu pengetahuan. Jadi kesediaan mereka sangat tinggi. Setakat ini saya tak pernah dengar lagi mereka tak suka.”(G2/26012023/109-115)

“Dari sudut guru subjek, kami tiga orang saja. So saya banyak berkomunikasi dengan guru-guru. Topik macam ni, kita ajar macam ni, apa yang perlu, apa yang penting. KP ni kena banyak main peranan” (G1/26012023/242-244)

“Guru mata pelajaran tu kena tahu teknik macam mana nak ajar satu-satu topik. Semua kena follow DSKP. So kalau guru tak mahir DSKP, dia akan ajar ikut suka la. Bila cikgu mahir DSKP, akan lebih confident nak ajar. Budak pun lebih nampak.”(G1/26012023/342-344)

Kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran jelas terbukti melalui bimbingan mereka kepada pelajar masing-masing untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman pelajar.

“Dari segi guru, guru sendiri bersedia 100% komitmen untuk membuat kelas tambahan kepada murid mereka.” (G3/27012023/116-118)

“Kadang-kadang ada rungutan tetapi guru masih berusaha membantu supaya projek tu siap pada waktunya, mereka sanggup datang untuk membimbing murid di sekolah. Yang tinggal beberapa lagi yang bermasalah tu lah. Mereka membimbing murid buat kerja kursus di makmal sekolah. Sebab apa masalah ini dapat selesai, guru pergi ke rumah murid membawa buah-buah tangan sebagai galakan kepada murid untuk menyiapkan projek mereka.” (G2/26012023/137-142)

“Yang lulus peperiksaan, adalah sedikit buah tangan, token akan cikgu beri. Motivasi guru-guru tadi menyebabkan masalah-masalah yang timbul semakin berkurang ataupun jika masih lagi timbul masalah, di situ peranan pentadbir akan masuk, telefon pihak ibu bapa” (G2/26012023/142-145)

Rumusannya, kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) terhadap mata pelajaran Perniagaan adalah tinggi berdasarkan penilaian pelajar dan penilaian guru. Perkara paling utama yang menunjukkan kesediaan guru adalah guru sentiasa memberi dorongan kepada pelajar mereka.

4.5.2.2 Kesediaan Pelajar

Persoalan Kajian 4: Apakah tahap kesediaan pelajar terhadap proses pembelajaran bagi mata pelajaran Perniagaan?

Dapatan temu bual daripada Ketua panitia dan guru Kanan Mata Pelajaran Teknik dan Vokasional menunjukkan kesediaan pelajar ada kalanya menjadi isu bagi sesetengah pelajar di sekolah. Hal ini dibuktikan berdasarkan transkripsi temu bual di bawah;

“Murid ni kita boleh bezakan dengan dua kategori. Satu murid yang nak buat dan satu lagi yang tak nak buat. Jadi ini mungkin menjadi isu kepada murid yang tak nak buat. Macam di sini, kita akui ada juga murid yang macam tu yang terdiri daripada murid kelas belakang. Kadang-kadang bila nak laksana kerja kursus, ia memerlukan komitmen atau sikap dari murid tu sendiri. Jika murid tu memang dari awal tak nak lakukan, mereka memang tak nak buat. Isu utama mereka tak datang sekolah. Bila tak datang sekolah, jadi mereka tak dapat siapkan bahan yang diminta guru. So kerja akan jadi delay atau tertangguh, so lama-lama memang tak siap. Itu antara cabarannya la di sini kerana murid yang dari kelas belakang tu kurang berusaha untuk melaksanakan kerja kursus.”(G3/27012023/119-128)

“Dari segi murid, mungkin pada awalnya dia rasa terpaksa sebab pencapaiannya di tahap itu dan ditempatkan ikut pencapaian dia semasa form 3. Kelas E, F, G, H, I dan J.” (G2/26012023/115-117)

“Mutiara ni budak yang lemah dan kita tak boleh buat lama-lama, dia cepat bosan dan kita bagi satu soalan saja, soalan yang mudah tapi mudah tu taraf SPM la supaya nanti bila nampak soalan SPM dia tak terkejut. Lama-lama dia seronok. Walaupun soalan objektif, tapi tak bagi dia lebih dari satu soalan.”(G1/26012023/259-263)

“Contohnya, kita ada senarai mutiara 10 orang. 10 ni dah memang mutiara, semasa exam pertengahan jika ada budak lain yang gagal, so kita akan masukkan dalam senarai mutiara. So mutiara tu akan ada keluar masuk. Tapi budak yang dah masuk, kita tak akan biarkan dia. Kita anggap dia budak mutiara, kita develop dia sampai SPM sebenar. Budak yang dah pandai, kita tak risau, kita memang bagi soalan mirip SPM sebenar yang susah di bahagian B tu, dia orang memang akan boleh buat sebab kita dah ajar. Kita pegang mereka daripada budak pertengahan sampai yang lemah ni kita pegang.”(G1/26012023/264-271)

Namun, dapatan menunjukkan bagi sesetengah pelajar, kesediaan mereka mula timbul setelah wujudnya minat terhadap mata pelajaran Perniagaan. Hal ini dapat dibuktikan melalui transkripsi temu bual di bawah;

“Kemudian, saya tak nampak ada rungutan bila mereka mengajar Perniagaan macam subjek Ekonomi ada juga rungutan sebab Ekonomi ni susah. Dan kadang-kadang saya nampak, macam saya mengajar Bahasa Melayu dan Ekonomi. Kebetulan bila saya masuk ke kelas yang baru habis subjek Perniagaan, mereka masih membuat latihan. Ini menunjukkan mereka semakin mula berminat.”(G2/26012023/117-122)

“Pada mulanya mereka ambil perniagaan sebab terpaksa ambil atau kalau yang ambil perniagaan yang memang nak jadi usahawan, mungkin la seorang dua segelintir yang nampak benda tu. Mungkin ada yang separuh, bila ambil perniagaan ni sebab nanti boleh melanjutkan pelajaran di universiti dalam bidang business studies ke business admin ke yang berkaitan dengan perniagaan. Mungkin itu yang mereka nampak. Tetapi kemudian, minat tu bila mereka dah belajar dengan pengajaran guru dan mula faham, minat mula timbul di situ.”(G2/26012023/122-128)

“Secara keseluruhan, kesediaan murid minat budak kepada subjek Perniagaan tu memang ada, nampak la. Bila kita ajar tu, dia fokus. Contohnya bila kita ajar satu topik contoh milikan tunggal, kita belum ajar lagi, budak tu dia dah boleh relate, kalau kelas belakang tu cikgu la kena tarik minat. Bila kita ajar kita attract la, lepas tu kita

nampak masa kita ajar tu dia dah mula minat, suka bertanya, bila kita bagi latihan dia akan buat. Dari situ kita nampak dia punya minat.”(G1/26012023/283-289)

Berdasarkan dapatan, dapat disimpulkan di sini kesediaan pelajar adalah berada pada tahap sederhana bagi penilaian pelajar (Min=3.11, S.P=.532) dan penilaian guru (Min=3.20, S.P=.496). Perkara yang menjadi keutamaan untuk meningkatkan kesediaan pelajar adalah mereka sentiasa memerlukan bimbingan yang berterusan daripada guru kerana di situ akan wujud kesediaan pelajar. Secara perbandingannya, aspek kesediaan pelajar dalam penilaian input memerlukan perhatian lanjut setelah penemuan kajian menunjukkan keputusan yang sama daripada kedua-dua kategori responden iaitu skor min pada kedudukan sederhana.

4.5.2.3 Peranan Pentadbir

Persoalan Kajian 5: Apakah tahap peranan pentadbir terhadap kurikulum mata pelajaran Perniagaan di sekolah menengah?

Dapatan temu bual mengesahkan lagi peranan yang diberikan pentadbir terhadap pelaksanaan kurikulum mata pelajaran Perniagaan yang sentiasa wujud jika Ketua Panitia memainkan peranan dengan menyampaikan maklumat kepada pihak pentadbir bagi setiap permasalahan yang berlaku di peringkat panitia berdasarkan transkripsi temu bual di bawah;

“Sesetengah sekolah, pentadbir bagi kelas belakang untuk Perniagaan sedangkan kita ada kerja kursus. Kerja kursus kita melibatkan perakaunan. Budak yang biasa-biasa dia tak akan boleh buat. Budak yang lemah tak akan boleh buat perakaunan dengan baik. Budak yang lemah tak akan boleh keluarkan idea bagaimana nak buat SWOT, bagaimana nak buat 4P's. so bebannya dekat guru mata pelajaran. Dia tak boleh buat ayat so kita kena karang, kita kena ajar, sedangkan kita ada ramai lagi student kan. Dengan nak habiskan silibus. So tempoh Kertas 3 tu 3 bulan terlalu padat untuk kita nak ajar satu-satu. So sebab tu kita ajar daripada form 4. So budak dah

nampak, jadi kita fokus pada yang susah tu sempat untuk siapkan 3 bulan. Jadi peranan KP maklumkan kepada Pengetua dan Penolong Kanan sebab pentadbir yang buat jadual dan tentukan kelas. So peranan kitalah. KP tu kena faham dulu.”(G1/26012023/229-240)

Pihak pentadbir sekolah sentiasa memberikan komitmen dalam memastikan kelancaran pelaksanaan mata pelajaran ini di sekolah berdasarkan bukti transkripsi di bawah;

“Saya melihat guru-guru sangat komited. Pihak pentadbir sentiasa memberi sokongan, antaranya dari segi kewangan. Contohnya, kita menggalakkan guru-guru membina modul-modul tapi kita bagi tahu guru jangan risau tentang sumber duit untuk mencetak modul, sumber untuk membuat bengkel, kelas tambahan, teknik menjawab dan sebagainya. Itu difikirkan oleh pihak pentadbir.” (G2/26012023/59-63)

“Dari segi kewangan tu, pentadbir sentiasa mencari cara asalkan KP dan guru hendak melaksanakan program.”(G2/26012023/77-78)

“Dari segi pentadbir, peranan pentadbir 100% diberi. Contoh, kita nak buat program atau kelas tambahan, kita sediakan bilik, bahan malah sediakan makanan kepada murid. Ini nak menggalakkan murid bersemuka dengan guru tu sangat penting.” (G3/27012023/110-115)

“Contohnya masa nak siapkan kertas 3, nak print, nak mengadap budak yang tak ada laptop tu semua, masa tu pentadbir sangat main peranan. Alhamdulillah sepanjang saya uruskan form 5 ni, pengetua siap bagi makan kat budak-budak yang tak siap sebab tak ada komputer, kita kumpulkan mereka di makmal komputer.” (G1/26012023/310-313)

Peranan pentadbir dalam menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh panitia mata pelajaran Perniagaan juga jelas terbukti melalui transkripsi di bawah;

“Saya lihat katalah ada satu masalah berlaku contohnya semasa melaksanakan projek, KP akan memaklumkan kepada GKMP tentang pelaksanaan projek seperti budak malas melaksanakan atau pelajar ponteng, pentadbir akan memanggil murid tersebut dan sentiasa dari semasa ke semasa menjalankan jerayawara, yang mana kita akan pergi kelas ke kelas dan bagi sokongan pentadbir. Selain itu menelefon

ibu bapa, untuk memaklumkan situasi anak mereka tidak melakukan projek dan sebagainya sebab membantu anak mereka untuk lulus.”(G2/26012023/70-77)

“Kita pegang mereka daripada budak pertengahan sampai yang lemah ni kita pegang. Kita pegang tu bukan kita-kita sahaja yang syok sendiri, kena maklumkan kepada GKMP, GKMP akan maklumkan kepada pentadbir. Setiap subjek tu memang tahu dan budak yang sama pun untuk subjek-subjek lain. Kita dapat la aim budak. GKMP sentiasa dapat maklumat daripada KP. GKMP ada mesyuarat dengan pentadbir, so selalu la kita bagi feedback. Even semalam pun kami WhatsApp bagi feedback perniagaan macam mana. KP memang closed la dengan GKMP. Lepas GKMP dapat maklumat, kita akan bincang la apa program yang sepatutnya.” (G1/26012023/271-278)

“Kadang-kadang dalam mesyuarat panitia, ada saja pentadbir yang akan masuk dan ambil tahu dan dialog prestasi dibuat dalam bentuk pembentangan. KP kena bentang. Bukan secara umum je. Lepas tu pergi kepada guru-guru. Contoh daripada pembentangan tu kita nampak ada yang teruk atau masalah, kita pergi kepada guru-guru pula. Guru perlu jawab dan ambil usaha supaya kejatuhan tersebut diambil tindakan untuk meningkatkan pencapaian. Jadi dia bukan pergi secara umum, memang pergi details kepada guru yang mengajar itu sendiri.”

(G2/26012023/81-87)

“Motivasi guru-guru tadi menyebabkan masalah-masalah yang timbul semakin berkurang ataupun jika masih lagi timbul masalah, di situ peranan pentadbir akan masuk, telefon pihak ibu bapa. Kalau tak berjaya juga, panggil murid secara individu dan di situ pentadbir main peranan. Dan kita ada sesi bersama bonda iaitu pengetualah yang akan face-to face dengan budak yang bermasalah ni. Tu langkah akhir la. Pentadbir akan turun bersama GKMP ke kelas untuk berjumpa dengan murid yang bermasalah tadi. Kita panggil budak tersebut. Jadi sentuhan pengetua tadi. Kita tak biarkan guru keseorangan menangani masalah tadi yang menyebabkan kejayaan. So tak adalah masalah murid tak hantar projek dan sebagainya.”

(G2/26012023/143-152)

Pihak pentadbir sekolah juga memainkan peranan dalam menyokong guru-guru Perniagaan agar sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang mereka bagi memperkasakan lagi mata pelajaran yang diajar berdasarkan bukti transkripsi di bawah;

“Pihak pentadbir kena menetapkan supaya setiap panitia ini termasuklah panitia perniagaan melaksanakan PLC untuk kemajuan guru sekurang-kurangnya 2 bulan sekali. Maksudnya dalam sehari akan berlaku PLC dan akan dicatat, dikey-in dan dipantau oleh guru LADAP. Jadi, sentiasa berlaku PLC dan Ladap juga sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Lepas tu, mereka perlu pergi apabila dapat panggilan surat untuk menghadiri mesyuarat dan kursus. Tak boleh menolak tanpa sebab. Mereka boleh mengasah kemahiran mereka.” (G2/26012023/63-70)

Dapatan temu bual daripada Ketua Panitia dan Guru Kanan Mata Pelajaran Teknik dan Vokasional mengukuhkan lagi dapatan item B2c9 bahawa pelajar tidak diberi pilihan oleh pentadbir sekolah untuk memilih subjek ini kerana pemilihan subjek elektif adalah berdasarkan keputusan peperiksaan dari tingkatan sebelumnya seperti dalam transkripsi di bawah.

“Dari segi murid, mungkin pada awalnya dia rasa terpaksa sebab pencapaiannya di tahap itu dan ditempatkan ikut pencapaian dia semasa form 3. Kelas E, F, G, H, I dan J.” (G2/26012023/115-117)

Rumusannya, peranan pentadbir dalam memastikan pelaksanaan kurikulum mata pelajaran perniagaan adalah berada pada tahap yang tinggi (Min=4.04 , S.P=.467).

4.5.3 Penilaian Proses

Penilaian proses mempunyai tiga aspek penilaian iaitu proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP), proses pentaksiran bilik darjah (PBD), proses pelaksanaan kerja kursus. Dapatan juga menjelaskan bahawa pentadbir sekolah sentiasa membantu menyelesaikan permasalahan yang berlaku bagi membantu pihak guru untuk melaksanakan program-program berkaitan dengan mata pelajaran ini.

4.5.3.1 Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Persoalan Kajian 6: Apakah tahap proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Perniagaan?

Dapatan temu bual juga turut menyokong dapatan soal selidik terhadap skor min pada tahap yang tinggi berdasarkan transkripsi di bawah.

“Kalau dari segi PdP yang melibatkan tugas guru, biasanya tak ada masalah. Walaupun kadang berat bagi mereka, mereka akan cuba ikut.” (G2/26012023/133-134)

“Setiap pembelajaran berkaitan dengan subjek Perniagaan, mesti dikaitkan dengan apa yang dia boleh lakukan di luar.”(G3/27012023/112-113)

“Setakat ini, kita tak lari daripada mengikut PAK21 pembelajaran secara kumpulan, teknik permainan cuma tak boleh laksanakan selalu sebab kekangan menghabiskan silibus tu. Guru membahagikan murid ikut keterbezaan dari segi cemerlang, sederhana dan gagal. Murid yang cemerlang kita asahkan dengan soalan-soalan KBAT, isu semasa. Tapi yang mutiara yang bawah 40, kita adakan kelas tambahan khas setiap Rabu 2.00-3.30 petang. Sentuhan untuk setiap aras tu lain. Untuk budak mutiara ni kita bagi soalan-soalan terpilih yang kita rasa mereka boleh jawab dan dengan pemilihan soalan sedemikian masih melonjakkan pencapaian mereka.” (G2/26012023/155-162)

“Kita buat PAK21 dengan tugas grouping, murid yang faham akan bercampur dengan yang kurang faham dan kena terangkan kepada kawan-kawan yang kurang faham itu. Memang kita implement sampai sekarang.” (G1/26012023/337-339)

“Strategi atau kaedah, biasanya berpusatkan murid. Kita akan buat aktiviti berkumpulan, pembentangan, gallery walk, mentor mentee pun kita biasa guna. Kaedah mentor mentee dilihat lebih berkesan sebab murid yang lemah dibantu oleh murid yang cemerlang. Mereka lebih rapat dengan kawan-kawan mereka. So memang menyokong PAK 21 lah. Sebab itu yang disarankan oleh kementerian, so kita ikutlah dan saya rasa itu yang terbaik.” (G3/27012023/147-152)

Rumusannya, penggunaan pendekatan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) yang melibatkan aktiviti berkumpulan serta bimbingan daripada rakan sebaya merupakan kaedah paling kerap digunakan semasa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi mata pelajaran Perniagaan.

4.5.3.2 Pelaksanaan Pentaksiran Bilik darjah (PBD)

Persoalan Kajian 7: Apakah tahap proses pelaksanaan pentaksiran bilik darjah bagi mata pelajaran Perniagaan?

Dapatan temu bual juga turut menyokong dapatan soal selidik terhadap skor min pada tahap yang tinggi bagi pelaksanaan PBD di sekolah berdasarkan transkripsi di bawah;

“Sebenarnya sekarang bila PBD diperkenalkan, maksudnya di sini pembelajaran secara berterusanlah, kita tidak tertumpu kepada peperiksaan semata-mata.”(G3/27012023/110-111)

“PBD ni dibuat secara berterusan dan kita nampak perubahan murid ni dari segi sikap berubah menjadi baik.” (G3/27012023/118-119)

Setiap pencapaian pelajar yang dikenali sebagai tahap penguasaan bagi setiap topik, akan direkodkan oleh guru mata pelajaran dan akan dikunci masuk ke dalam sistem yang telah ditetapkan. Buktinya adalah berdasarkan transkripsi berikut:

“Pada awal persekolahan kena siapkan RPT. Daripada RPT kena siapkan modul-modul PBD, kemudian kena siapkan PBD mengikut modul tadi. Kita buat modul ikut bulanan dan ada catatan sebab nanti nak kena key-in TP, kena capai minima sekian-sekian.” (G2/26012023/106-109)

Pelaksanaan PBD seperti mana yang digariskan dalam DSKP turut menetapkan tahap penguasaan (TP) minima bagi setiap topik adalah tahap penguasaan 3 bagi setiap pelajar. Guru mata pelajaran akan sentiasa memantau perkembangan pelajar mereka

melalui pelaksanaan PBD dan memastikan langkah-langkah penambahbaikan diambil berdasarkan bukti transkripsi di bawah;

“Dari segi pelaksanaan PBD, kita memang buat dari form 4. Every topic memang ada PDB dia. So budak yang tahap 1, tahap 2 kita panggil. Pengetua pun memang alert dengan benda tu. Tu pun satu peranan pentadbir juga la. Dia akan tanya kita kenapa budak ni dapat TP 1 atau TP2 saja. Sebab minima TP kita 3. So budak yang memang tahapnya 1 dan 2, terpaksa kita bagi TP1 dan 2 juga sebab kita telus mentaksir budak. So dia memang tak boleh pun implement dengan tajuk, so tak layak untuk dapat TP3. So nanti kita senaraikanlah sebab apa dan kita panggil budak tu. Kita akan buat bimbingan dengan bagi soalan. Pelaksanaan PBD ni kita buat dalam kelas selepas PdP. Budak yang lemah tu kita kena buat luar PdP.” (G1/26012023/247-256)

“Kita buat PBD menggunakan kaedah pembentangan sebab dari situ kita membina kemahiran menguruskan kumpulan masing-masing dan ada juga daripada kerja kursus pun kita boleh menilai PBD di situ.” (G3/27012026/133-135)

Namun dapatan lain juga menunjukkan masih terdapat kekangan dalam kalangan guru mata pelajaran terhadap pelaksanaan PBD di sekolah. Buktinya adalah berdasarkan transkripsi berikut;

“Kekangan kami dari segi masa dan faktor murid tu sendiri. Kadang-kadang dia letih. Habis sekolah 1.05 petang tu, kalau kita panggil dia keletihan walaupun tak buat lama untuk budak mutiara tu dalam lebih kurang 40 minit.” (G1/26012023/256-259)

“PBD biasanya seiring dengan PdP sebab PBD dilaksanakan semasa PdP. Masalah kita murid yang bermasalah dari segi kehadiran terutama murid tingkatan 5 sehingga pernah mengalami hanya 70% kehadiran. Jadi di sini, bila murid tak hadir, kita mengalami kekangan untuk melaksanakan PBD sebab murid yang tak hadir ni kita tak boleh nak buat.” (G3/27012023/156-160)

Secara rumusannya, pelaksanaan pentaksiran bilik darjah (PBD) berada pada tahap yang tinggi bagi kedua-dua penilaian pelajar (Min=3.73, S.P=.534) dan guru

(Min=4.07, S.P=.501). Justeru, proses pelaksanaan PBD bagi penilaian proses adalah berada pada tahap yang baik.

4.5.3.3 Pelaksanaan Kerja Kursus

Persoalan Kajian 8: Apakah tahap proses pelaksanaan kerja kursus Perniagaan?

Hasil dapatan temu bual dengan Ketua Panitia mengukuhkan lagi dapatan soal selidik yang menunjukkan pelaksanaan kerja kursus mata pelajaran Perniagaan dilaksanakan seperti mana yang telah digariskan oleh pihak Lembaga Peperiksaan berdasarkan bukti transkripsi di bawah;

“Bagi kerja kursus, biasanya guru mata pelajaran laksana kerja kursus kelas masing-masing, jika waktu cuti sekolah, kita akan gabungkan kelas dan laksanakan sama-sama. Contohnya kita rancang bahagian kerja kursus mana yang kita nak buat, kita akan terangkan dulu dan seterusnya murid akan laksanakan sendiri. Mereka boleh buat di rumah, jika ada bahagian yang tidak faham, mereka boleh bertanya di sekolah. Mereka kena siapkan bahagian-bahagian dalam kerja kursus tu mengikut proses kerja dan hantar ikut tempoh yang diberi. Guru di sekolah sentiasa akan berurusan atau keep in touch dengan murid sama ada secara bersemuka atau melalui group WhatsApp kelas masing-masing. Itu yang kita buat di sini.” (G3/27012023/135-144)

Namun, dapatan lain turut menunjukkan pelaksanaan kerja kursus mengalami cabaran dan kekangan di dalam kalangan guru di sekolah. Banyak kekangan yang timbul adalah disebabkan faktor pelajar. Bukti transkripsi di bawah menjelaskan cabaran dan kekangan yang disebabkan oleh faktor pelajar.

“Murid yang tak hadir ni juga ada masalah nak siapkan kerja kursus. Guru nak bagi bahan pun susah mereka tak datang sekolah. So bila bahan pun mereka tak dapat, susah untuk mereka siapkan. Jadi masalah kepada gurulah.” (G3/27012023/134-166)

“Kadang-kadang ada rungutan tetapi guru masih berusaha membantu supaya projek tu siap pada waktunya, mereka sanggup datang untuk membimbing murid di sekolah. Yang tinggal beberapa lagi yang bermasalah tu lah. Mereka membimbing murid buat kerja kursus di

makmal sekolah. Sebab apa masalah ini dapat selesai, guru pergi ke rumah murid membawa buah-buah tangan sebagai galakan kepada murid untuk menyiapkan projek mereka.” (G2/26012023/137-142)

“Lagi satu, ada juga murid perniagaan yang mengambil prinsip perakaunan yang nak kena buat kerja kursus. Jadi akan bertembung kat situ. Sama juga dengan kerja kursus subjek Pendidikan Seni Visual yang akan bertembung dengan kerja kursus Perniagaan. Ada murid yang mengambil kedua-dua subjek yang ada kerja kursus.” (G3/27012023/186-190)

Selain itu, dapatan juga turut menemui kekangan daripada aspek faktor sosio ekonomi pelajar yang menjadi cabaran kepada mereka untuk melaksanakan kerja kursus berdasarkan transkripsi di bawah;

“Kita memang kenal budak, so budak yang memang ada masalah keluarga, masalah kewangan kita akan panggil dan bagi tahu kita akan bantu sediakan kemudahan. So budak akan lebih semangat la nak buat kertas 3.” (G1/26012023/316-319)

Cabaran lain yang dihadapi oleh pihak sekolah dalam pelaksanaan kerja kursus adalah dari aspek tempoh pelaksanaannya yang kurang mencukupi sehingga mengganggu peperiksaan.

“Tempoh masa 3 bulan untuk menyiapkan kerja kursus tu sebenarnya tak cukup. Walau bagaimanapun, 3 bulan tu mencukupi kalau skema tak rigid, sesuai dengan tahap murid. Sebab ada budak rasa terlalu berat buat perakaunan untuk 12 bulan, murid ni rasa benda tu bukan tahap dia. Dekat situ yang menyebabkan 3 bulan tu tak mencukupi. Cikgu kena pandai handle. Pandangan saya sebagai guru, kita ada murid pandai, sederhana dan lemah, saya rasa ianya terlalu singkat. Boleh nak laksanakan 3 bulan, tapi penyediaan kerja kursus tu jangan terlalu rigid macam standard budak degree. Contoh, kita nak buat pinjaman, nak dapatkan borang, nak isi borang secara details.” (G1/26012023/319-327)

“Baru-baru ni semasa melaksanakan kerja kursus, murid dah nak hampir peperiksaan percubaan, murid tetap berusaha nak siapkan kerja kursus. So kita nampaklah, semasa arahan melaksanakan kerja kursus diturunkan lewat dalam bulan 7 macam tu, bulan 8 sekolah mengadakan peperiksaan pertengahan tahun. Exam sahaja dah ambil masa 3 minggu, jadi pelaksanaan kerja kursus turut tertangguh 3 minggu. Kita tak dapat nak buat kerja kurus kerana murid pun nak fokus study untuk peperiksaan. Then kita terpaksa la rushing nak siapkan kerja kursus selepas tu. Sampai ada masa nak hampir SPM pun, masih ada lagi murid yang terpaksa betulkan kerja kursus.” (G3/27012023/167-174)

“Bila dah ada Kertas 3, bila tak habis silibus, dia akan jadi stress kat cikgu, sebab nak cover silibus, dalam masa yang sama nak kejar Kertas 3, nak marking Kertas 3. Kalau sekolah yang calon sikit tak ada masalah, tapi di sini calonnya ramai.” (G1/26012023/297-300)

“Tarikh pelaksanaan tu bertindih dengan peperiksaan besar. So tempoh masa untuk melaksanakan kerja kursus tu perlu ditambah lagi, kebiasaannya untuk kelas belakang lah. tapi kalau murid yang rajin, boleh buat tapi kekangan juga. Jadi untuk siapkan kerja kursus dengan berbaki masa yang tinggal tu, cikgu terpaksa stay kadang-kadang sampai pukul 5 dengan murid. Terpaksa buat kelas tambahan. Hari-hari kena stay.” (G3/27012023/177-182)

“Tapi masalahnya bila budak-budak kelas yang belakang sikit, guru terpaksa kejar murid untuk membuat projek sehingga pada waktu cuti pun guru kena datang. Tunggu budak buat projek.” (G2/26012023/134-136)

Rumusan daripada dapatan ini menggambarkan tempoh masa melaksanakan kerja kursus akan memberi kesan kepada pelaksanaannya yang perlu diberi perhatian oleh pihak atasan.

4.5.4 Penilaian Produk

Penilaian produk mempunyai tiga aspek penilaian iaitu pengetahuan pelajar, kemahiran pelajar dan perubahan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan.

4.5.4.1 Penguasaan Pengetahuan Pelajar

Persoalan Kajian 9: Apakah tahap penguasaan pengetahuan dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat bagi mata pelajaran Perniagaan?

Dapatan temu bual merekodkan tahap pengetahuan pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan berada pada tahap yang baik berdasarkan transkripsi temu bual guru di bawah;

“Bila dia selesai sahaja kerja kursus, dia akan nampak pengetahuan tentang perniagaan tu, macam mana nak buka perniagaan, nak buat pinjaman perniagaan, ada borang nak kena isi. Jadi kita nampak la pengetahuan mereka kat situ.” (G3/27012023/194-197)

“Dari segi pengetahuan tu kita dapat nilai melalui ujian dan peperiksaan sebab kita selalu menegaskan kepada murid tentang kesan kepada TOV. Dah lulus sikit, lama-lama akan meningkat pada peperiksaan seterusnya. Kemungkinan juga ada turun naik markah. Tapi dari segi pencapaian tu meningkat daripada gred purata mata pelajaran 7 kepada 6. Jadi di situ kita nampak ada peningkatan dari segi pencapaian.” (G2/26012023/191-196)

“Awal-awal tu, gred purata mata pelajaran 8.9. Akhirnya 3.78. So nampak perubahan ketaranya di situ. Maksudnya saya boleh katakan budak tu berjaya menguasai. Dalam SPM boleh mencapai 3.78. pada saya alhamdulillah, kejayaan budak tu nampak pada result tu. So berjayalah. Trial tu pun tak macam tu.” (G1/26012023/359-362)

Rumusannya, dapatan temu bual berkaitan tahap penguasaan pengetahuan pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan menunjukkan peningkatan walaupun pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun, penguasaan tentang konsep yang rumit dalam kandungan mata pelajaran perlu diberi perhatian yang lebih serius oleh pihak sekolah.

4.5.4.2 Penguasaan Kemahiran Pelajar

Persoalan Kajian 10: Apakah tahap penguasaan kemahiran dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat bagi mata pelajaran Perniagaan?

Dapatan temu bual dengan Ketua Panitia dan Guru Kanan Mata Pelajaran Teknik dan Vokasional mendapati tahap penguasaan kemahiran pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan berada pada tahap sederhana terutama kemahiran-kemahiran yang diterapkan berdasarkan bukti transkripsi di bawah;

“Dari segi kemahiran pula, nampak masa buat Kertas 3. Budak nampak step nak buka perniagaan at the end nampak harapan budak pada perniagaan mereka.” (G1/26012023/362-364)

“Sekarang ni pun banyak dipengaruhi oleh media sosial. Contohnya business online, drop shipper, agent. So akhirnya mereka boleh relate dengan subjek perniagaan.” (G1/26012023/373-375)

“Mereka mula berniaga online, mencari pasaran. Ini hasil daripada belajar perniagaan, bolehlah berniaga secara kecil-kecilan. Bila mereka buat projek tu, mereka akan mahirlah dan menepati ciri-ciri awal untuk menjadi seorang peniaga. Cuma perlu diasah lagi.” (G2/26012026/188-191)

“Kalau kemahiran kita nampak murid boleh buat akaun sendiri, boleh berkomunikasi dengan baik terutama dengan rakan-rakan kelas lain. Sebelum ni jarang mereka dapat berkomunikasi, tetapi bila masa nak buat akaun, murid yang tak ambil akaun akan cari kawan yang ambil akaun untuk belajar. So kemahiran mereka semakin meningkat. Inisiatif dia berkembang, tahap sosial dia juga semakin baik sebab berinteraksi dengan murid-murid lain waima dengan guru-guru yang tak mengajar mereka pun semakin baik. Sebab mereka bukan sahaja merujuk dan bertanya guru mereka, mereka juga turut bertanya guru perniagaan yang lain.” (G3/27012023/198-206)

Kesimpulannya, tahap penguasaan kemahiran dalam kalangan pelajar semakin meningkat walaupun pada tahap sederhana. Pelajar dapat menguasai kemahiran yang diperlukan setelah mereka melaksanakan kerja kursus atau Kertas 3 seperti mana yang telah digariskan dalam kandungan kurikulum mata pelajaran Perniagaan.

4.5.4.3 Perubahan Sikap Pelajar

Persoalan Kajian 11: Apakah tahap perubahan sikap dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat bagi mata pelajaran Perniagaan?

Dapatan temu bual dengan Ketua Panitia dan Guru Kanan Mata Pelajaran Teknik dan Vokasional menunjukkan perubahan sikap pelajar terhadap kurikulum mata pelajaran Perniagaan walaupun pada tahap yang sederhana. Bukti perubahan sikap adalah berdasarkan transkripsi di bawah;

“Perniagaan ni skopnya luas. So kalau budak tu sendiri minat dan nampak, dia boleh implementkan. Sikap pun turut berubah. Dia boleh menasihatkan orang lain tentang perniagaan. Maksudnya daripada dia tidak tahu apa-apa, tapi lama-lama boleh implement sendiri. So berlaku perubahan sikap.” (G1/26012023/367-370)

Aspek penting yang menyokong perubahan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan adalah apabila subjek ini dikaitkan dengan peluang pekerjaan yang cerah. Justeru minat terhadap mata pelajaran ini semakin bertambah dan menunjukkan sikap yang positif.

“Bila mereka dah mula belajar, akhirnya mereka dah mula berminat, terutama bila mereka dah buat projek, dah buat kertas kerja dan mereka akan nampak macam mana nak berniaga.” (G2/26012023/186-188)

Budak nampak seronok dan berikan reaksi positif. Tak sabar nak buka perniagaan. Minat tu nampak la. Last year, ada budak yang memang dah ada business online sendiri. Masa PKP kan. Budak tahu apps apa nak guna untuk buat promosi.” (G1/26012023/364-367)

“Nampak la perubahan sikap tu. Mereka menghayati keperluan subjek perniagaan tu, timbul minat banyaklah kebaikan dan perubahan dari segi pengetahuan, kemahiran serta sikap mereka tu terhadap perniagaan.” (G3/27012023/206-208)

Pada awalnya mereka terpaksa ambil subjek perniagaan sebab bidang ni telah ditetapkan kepada mereka tetapi akhirnya minat tu datang

sendiri dan berlaku la perubahan sikap selepas melalui proses pembelajaran.” (G1/26012023/371-373)

Secara rumusannya, perubahan sikap pelajar turut meningkat walaupun pada tahap sederhana. Pelaksanaan kerja kursus atau Kertas 3 banyak mempengaruhi perubahan sikap pelajar kerana pelaksanaannya menggabungkan teori dan praktikal dan sekaligus mencetuskan perubahan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan.

4.6 Pengintegrasian Dapatan Data Tinjauan dan Data Temu Bual

Berdasarkan dapatan kajian melalui dua metod kajian yang telah digunakan dalam kajian ini, hasil dapatan telah diintegrasikan bagi memenuhi matlamat asal penggunaan kaedah penyelidikan campuran. Kedua-dua dapatan tinjauan dan temu bual dihuraikan dan dibandingkan bagi menjawab persoalan kajian. Jadual 4.17 menunjukkan pengintegrasian dapatan data tinjauan dan data temu bual.

Jadual 4.17

Pengintegrasian Dapatan Tinjauan dan Dapatan Temu Bual

Penilaian	Dapatan Tinjauan	Dapatan Temu Bual	Pengintegrasian Data
Penilaian Konteks			
1. Kesesuaian kandungan kurikulum Perniagaan berdasarkan matlamat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)	Dari perspektif pelajar, purata min adalah tinggi (Min=3.93, S.P=.534). Dari perspektif guru, purata min menunjukkan tahap yang tinggi (Min=4.24, S.P=.466).	Kandungan kurikulum mata pelajaran Perniagaan yang dijalankan di sekolah telah memenuhi keseluruhan matlamat di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).	Dapatan temu bual telah mengukuhkan dapatan tinjauan berkaitan dengan kesesuaian kandungan kurikulum Perniagaan iaitu selari dengan matlamat dalam DSKP yang telah dibangunkan oleh BPK.
2. Kesesuaian kandungan kurikulum Perniagaan berdasarkan objektif dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)	Dari perspektif pelajar, purata min adalah tinggi (Min=3.87, S.P=.530). Dari perspektif guru, Purata min secara keseluruhan adalah tinggi (Min=4.08, S.P=.445).	Pelaksanaan kurikulum mata pelajaran Perniagaan yang sedang dilaksanakan di sekolah menengah secara keseluruhannya sesuai dan menepati dengan objektif DSKP. Namun, matlamat nombor 3 dan 4 sukar dicapai. Responden mencadangkan agar kandungan pembelajaran ditambah dengan latihan praktikal yang bersifat <i>hands-on</i> .	Dapatan temu bual memberi penjelasan yang lebih mendalam berkaitan dengan kesesuaian kandungan kurikulum berdasarkan objektif berbanding dengan dapatan tinjauan. Kandungan kurikulum adalah selari dengan objektif dalam DSKP namun perlu penambahbaikan dari aspek pelaksanaannya bagi mencapai objektif tersebut kerana objektif akhir kandungan kurikulum adalah untuk membangun idea dan membina kesediaan pelajar untuk memulakan perniagaan.

Sambungan Jadual 4.17

Penilaian Input

1. Kesiediaan guru terhadap pengajaran Perniagaan	Dari segi perspektif pelajar, Secara keseluruhannya purata min adalah tinggi (Min=3.87, S.P=.486) manakala dari segi perspektif guru, purata min menunjukkan tahap yang tinggi (Min=4.10, S.P=.413).	Kesiediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran jelas terbukti melalui bimbingan mereka kepada pelajar masing-masing untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman pelajar. Ini termasuklah komitmen guru melaksanakan kelas tambahan semasa cuti dan ketika pelaksanaan kerja kursus.	Data tinjauan dikukuhkan lagi dengan dapatan temu bual yang menunjukkan kesiediaan guru sangat tinggi dalam pelaksanaan PdP. Guru sentiasa mempamerkan kesungguhan untuk membantu pelajar meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan perubahan sikap terhadap mata pelajaran Perniagaan.
2. Kesiediaan pelajar terhadap pembelajaran Perniagaan	Dari segi perspektif pelajar, purata min adalah sederhana (Min=3.11, S.P=.532) manakala dari segi perspektif guru, purata min adalah turut sederhana (Min=3.20, S.P=4.96).	Pelajar yang mengikuti mata pelajaran ini terdiri dalam kalangan aras rendah dan tinggi. Kesiediaan pelajar dalam sesi pembelajaran sangat rendah pada peringkat awal. Namun kesiediaan mereka meningkat setelah mempunyai minat terhadap mata pelajaran ini.	Dapatan temu bual memberi penjelasan yang lebih mendalam berkaitan dengan kesiediaan pelajar terhadap pembelajaran. Guru memainkan peranan yang penting dalam membentuk minat pelajar yang akhirnya mewujudkan kesiediaan pelajar dalam sesi pembelajaran. Kebanyakan pelajar yang mengambil mata pelajaran ini terdiri daripada kumpulan sederhana rendah yang mana pakej mata pelajaran telah ditentukan oleh pihak pentadbir.
3. Peranan pentadbir terhadap pelaksanaan kurikulum mata pelajaran Perniagaan	Perspektif guru menunjukkan peranan pentadbir sekolah terhadap pelaksanaan mata pelajaran ini adalah	Ketua Panitia merupakan individu yang menjadi perantara dalam menyampaikan maklumat dalam kalangan guru dan	Dapatan temu bual memberi penjelasan yang lebih mendalam yang menunjukkan peranan pentadbir sentiasa wujud dalam memastikan pelaksanaan mata pelajaran Perniagaan. Pihak pentadbir sentiasa membantu mengatasi masalah yang

Sambungan Jadual 4.17

	tinggi dengan purata skor min Min=4.04, S.P=.467.	pentadbir. Mereka sentiasa memastikan kelancaran panitia dan melaporkan kepada pentadbir bagi setiap program yang dilaksanakan. Tindakan Ketua Panitia membolehkan pihak pentadbir mengambil tindakan sewajarnya sekiranya berlaku permasalahan dalam panitia. Pentadbir sentiasa memberi sokongan kepada guru dalam meningkatkan panitia.	berlaku dalam panitia melalui peranan Ketua Panitia yang menjadi perantara antara guru dan pentadbir.
Penilaian Proses			
1. Pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Perniagaan	Penilaian pelajar menunjukkan purata skor min pada tahap sederhana (Min=3.48, S.P=.712) manakala purata skor min adalah tinggi (Min=3.86, S.P=.531).	Proses pelaksanaan PdP berjalan dengan baik sebagaimana yang dirancang dengan menggunakan kepelbagaian strategi pengajaran dan pembelajaran melalui pembelajaran abad ke 21 sebagaimana yang disarankan oleh BPK.	Hasil dapatan tinjauan antara responden guru dan pelajar menunjukkan min purata yang berbeza. Melalui dapatan temu bual, pengkaji dapat merumuskan bahawa proses PdP berada dalam keadaan baik melalui keseimbangan yang diamalkan oleh guru dalam PdP iaitu pembelajaran berpusatkan pelajar yang disertai dengan bimbingan dan bantuan guru sehingga pelajar menunjukkan keyakinan dan kebolehan dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka. bantuan guru sehingga pelajar menunjukkan keyakinan dan kebolehan dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka.

		<p>Pembelajaran berpusat pelajar merupakan kaedah popular yang digunakan dalam kalangan guru mata pelajaran Perniagaan namun pelajar lebih menggemari kaedah penerangan daripada guru secara langsung. Walau bagaimanapun, guru sentiasa mengimbangi kaedah yang digunakan dengan mengamalkan pembelajaran berpusatkan pelajar dan dalam masa yang sama memberi bimbingan yang berterusan kepada pelajar.</p>	
<p>2. Proses pelaksanaan pentaksiran bilik darjah mata pelajaran Perniagaan</p>	<p>Purata skor min adalah pada tahap tinggi bagi responden pelajar dan guru iaitu masing-masing dengan purata min=3.73, (S.P=.534) dan min=4.07 (S.P=.501).</p>	<p>Guru melaksanakan pentaksiran bilik darjah dengan menentukan tahap prestasi pelajar berdasarkan kriteria yang ditentukan dalam DSKP, merekod dan mengunci masuk ke dalam sistem yang ditetapkan. Pentaksiran bukan lagi bertumpu kepada peperiksaan semata-mata. Wujud kekangan dari segi masa dan faktor pelajar itu sendiri.</p>	<p>Dapatan temu bual memberi maklumat terperinci berkaitan dengan proses pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. Secara keseluruhan, pelajar telah ditaksir, pencapaian tahap pelajar juga direkodkan dan dikunci masuk dalam sistem. Namun, terdapat juga kekangan dari segi faktor masa dan faktor pelajar yang mengalami masalah ketidakhadiran ke sekolah telah menyukarkan pelaksanaannya. Namun, masalah tersebut dapat diatasi dengan tindakan yang sesuai memandangkan tempoh pelaksanaannya sepanjang tahun.</p>

Sambungan Jadual 4.17

3. Proses pelaksanaan kerja kursus mata pelajaran Perniagaan	Penilaian ke atas kedua-dua kumpulan responden pelajar dan guru menunjukkan purata skor min adalah tinggi iaitu masing-masing Min=4.04, (S.P=.549) dan Min=4.22 (S.P=.647).	Pelaksanaan kerja kursus dilaksanakan mengikut arahan yang digariskan oleh Lembaga Peperiksaan. Terdapat kekangan semasa pelaksanaan kerja kursus iaitu faktor pelajar, peralatan dan tempoh pelaksanaan. Namun, kekangan ini dapat diatasi dengan tindakan yang diambil oleh pihak pentadbir. Peruntukan markah kerja kursus didapati tidak bersesuaian dan setimpal dengan usaha pelajar.	Dapatan temu bual memberi gambaran yang lebih jelas tentang pelaksanaan kerja kursus mata pelajaran Perniagaan yang mana wujud kekangan masa serta peruntukan markah kerja kursus yang dilihat tidak setimpal dengan usaha yang telah dipamerkan oleh pelajar.
Penilaian Produk			
1. Penguasaan pengetahuan pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan	Penilaian bagi kedua-dua kumpulan pelajar dan guru menunjukkan purata skor min pada tahap sederhana iaitu masing-masing min=3.32 (S.P=.580) dan min=3.41 (S.P=.638).	Tahap penguasaan pengetahuan pelajar terus meningkat walaupun berada pada tahap sederhana. Penguasaan konsep yang rumit perlu diambil perhatian serius oleh semua pihak. Pada peringkat awal, tahap pengetahuan pelajar adalah lemah. Namun, setelah tindakan penambahbaikan diambil oleh semua pihak, pencapaian pelajar akhirnya meningkat.	Dapatan temu bual mengukuhkan dapatan tinjauan bagi penilaian tahap pengetahuan pelajar iaitu pada tahap sederhana. Namun, peningkatan pengetahuan pelajar tetap berlaku pada akhir sesi pembelajaran setelah tindakan penambahbaikan diambil oleh semua pihak.

Sambungan Jadual 4.17

<p>2. Penguasaan kemahiran pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan</p>	<p>Purata skor min bagi kedua-dua kumpulan responden pelajar dan guru menunjukkan pada tahap sederhana iaitu masing-masing min=3.49 (S.P=.591) dan min=3.52 (S.P=.595).</p>	<p>Berlaku peningkatan tahap penguasaan kemahiran pada tahap sederhana setelah pelajar melaksanakan kerja kursus perniagaan. Pendedahan yang diperoleh semasa pelaksanaan kerja kursus telah membolehkan pelajar menguasai kemahiran-kemahiran asas untuk memulakan perniagaan.</p>	<p>Dapatan temu bual membuktikan dapatan tinjauan yang menunjukkan tahap penguasaan kemahiran pelajar pada tahap sederhana yang diperoleh melalui pelaksanaan kerja kursus perniagaan yang dijalankan oleh pelajar seperti mana yang telah digariskan oleh Lembaga Peperiksaan.</p>
<p>3. Perubahan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan</p>	<p>Purata skor min bagi kedua-dua kumpulan responden pelajar dan guru pada tahap sederhana iaitu masing-masing min=3.47 (S.P=.615) dan min=3.55 (S.P=.585).</p>	<p>Perubahan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan dapat dilihat meningkat pada tahap sederhana apabila mereka dapat mengaitkan mata pelajaran ini dengan peluang kerjaya pada masa hadapan. Pelajar mula menunjukkan sikap minat kepada mata pelajaran Perniagaan. Perubahan sikap pelajar dapat dilihat setelah mereka melaksanakan kerja kursus Perniagaan yang menggabungkan teori dan praktikal.</p>	<p>Dapatan temu bual memberi penjelasan yang lebih mendalam bagaimana perubahan sikap boleh berlaku setelah mereka mempelajari mata pelajaran Perniagaan iaitu melalui persepsi pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan yang dikaitkan dengan peluang kerjaya pada masa hadapan dan pelaksanaan kerja kursus yang menggabungkan ilmu teori dan praktikal yang telah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam perniagaan.</p>

4.7 Rumusan

Bab empat telah melaporkan hasil penemuan kajian berdasarkan objektif dan persoalan kajian seperti yang ditetapkan dalam bab awal dengan menggunakan kaedah penganalisisan data mengikut jenis sumber data yang diperoleh. Sebanyak 11 persoalan kajian dalam empat komponen Model Penilaian CIPP telah dianalisis. Akhir sekali, bahagian akhir dalam bab ini telah membentangkan dapatan kajian bagi pemboleh ubah tahap pengetahuan dan kemahiran terhadap perubahan sikap dalam elemen produk. Bab berikutnya akan membincangkan keseluruhan penemuan kajian, perbincangan, implikasi serta cadangan kajian masa hadapan.

Universiti Malaysia

BAB 5

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab terakhir memberi fokus kepada perbincangan dan cadangan. Perbincangan tentang dapatan kajian serta penjelasan secara mendalam tentang hubungannya dengan kajian lepas dibincangkan di bahagian perbincangan. Selanjutnya, kesimpulan berkaitan dengan hasil penemuan kajian dan implikasi kajian turut dibincangkan. Akhir sekali, cadangan berkaitan kajian lanjutan turut dibincangkan pada penghujung dalam bab ini.

5.2 Ringkasan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi tujuan untuk menilai kurikulum mata pelajaran Perniagaan yang sedang dijalankan bagi mengesan kedudukan terkini pelaksanaannya di sekolah menengah di daerah Gombak, Selangor yang mengambil mata pelajaran Perniagaan sebagai subjek elektif dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berdasarkan Model Penilaian CIPP yang meliputi penilaian konteks, input, proses dan produk.

Penilaian konteks meliputi aspek kesesuaian kandungan kurikulum mata pelajaran Perniagaan berdasarkan Matlamat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dan kesesuaian kandungan kurikulum mata pelajaran Perniagaan berdasarkan Objektif dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Penilaian input pula meliputi aspek kesediaan guru, kesediaan pelajar dan peranan pentadbir terhadap pelaksanaan mata pelajaran Perniagaan. Seterusnya, penilaian

proses meliputi aspek pelaksanaan PdP, pelaksanaan PBD dan pelaksanaan kerja kursus. Akhir sekali, penilaian produk meliputi aspek tahap penguasaan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan perubahan sikap terhadap mata pelajaran Perniagaan. Selain itu, kajian ini juga menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penguasaan pengetahuan dan penguasaan kemahiran terhadap perubahan sikap dalam elemen penilaian produk.

Kajian ini mengguna pakai Model Penilaian CIPP sebagai rangka penilaian bagi menilai kurikulum mata pelajaran Perniagaan yang melibatkan seramai 389 orang responden pelajar dan 32 orang responden guru dalam kalangan ketua panitia bagi sekolah-sekolah yang terlibat. Manakala bagi temu bual, seramai 3 orang guru dalam kalangan Ketua Panitia dan Guru Kanan Mata Pelajaran (GKMP) Teknik Vokasional yang terlibat. Instrumen yang digunakan adalah terdiri daripada soal selidik dan protokol temu bual. Data kuantitatif dianalisis dengan cara deskriptif dan inferensi menggunakan perisian IBM SPSS Statistics *Version 26* manakala data temu bual dianalisis melalui kaedah tematik bagi maksud untuk menyokong dapatan kuantitatif. Analisis inferensi yang digunakan adalah *Ujian Korelasi Spearman rho* (bukan parametrik).

5.3 Perbincangan Hasil Dapatan

5.3.1 Penilaian Konteks

Elemen konteks dalam kajian penilaian kurikulum mata pelajaran Perniagaan ini memfokuskan kepada dua aspek utama iaitu kesesuaian kandungan kurikulum mata pelajaran Perniagaan berdasarkan matlamat dalam DSKP dan kesesuaian kandungan kurikulum mata pelajaran Perniagaan berdasarkan objektif dalam DSKP.

5.3.1.1 Kesesuaian Kandungan Mata Pelajaran Perniagaan Berdasarkan Matlamat Dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)

Matlamat kurikulum mata pelajaran Perniagaan melibatkan enam aspek utama. Dapatan menunjukkan bahawa kandungan kurikulum mata pelajaran Perniagaan yang sedang dilaksanakan di sekolah adalah menepati matlamat mata pelajaran Perniagaan seperti mana dalam DSKP dan sebahagian besarnya telah berjaya dicapai melalui pengalaman semasa proses pembelajaran. Secara dasarnya, kesesuaian kandungan mata pelajaran Perniagaan berdasarkan matlamat mata pelajaran Perniagaan adalah pada tahap yang baik. Semua matlamat mata pelajaran Perniagaan yang telah ditetapkan pada akhirnya adalah untuk menghasilkan usahawan yang mempunyai sikap diri yang positif. Dapatan ini turut bertepatan dengan Mahamod et al. (2021), Ainun Rahman Iberahim et al. (2017) dan Yusri et al. (2010) yang menunjukkan pengalaman pembelajaran mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembentukan sikap positif seseorang pelajar. Hal ini membuktikan bahawa penilaian terhadap kandungan mata pelajaran Perniagaan yang disediakan di sekolah adalah selari dengan matlamat yang ditetapkan dan boleh dicapai melalui pengalaman semasa proses pembelajaran. Dapatan ini turut menyokong Sabri et al. (2016) yang berpandangan bahawa matlamat pendidikan dapat dicapai melalui tiga aspek iaitu objektif pendidikan, pemerolehan pengalaman dan penilaian.

Untuk memastikan kandungan mata pelajaran yang terkandung dalam DSKP adalah selari dengan matlamat mata pelajaran Perniagaan, pelaksana kurikulum iaitu mereka yang terdiri dalam kalangan pendidik atau guru perlu membuat perancangan instruksional terlebih awal agar kandungan mata pelajaran yang hendak disampaikan adalah selari dengan matlamat pembelajaran seperti mana yang telah dikemukakan

oleh Tyler (1949) iaitu pembangunan kurikulum merupakan proses pembelajaran yang dirancang untuk mencapai matlamat pembelajaran. Pelaksanaan kurikulum yang tidak diselaraskan dengan matlamat pembelajaran menyebabkan pembelajaran tersebut menjadi tidak bermakna.

Secara keseluruhannya, hasil dapatan soal selidik menunjukkan tahap kesesuaian kandungan kurikulum mata pelajaran Perniagaan dengan matlamat mata pelajaran berada pada tahap yang baik dengan merujuk kepada purata skor min pada kedudukan yang tinggi daripada kedua-dua kumpulan responden pelajar dan guru. Dapatan temu bual juga turut menyokong serta membuktikan tahap kesesuaian kandungan mata pelajaran Perniagaan yang dijalankan di sekolah seiring dengan matlamat dalam DSKP. Hasil dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Titik Rahayu et al. (2018) iaitu kurikulum perlu dibangunkan dengan baik dan berkesan bagi mencapai sesuatu matlamat pembelajaran. Hal ini adalah kerana kegagalan menselaraskan kandungan pembelajaran dengan matlamat atau hasil yang ingin dicapai boleh menyebabkan keberhasilan atau output tidak seperti yang diharapkan. Matlamat kurikulum adalah hasrat pembelajaran sama ada secara nyata atau tidak nyata yang telah dipilih, disusun dan diorganisasikan oleh pakar pembangunan kurikulum secara teliti dan mendalam.

Selain itu, dapatan temu bual daripada guru turut berpandangan bahawa sistem pemarkahan kerja kursus perlu berpandukan DSKP yang sebenar tanpa dipengaruhi oleh mata pelajaran elektif lain seperti Ekonomi dan Prinsip Perakaunan kerana matlamat dalam DSKP telah dinyatakan secara jelas kerana kebelakangan ini sistem pemarkahan kerja kursus sering berubah-ubah sehingga menyebabkan kesukaran

kepada guru-guru mata pelajaran Perniagaan untuk memenuhi keperluan arahan yang sering berubah-ubah. Justeru, pandangan ini sewajarnya perlu diambil perhatian oleh pihak atasan supaya hasrat atau matlamat kurikulum mata pelajaran Perniagaan dapat mencapai hasil seperti yang diharapkan kerana tugas kerja kursus merupakan sebahagian daripada matlamat mata pelajaran perniagaan. Kegagalan untuk menterjemah matlamat dalam menyampaikan kandungan pembelajarannya, akan menyumbang kepada kegagalan proses pengajaran dan pembelajaran mereka seperti mana dapatan dalam kajian Sabilan et al. (2015).

5.3.1.2 Kesesuaian Kandungan Mata Pelajaran Perniagaan Berdasarkan Objektif Dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Hasil dapatan menunjukkan kesesuaian kandungan mata pelajaran Perniagaan berdasarkan objektif dalam DSKP adalah pada tahap yang baik berdasarkan penilaian daripada pelajar dan guru. Semua objektif mata pelajaran Perniagaan telah dipenuhi dan dilaksanakan dengan baik di peringkat sekolah. Walau bagaimanapun, objektif mata pelajaran yang ketiga iaitu membina kemahiran menganalisis dan menilai perubahan persekitaran terhadap organisasi perniagaan menunjukkan dapatan min paling rendah berbanding item yang lain. Dapatan menunjukkan guru memerlukan tempoh masa dan kaedah pembelajaran yang sesuai bagi mencapai objektif tersebut. Dapatan temu bual guru turut berpandangan bahawa item (1), (2) dan (5) boleh dicapai melalui pembelajaran teori di dalam kelas manakala item (3) dan (4) hanya dapat dicapai jika pembelajaran dilaksanakan secara praktikal. Dapatan ini mengukuhkan lagi kajian Mohamad Izzuan (2017) yang menyatakan bahawa pembentukan kemahiran usahawan bukan setakat mempelajari teori semata-mata tetapi perlu disusuli dengan praktikal dan amalan. Justeru, adalah amat sukar bagi guru-guru mata


pelajaran untuk mencapai objektif tersebut jika proses pembelajaran tersebut hanya berlandaskan teori semata-mata.

Hasil temu bual guru turut mencadangkan agar pelajar perlu melaksanakan satu program bermula dengan penyediaan kertas kerja, membuat pembentangan perniagaan, membuat pemasaran sehingga kepada proses akhir program bagi mencapai objektif tersebut. Antara aktiviti yang dicadangkan adalah Hari Koperasi, Pertandingan Mencipta Perniagaan dan lain-lain program yang difikirkan sesuai bagi mencapai objektif tersebut. Justeru, berdasarkan dapatan, program dan aktiviti yang melibatkan pembangunan perniagaan dapat memupuk kemahiran usahawan dan ini bertepatan dengan Pepin (2018) yang menyatakan untuk melatih kemahiran keusahawanan, pelajar perlu terlibat dalam aktiviti perniagaan yang memerlukan mereka membuat penyiasatan supaya mereka dapat mengenal pasti masalah yang timbul, menganalisis persekitaran, merangka penyelesaian dan mengambil tindakan.

Menerusi penemuan dapatan, terbukti bahawa kurikulum mata pelajaran yang dibangunkan hendaklah mempunyai kesepaduan antara kandungan pembelajaran, objektif, kaedah pembelajaran dan penilaian seperti mana dalam Tyler (1949) yang menegaskan bahawa pembangunan kurikulum hendaklah disepadukan dengan empat prinsip asas iaitu objektif yang meliputi matlamat atau tujuan yang hendak dicapai; kandungan yang meliputi bentuk pengalaman pendidikan yang perlu disediakan untuk mencapai objektif; kaedah merujuk kepada bagaimana pengalaman pembelajaran disusun untuk mendapat pembelajaran berkesan; dan penilaian yang merujuk kepada keberkesanan pengalaman pembelajaran seperti dalam Rajah 5.1.

Rajah 5.1

Perkaitan antara aspek kandungan dan objektif oleh Tyler (1949)



Dapatan tersebut berkait rapat dengan Model Kurikulum Tyler yang menekankan empat prinsip asas dalam kurikulum. Kandungan pembelajaran mestilah selari dengan objektif pembelajaran bagi membentuk pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna. Hal ini menunjukkan bahawa adalah penting bagi sesebuah institusi pendidikan untuk menghubungkan aspek kandungan kurikulum dengan objektif pembelajaran.

Kesimpulannya, walaupun kesesuaian kandungan mata pelajaran Perniagaan berdasarkan objektif dalam DSKP mata pelajaran Perniagaan berada pada tahap yang tinggi, namun wujud keperluan kepada penambahbaikan terhadap kandungan kurikulum tersebut. Hasil dapatan guru turut mengesyorkan agar satu amali berkaitan amalan perniagaan diadakan untuk mengasah bakat pelajar untuk menjadi usahawan yang kompeten seperti mana yang dihasratkan oleh objektif mata pelajaran dalam DSKP Perniagaan kerana amat sukar bagi guru-guru untuk benar-benar memenuhi objektif mata pelajaran Perniagaan jika pelaksanaannya melibatkan fahaman teori semata-mata. Walaupun guru mempunyai fleksibiliti untuk mengolah strategi

pengajaran mereka bagi mencapai objektif, namun wujud kekangan lain seperti tempoh masa yang terhad untuk menyelesaikan silibus kandungan mata pelajaran dan pelaksanaan kerja kursus. Saranan yang disyorkan ini adalah seiring dengan dapatan kajian Iklima Husna Abdul Rahim et al. (2020) yang mendapati bahawa niat keusahawanan pelajar dipengaruhi oleh kandungan kurikulum dan kaedah pengajaran guru. Selain itu, dapatan guru turut mengesyorkan agar kandungan buku teks dikaji semula kerana terdapat beberapa bahagian yang dilihat tidak selari dengan kandungan mata pelajaran dalam DSKP. Hal ini turut menyebabkan kekeliruan dalam kalangan pelajar dan guru mata pelajaran.

Kandungan kurikulum dan perkaitannya dengan objektif kurikulum perlu jelas dan mempunyai hubungan antara kedua-duanya seperti mana yang telah ditegaskan oleh Taba (1962) yang menyebut bahawa setiap aspek kurikulum yang dibangunkan perlu dinyatakan secara jelas kerana kandungan tersebut mempunyai maksud yang tersendiri. Di sini dapat disimpulkan bahawa setiap isi kandungan kurikulum yang dibangunkan oleh penggubal kurikulum mempunyai tujuan dan matlamatnya serta seiring dengan hasrat keberhasilan yang diharapkan. Justeru, pengkaji beranggapan bahawa tahap kesesuaian kandungan mata pelajaran Perniagaan berdasarkan objektif dalam DSKP dalam penilaian konteks mempunyai hala tuju yang jelas namun perlu ditambah baik dari segi pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang lebih praktikal.

5.3.2 Penilaian Input

Elemen input dalam kajian penilaian kurikulum mata pelajaran Perniagaan ini memfokuskan kepada tiga aspek utama iaitu kesediaan guru, kesediaan pelajar dan peranan pentadbir sekolah terhadap mata pelajaran Perniagaan.

5.3.2.1 Kesiediaan Guru terhadap Pengajaran mata pelajaran Perniagaan

Kesiediaan guru meliputi pengetahuan kandungan mata pelajaran, penguasaan kemahiran, latihan dan kursus, pendekatan pengajaran dan kesiediaan memberi bimbingan serta dorongan kepada pelajar. Dapatan kesiediaan guru-guru mata pelajaran Perniagaan adalah pada tahap yang baik berdasarkan skor min yang tinggi daripada kedua-dua kumpulan responden. Dapatan temu bual juga turut mengesahkan tahap kesiediaan guru yang amat baik dalam kalangan guru mata pelajaran. Guru-guru menunjukkan kesiediaan mereka untuk memastikan pelaksanaan kurikulum mata pelajaran Perniagaan berjalan lancar dan mencapai objektif seperti mana yang diharapkan. Semasa sesi PdP berlangsung, penggunaan pengetahuan dan kemahiran telah membantu guru untuk mengendalikan PdP dalam bilik darjah secara maksimum dan berkesan serta berkebolehan mengawal cabaran-cabaran yang berlaku.

Dapatan kajian ini selari dengan Kasturi Rajan dan Norasmah Othman (2022) telah yang mendapati bahawa tahap pengetahuan dan kemahiran TMK dalam kalangan guru dapat meningkatkan pencapaian mata pelajaran Perniagaan di sekolah menengah. Selain itu, dapatan kajian turut menyokong Kim et al. (2019) bahawa amalan *scaffolding* dipercayai boleh membantu meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar khususnya dalam kepelbagaian aras kesukaran pembelajaran berasaskan masalah (PBL) dan berupaya mengawal pembelajaran sendiri mengikut keperluan dan kemampuan mereka berdasarkan dapatan daripada responden serta temu bual. Justeru, dapatan tersebut dapat menggambarkan keadaan sebenar tahap kesiediaan guru-guru mata pelajaran Perniagaan yang begitu komited dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Sungguhpun demikian, hasil penemuan ini dilihat mempunyai perbezaan dengan kajian Kalai Selvan Arumugham (2018) yang mendapati bahawa kefahaman guru tentang amalan *scaffolding* adalah rendah. Hal ini kerana amalan *scaffolding* merupakan satu kaedah pengajaran iaitu guru sebagai pembimbing atau fasilitator yang mana turut menjadi amalan guru-guru Perniagaan. Teknik *scaffolding* atau guru bertindak sebagai pembimbing telah menjadi amalan pengajaran guru-guru Perniagaan terutama semasa melaksanakan tugas kerja kursus yang mana guru sentiasa memberi bimbingan yang berterusan kepada pelajar mereka. Amalan ini juga selari dengan kehendak dan keperluan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) di bawah aspek 4.3 iaitu guru sebagai pembimbing kepada pelajar secara berterusan. Dapatan ini mengukuhkan kajian Nora'ini Abdul Rahman dan Nor Aishah Buang (2019) yang menunjukkan cara pengajaran fasilitator paling diminati oleh pelajar kerana gaya ini membentuk interaksi dan hubungan antara guru dan pelajar yang lebih baik.

Bagi pelaksanaan KBAT dalam sesi pembelajaran, dapatan mendapati guru sentiasa membuka peluang dan ruang kepada pelajar untuk meneroka pengetahuan baharu dan sentiasa menggalakkan pelajar bekerja dalam kumpulan serta memberi maklum balas selepas pelajar menyelesaikan tugas mereka. Dapatan ini bertentangan dengan Bernard Tahim Bael et al. (2021) yang mendapati kesediaan guru dalam melaksanakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) semasa sesi pembelajaran adalah rendah sebaliknya hasil dapatan mendapati kesediaan guru untuk melaksanakan KBAT adalah tinggi terutama semasa melaksanakan tugas kerja kursus. Walau bagaimanapun, pelaksanaan KBAT perlu ditambah baik bukan sahaja tertumpu semasa pelaksanaan kerja kursus, malahan perlu menyeluruh terutama ketika sesi PdP. Dapatan kajian

mendapati alat bantuan mengajar dan persekitaran bilik darjah boleh menyokong pembelajaran KBAT dan selari dengan Nurulhuda Md Hassan et al. (2021) mencadangkan agar guru mengambil kira faktor pelajar, alat bantu mengajar dan keadaan bilik darjah sebelum menentukan pemilihan strategi pengajaran bagi memupuk KBAT dalam kalangan pelajar.

Berdasarkan dapatan kajian, hampir keseluruhan guru-guru Perniagaan mendapat latihan dan kursus daripada badan-badan yang diiktiraf. Mereka juga mengamalkan *Professional Learning Community* (PLC) sekurang-kurangnya dua kali sebulan dalam kalangan ahli panitia Perniagaan. PLC merujuk kepada sekumpulan tenaga pengajar yang bergerak secara langsung dan berkolaboratif dalam mewujudkan inkuiri atau kajian tindakan bagi meningkatkan prestasi pelajar ke tahap yang lebih baik. Dapatan ini mengukuhkan lagi kajian Jones et al. (2013) yang mendapati PLC boleh menjadi satu bentuk pembangunan profesional yang berkesan untuk guru-guru. Melalui amalan PLC, guru-guru dapat meningkatkan kualiti dan amalan pengajaran mereka, membuka peluang amalan perkongsian ilmu dan kepakaran dalam kalangan guru serta mencetuskan semangat bekerja dalam pasukan. Dapatan ini turut mengesahkan lagi kajian Kaviza (2018) yang mendapati latihan profesional guru dapat mempengaruhi kemahiran berfikir pelajar. Hal ini boleh dikaitkan dengan amalan PLC yang sentiasa menggalakkan pencetusan idea kreatif guru dalam membuat atau mempelbagaikan strategi pengajaran mereka di dalam kelas melalui aktiviti perkongsian idea dalam kalangan pasukan.

Secara menyeluruhnya, dapat diringkaskan di sini bahawa kesediaan guru-guru Perniagaan berada pada tahap yang baik dalam kalangan mereka. Kesediaan guru yang

tinggi dapat mempengaruhi pencapaian pelajar dan hal ini selari dengan Batjo et al. (2019) yang mendapati bahawa kualiti guru merupakan antara faktor penyumbang kepada kejayaan seseorang pelajar. Guru-guru Perniagaan sedaya upaya membimbing pelajar mereka terutama semasa pelaksanaan kerja kursus yang memerlukan bimbingan daripada guru bermula proses awal sehingga proses akhir menyiapkan tugas. Justeru, hasil dapatan menunjukkan kesediaan guru banyak mempengaruhi pelaksanaan kerja kursus sehingga tugas tersebut dapat diselesaikan mengikut tempoh masa yang diputuskan oleh Lembaga Peperiksaan.

5.3.2.2 Kesediaan Pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan

Kesediaan pelajar merujuk kepada pengetahuan asas pelajar, minat dan kecenderungan mereka terhadap mata pelajaran Perniagaan. Dapatan kajian merekodkan tahap kesediaan pelajar Perniagaan adalah sederhana berdasarkan dapatan skor min pada tahap sederhana bagi kedua-dua kumpulan responden. Dapatan temu bual merekodkan tahap kesediaan pelajar pada peringkat awal sesi pembelajaran semasa di tingkatan empat adalah rendah. Namun, lama kelamaan tahap kesediaan mereka semakin baik malah meningkat sedikit demi sedikit apabila mereka telah melalui proses pembelajaran walaupun peningkatan tersebut adalah kecil atau sederhana. Dapatan ini selari dengan Wan Suhaidashima et al. (2019) yang mendapati bahawa pengetahuan dan minat akan mempengaruhi pencapaian pelajar. Apabila wujud tahap kesediaan pelajar, minat terhadap mata pelajaran Perniagaan semakin meningkat sehingga menunjukkan perubahan tingkah laku mereka yang lebih positif semasa sesi PdP. Dapatan ini mengukuhkan lagi kajian yang dijalankan oleh Nooraini Othman dan Siti Soleha Mismam (2010) yang mendapati unsur persekitaran mempunyai hubungan dengan minat pelajar dalam bidang keusahawanan.

Hasil dapatan turut merekodkan bahawa pelajar mudah memahami tajuk yang dipelajari melalui pendekatan yang diambil oleh guru mereka. Hal ini telah membuktikan bahawa guru berjaya memahami gaya pembelajaran pelajar mereka sehingga menyebabkan guru dapat menyelaras dan menyeimbangkan gaya pengajaran mereka mengikut kesesuaian pelajar yang turut menyokong Elahi (2019) yang mendapati bahawa menjadi satu kepentingan kepada guru untuk memahami gaya pembelajaran pelajar melalui persekitaran sosial bagi mewujudkan usahawan yang berjaya dalam bilik darjah. Justeru, peranan guru amat penting untuk mewujudkan suasana dan persekitaran pembelajaran yang dapat mencetuskan minat pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan. Berdasarkan dapatan, kesediaan pelajar dari aspek peningkatan kefahaman tajuk yang telah dipelajari banyak dipengaruhi oleh peranan guru yang menggunakan kepelbagaian kaedah dan pendekatan untuk membantu pelajar memahami tajuk-tajuk yang dipelajari dalam mata pelajaran Perniagaan dan dapatan ini selari dengan Irwan Fariza Sidik et al. (2018) yang mendapati bahawa sokongan persekitaran sosial dalam kalangan guru dapat mempengaruhi kemahiran insaniah pelajar meliputi kemahiran berfikir aras tinggi, interpersonal, memimpin dan menyelesaikan masalah. Justeru, pengkaji percaya guru-guru Perniagaan sedaya upaya menggunakan kepelbagaian strategi untuk memperhebatkan lagi kefahaman pelajar bagi tajuk-tajuk yang perlu dikuasai.

Dapatan penilaian pelajar berkaitan pengetahuan asas mengenai mata pelajaran ini di peringkat menengah rendah adalah berada pada tahap yang rendah berdasarkan skor min yang rendah. Faktor ini adalah disebabkan oleh mata pelajaran ini tidak ditawarkan di peringkat menengah rendah iaitu tingkatan satu, dua dan tiga. Walau bagaimanapun, elemen merentas kurikulum (EMK) keusahawanan telah diterapkan

dalam mata pelajaran lain yang dipelajari oleh pelajar semasa mereka di tingkatan satu, dua dan tiga. Dapatan ini menyokong dapatan Siti Hawa dan Nurfaradilla (2021) yang mendapati bahawa pelajar menengah rendah sedar akan elemen keusahawanan yang dipelajari melalui standard kandungan mata pelajaran di menengah rendah namun mereka tidak berminat untuk mempelajarinya atau memilih bidang ini sebagai peluang kerjaya pada masa hadapan. Justeru, pengkaji mencadangkan agar elemen keusahawanan melalui EMK dalam mata pelajaran menengah rendah tidak diabaikan memandangkan elemen ini merupakan sebahagian elemen yang mempunyai unsur nilai tambah selain yang ditetapkan dalam standard kandungan mata pelajaran.

5.3.2.3 Peranan Pentadbir terhadap pelaksanaan mata pelajaran Perniagaan

Penilaian peranan pentadbir adalah dinilai dari aspek guru mata pelajaran yang meliputi hubungan yang baik antara pentadbir dengan guru dan antara pentadbir dengan pelajar, pemantauan dan pencerapan panitia mata pelajaran, peruntukan kewangan, pemantauan disiplin pelajar serta dorongan kepada guru dan pelajar bagi memperkasakan mata pelajaran Perniagaan. Dapatan kajian menunjukkan pentadbir sentiasa memberikan perhatian berkaitan dengan disiplin pelajar semasa melaksanakan tugas kerja kursus berdasarkan skor min yang tinggi. Mata pelajaran Perniagaan merupakan salah satu mata pelajaran yang mempunyai tugas kerja kursus dalam format pentaksiran di peringkat SPM selain daripada pentaksiran berasaskan peperiksaan atau dikenali sebagai Kertas 3. Tugas ini perlu dilaksanakan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan berdasarkan Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Bilangan 2 Tahun 2017. Komponen tugas ini adalah penting yang memerlukan komitmen guru dan pentadbir sekolah semasa pelaksanaannya. Berdasarkan dapatan kajian, pentadbir sekolah sentiasa memastikan

pelaksanaan kurikulum mata pelajaran dan tugas kerja kursus berjalan dengan baik seperti mana yang dirancang. Justeru, pengkaji percaya bahawa pentadbir sekolah sentiasa telah memainkan peranan mereka sebagai pemimpin institusi sekolah dan sentiasa bertanggungjawab dan dapatan ini selari dengan Hassan Mohd Ghazali (2019) yang mengatakan sesungguhnya pengetua merupakan pengurus pendidikan yang bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran sekolah juga turut bertindak selaku pemimpin instruksional pengajaran dan pembelajaran dalam sesebuah institusi pendidikan.

Sementara itu, KPM melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 berusaha untuk memperkasakan kepimpinan sekolah dengan mengambil langkah-langkah inisiatif seperti membangunkan kumpulan pemimpin masa hadapan yang mempunyai potensi dan memperkasa pendekatan pengurusan berdasarkan prestasi dan kompetensi. Strategi ini merupakan langkah proaktif untuk meningkatkan profesionalisme kepimpinan di sekolah dan jika dilihat keberhasilan menghasilkan pemimpin di sekolah ternyata inisiatif ini telah menghasilkan pemimpin yang seperti mana yang telah diaspirasikan dalam PPPM. Dapatan kajian turut mengukuhkan lagi dapatan Wan Zaliha dan Shahrul Nizam (2020), yang menegaskan bahawa seseorang pengetua perlu menguasai bidang tugas yang bersifat mikro dengan membantu guru-guru mengawasi kawalan dan pemahaman pelajar dari perspektif bilik darjah. Berdasarkan dapatan tersebut, pengkaji yakin bahawa tindakan pihak pentadbir sekolah yang diketuai oleh Pengetua yang dibantu oleh Penolong Kanan, merupakan satu peranan yang wajar dan bertepatan dengan ruang lingkup tugas mereka memandangkan tugas kerja kursus merupakan tugas yang penting bagi setiap pelajar yang mengambil mata pelajaran Perniagaan. Tanggungjawab dan peranan

sebagai pemimpin di sekolah mencakupi pelbagai aspek yang bukan hanya tertumpu kepada kerja-kerja pentadbiran semata-mata malahan aspek kurikulum, hal ehwal pelajar, kokurikulum dan hubungan dengan pihak luar. Dapatan ini juga telah memperkukuhkan lagi dapatan Abas dan Balasandran (2002) yang mendapati bahawa kepimpinan sekolah mempengaruhi pencapaian akademik pelajar manakala Azhar (2004) mengatakan bahawa peranan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dalam melahirkan barisan kepimpinan di peringkat sekolah juga turut membantu meningkatkan pencapaian prestasi sekolah. Justeru, dapat dirumuskan di sini bahawa kepimpinan barisan pentadbir dalam menerajui sekolah adalah satu peranan yang begitu besar dalam menyokong pembelajaran dan pencapaian pelajar secara keseluruhannya.

5.3.3 Penilaian Proses

Elemen proses dalam kajian penilaian kurikulum mata pelajaran Perniagaan ini memfokuskan kepada tiga aspek utama iaitu proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), proses pentaksiran bilik darjah (PBD) dan proses pelaksanaan kerja kursus terhadap mata pelajaran Perniagaan.

5.3.3.1 Proses pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Penilaian pelaksanaan PdP adalah dinilai dari sudut perspektif guru dan pelajar. Dapatan mendapati skor min pada kedudukan yang tinggi terhadap pengajaran guru yang sentiasa menghubungkan kait kandungan pembelajaran dengan situasi sebenar berdasarkan penilaian pelajar. Dapatan penilaian guru juga membuktikan keputusan yang sama apabila hasil dapatan skor min yang tinggi. Hasil dapatan menjelaskan bahawa guru-guru Perniagaan sentiasa bersungguh-sungguh melaksanakan sesi

pengajaran dengan membuat perancangan yang rapi sebelum memulakan sesi PdP di dalam bilik darjah. Dapatan temu bual dengan Guru Kanan Mata Pelajaran turut menyokong dapatan tersebut yang mana proses PdP yang berjalan di sekolah pada kebiasaannya adalah lancar dan dapat diuruskan dengan baik oleh semua guru mata pelajaran melalui pencerapan dan pemantauan yang dilakukan oleh pentadbir. Perancangan yang rapi membolehkan guru-guru sentiasa bersedia untuk memaksimumkan masa PdP dengan menyediakan bahan bantu mengajar yang sesuai bagi menyokong pembelajaran pelajar. Hal ini adalah kerana guru yang dapat mengaitkan isi kandungan pembelajaran dengan situasi sebenar memerlukan strategi pembelajaran yang dirancang dengan teliti sebelum memulakan sesi PdP. Mata pelajaran Perniagaan memerlukan lebih banyak isi kandungan yang dihubungkan dengan situasi sebenar memandangkan mata pelajaran ini merupakan mata pelajaran yang sentiasa dapat dikaitkan dengan amalan seharian dan situasi sebenar kehidupan pelajar. Dapatan ini adalah selari dengan Collins Allan et al. (1989) yang mencadangkan kerangka persekitaran pembelajaran berasaskan perantisan kognitif dalam salah satu daripada empat dimensi utama iaitu pembelajaran sosial yang dikaitkan dengan situasi sebenar. Strategi pengajaran guru yang mengaitkan situasi sebenar mampu meningkatkan kefahaman pelajar dan seterusnya memberi kesan kepada pencapaian pelajar. Dapatan ini mengukuhkan lagi kajian yang dijalankan oleh Nora'ini dan Nor Aishah (2019) yang mendapati bahawa kaedah pengajaran guru dapat mempengaruhi sikap pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan.

Hasil dapatan turut mendapati guru kurang menggunakan pelbagai perisian komputer atau peralatan teknologi dan maklumat (TMK) bagi menyokong pembelajaran di dalam bilik darjah berdasarkan skor min yang sederhana daripada kedua-dua

kumpulan responden. Hasil dapatan temu bual guru mendapati guru ada menggunakan perisian komputer atau peralatan teknologi. Namun, penggunaan tersebut digunakan pada masa-masa tertentu atau melibatkan topik-topik tertentu. Hal ini adalah kerana guru menghadapi masalah kekangan masa bagi menyelesaikan semua standard kandungan atau sukatan pelajaran dan memberi tumpuan kepada pelaksanaan kerja kursus yang dalam tempoh masa yang ditetapkan. Susulan daripada dapatan ini, pihak pentadbir sekolah dicadangkan agar menjadikan agar amalan TMK dapat disepadukan dalam sesi PdP kerana penggunaan TMK merupakan pendekatan yang sesuai dan menyokong pembelajaran abad ke 21 dan saranan ini turut menyokong dapatan Siti Zaharah et al. (2018) yang mengatakan bahawa pengintegrasian TMK dalam pendidikan dapat meningkatkan daya saing pelajar dalam PdP abad ke 21. Justeru kajian menyimpulkan aspek penggunaan perisian komputer atau peralatan teknologi ketika PdP perlulah diberi perhatian yang sewajarnya oleh guru-guru mahupun pihak pentadbir sekolah memandangkan penggunaannya adalah selari dengan bercirikan pembelajaran abad ke 21 yang perlu menjadi amalan dalam pengajaran guru di bilik darjah serta mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan abad ke 21 seperti mana aspirasi KPM dalam PPPM 2013-2025. Walaupun terdapat pelbagai cabaran dalam pelaksanaannya, namun langkah penyelesaian untuk menangani cabaran tersebut wajar dilakukan dan hal ini selari dengan Norazlin dan Siti Rahaimah (2019) yang mengatakan bahawa cabaran dalam melaksanakan PdP abad ke 21 dapat diatasi dengan amalan perkembangan profesionalisme, penyediaan modul pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan kualiti dan kuantiti alat TMK. Justeru, PdP abad ke 21 perlu menjadi amalan dalam pengajaran guru dan tidak diabaikan bagi meningkatkan lagi PdP yang lebih berkesan.

5.3.3.2 Proses Pelaksanaan Pentaksiran Bilik darjah (PBD)

Penilaian PBD adalah berdasarkan penilaian pelajar dan guru. Hasil dapatan menunjukkan skor min yang tinggi bagi elemen guru memeriksa buku latihan pelajar daripada kedua-dua kumpulan responden. Proses PBD merupakan satu kaedah pentaksiran yang dapat menilai tahap penguasaan (TP) pelajar bagi sesuatu standard kandungan pembelajaran dan bersifat formatif kerana pada kebiasaannya guru akan melaksanakan PBD setelah selesai sesi PdP bagi topik-topik tertentu. Selain itu, TP dijadikan satu indikator bagi menilai pencapaian pelajar dan setiap TP mempunyai aras pengukurannya yang tersendiri seperti mana yang dinyatakan secara jelas dan terperinci dalam DSKP. Dapatan ini turut menyamai dapatan temu bual bersama Ketua Panitia dan GKMP yang mendapati bahawa PBD dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran setelah selesai sesi pengajaran dan semua pencapaian TP bagi setiap pelajar akan direkodkan dan dipantau oleh pentadbir sekolah. Perekodan ini dilakukan bertujuan untuk menentukan tahap pencapaian pelajar bagi setiap topik atau standard kandungan yang telah dikuasai. Dapatan ini adalah selari dengan Arumugham (2020) yang turut mendapati pentaksiran PBD adalah bertujuan untuk menentukan tahap pencapaian pelajar berdasarkan tahap penguasaan yang diperolehi. Hal ini menunjukkan penilaian PBD dapat mengukur tahap penguasaan pelajar selain mengukur pencapaian pelajar melalui peperiksaan dan tugas kerja kursus. Salah satu kebaikan pelaksanaan PBD adalah dapat membantu guru mata pelajaran mengesan kelemahan pelajar mereka dan dapat diambil tindakan penambahbaikan melalui pemantauan dalam proses PBD.

Dapatan turut menunjukkan skor min yang sederhana bagi penilaian pelajar berkaitan dengan guru mempunyai kekangan masa untuk melaksanakan PBD. Walau

bagaimanapun, cabaran ini dapat diatasi dengan penggunaan modul PBD yang dibangunkan oleh guru mata pelajaran dan ini selari dengan Gengatharan dan Rahmat (2019) yang mengatakan bahawa penggunaan modul PBD dapat mengurangkan beban guru untuk mentaksir pelajar. Penggunaan modul PBD boleh mengatasi masalah kekangan masa guru untuk menyediakan soalan PBD dan ini sekali gus dapat mengurangkan beban mereka. Penilaian guru pula menunjukkan skor min yang tinggi bagi elemen ini. Dapatan temu bual pula mengesahkan penilaian pelajar bahawa guru berhadapan dengan isu kekangan masa untuk melaksanakan PBD dalam satu sesi PdP. Hal ini mungkin berlaku bagi guru yang kurang pengalaman mengajar dalam mata pelajaran Perniagaan dan mereka perlu diberikan bimbingan yang sewajarnya. Ketua Panitia boleh memainkan peranan mereka untuk membantu guru-guru baharu bagi mengatasi kekangan tersebut yang mana aktiviti turut selari dengan Noorzeliana (2016) yang mengatakan bahawa aktiviti pementoran mampu mengatasi kekangan guru melaksanakan PBD. Melalui aktiviti pementoran, guru boleh berkongsi kepakaran terutama untuk membangunkan instrumen PBD. Selain itu, berdasarkan dapatan temu bual, salah satu cara yang dilakukan oleh guru bagi mengatasi isu kekangan masa pelaksanaan PBD, guru akan melaksanakannya di luar sesi PdP dan juga melalui kaedah pembentangan secara berkumpulan. Kaedah ini secara tak langsung dapat membentuk kerjasama dalam satu kumpulan selain dapat menjimatkan masa untuk melaksanakan PBD. Kaedah ini juga menyokong Nurulhuda Md Hassan et al. (2021) bahawa tugas berkumpulan boleh menggalakkan pemikiran KBAT. Walaupun kaedah tersebut dilakukan secara berkumpulan, namun penilaian TP diukur berdasarkan penilaian individu. Dapatan ini menyokong Arumugham (2020) bahawa guru dapat menilai pelajar secara individu walaupun guru menggunakan aktiviti secara berkumpulan semasa melaksanakan PBD.

Justeru, secara keseluruhannya, dapatan kajian menggambarkan bahawa proses PBD di sekolah adalah berjalan lancar walaupun terdapat kekangan dari segi masa untuk melaksanakannya. Namun, guru-guru dilihat sedaya upaya untuk melaksanakannya dengan menggunakan kaedah yang sesuai. Dapatan ini dilihat selari dengan saranan dan cadangan dalam DSKP untuk menggunakan kaedah pengajaran dan pentaksiran yang sepadan bagi setiap tajuk yang dimuatkan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015). Secara rumusannya, proses pelaksanaan PBD di sekolah berjalan dengan baik dan guru-guru sentiasa bersedia dari aspek pengetahuan dan kemahiran mereka dalam melaksanakan PBD.

5.3.3.3 Proses Pelaksanaan Kerja Kursus

Pelaksanaan kerja kursus merupakan salah satu komponen utama dalam kurikulum mata pelajaran Perniagaan dan tugas ini merupakan Kertas 3 bagi peringkat SPM. Peruntukan markah bagi tugas ini adalah sebanyak 20 markah. Dapatan daripada guru menunjukkan markah yang diperuntukkan adalah tidak sepadan dengan usaha pelajar untuk melaksanakannya dan ini sekali gus bertentangan dengan Mohd Zailani Ismail (2019), yang mengatakan bahawa pihak institusi wajar menyediakan satu sistem pemarkahan kerja kursus yang selaras dengan pelaksanaannya. Pelaksanaan kerja kursus dilakukan dalam tempoh tiga bulan semasa pelajar berada di tingkatan lima. Tugas ini dinilai oleh guru mata pelajaran itu sendiri namun verifikasi pemarkahan dilakukan oleh penilai luar atau jurulatih utama. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan skor min berada pada kedudukan sederhana bagi tempoh pelaksanaan kerja kursus dari aspek penilaian guru. Dapatan temu bual dengan Ketua Panitia yang berpengalaman mengajar lebih 20 tahun menjelaskan bahawa tempoh 3 bulan yang diperuntukkan oleh Lembaga Peperiksaan (LP) adalah tidak mencukupi kerana

pelaksanaannya bertindih dengan peperiksaan dalaman di peringkat sekolah. Dapatan ini bertentangan dengan Collins et al. (1991) yang menggalakkan pembelajaran melalui perantisan kognitif iaitu pelajar dibimbing sebelum melaksanakan tugas dan diberi peluang melaksanakan tugas mengikut tempoh masa yang sesuai. Justeru, pihak LP perlu menilai kembali tempoh pelaksanaan yang kurang mencukupi disebabkan masa pelaksanaan kerja kursus yang bertindih dengan peperiksaan dalaman di sekolah dan peruntukan markah yang tidak setimpal dengan usaha pelajar. Dapatan temu bual turut memberi gambaran bahawa guru-guru terpaksa melaksanakan kerja kursus di luar waktu pembelajaran sama ada pada hujung minggu atau pada cuti persekolahan demi mengejar garis masa yang begitu singkat. Dapatan ini tidak selari dengan Lian dan Cheng (2018) yang mendapati bahawa keprihatinan guru semasa melaksanakan tugas kerja kursus adalah pada tahap sederhana sedangkan guru-guru Perniagaan digambarkan sentiasa komited dalam membimbing pelajar-pelajar semasa melaksanakan kerja kursus. Melalui temu bual tersebut, KP dan GKMP turut mencadangkan agar tempoh masa dipanjangkan memandangkan kepelbagaian aras kecerdasan pelajar yang terdiri daripada kumpulan cemerlang, sederhana dan lemah menyukarkan guru-guru untuk memberi fokus bimbingan semasa melaksanakan kerja kursus terutama bagi pelajar lemah yang memerlukan bimbingan intensif. Cadangan juga turut dikemukakan agar pihak berkaitan tidak terlalu rigid dari aspek pembahagian markah dan meningkatkan lagi kewajaran markah kerja kursus yang dilihat lebih rendah berbanding dengan usaha pelajar yang tinggi untuk menyiapkannya. Justeru, berdasarkan dapatan tersebut, kajian beranggapan bahawa satu keperluan untuk penambahbaikan oleh pihak berkaitan untuk menilai pelaksanaannya di peringkat sekolah.

5.3.4 Penilaian Produk

Berdasarkan Model Penilaian CIPP, elemen produk mengukur hasil pembelajaran atau output bagi kurikulum yang dilaksanakan iaitu meliputi tahap penguasaan pengetahuan, tahap penguasaan kemahiran dan perubahan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan.

5.3.4.1 Tahap Penguasaan Pengetahuan Pelajar

Hasil dapatan mendapati bahawa skor min pada kedudukan sederhana bagi semua aspek yang diuji bagi kedua-dua kumpulan responden kecuali aktiviti penyelesaian masalah dapat meningkatkan kefahaman pelajar dengan skor min pada tahap tinggi dan dapatan ini selari dengan Tyler (1949) yang mengatakan bahawa pembelajaran melalui pengalaman sepatutnya dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan nilai. Dapatan ini turut selari dengan Nurul Hidayah dan Norasmah (2021) yang mendapati pencapaian pelajar Perniagaan dari aspek kognitif pada tahap kepujian. Penilaian penguasaan pengetahuan pelajar dapat dinilai melalui tahap pencapaian terhadap kandungan atau standard pembelajaran bagi setiap tajuk yang dimuatkan dalam DSKP termasuklah fakta, konsep, penyelesaian masalah dan pencapaian dalam peperiksaan yang menjurus kepada pencapaian kognitif pelajar. Salah satu kaedah untuk meningkatkan tahap penguasaan pengetahuan adalah dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran guru bagi meningkatkan PdP berkesan. Selain itu, aktiviti yang menggalakkan kemahiran berfikir aras tinggi seharusnya tidak diabaikan dalam sesi pembelajaran dan hal ini bertepatan dengan Bernard Tahim Bael et al. (2021) yang mengatakan aktiviti KBAT dapat mempertingkatkan tahap pengetahuan pelajar dan sekali gus menyokong PdP abad ke 21. Seterusnya, guru juga digalakkan untuk terus menerapkan penggunaan peta pemikiran i-think dan ini bertepatan dengan Roselizam

et al. (2020) yang membuktikan bahawa peta pemikiran i-think dapat mengukuhkan lagi kefahaman pelajar dalam sesi pembelajaran dan pengajaran. Justeru, guru boleh mempelbagaikan strategi pengajaran mereka untuk meningkatkan pengetahuan terhadap kandungan pembelajaran dalam kalangan pelajar. Dapatan temu bual bersama Ketua Panitia dan GKMP mendapati bahawa wujud peningkatan dari segi pengetahuan pelajar terhadap standard kandungan yang telah dipelajari walaupun peningkatan tersebut adalah kecil. Pencapaian ini dapat dilihat melalui unjuran *take-off value* (TOV) yang diukur secara individu. Setiap pelajar akan ditetapkan penanda aras yang harus dicapai bagi setiap peperiksaan yang dilalui dari awal tahun sehingga akhir tahun.

Berdasarkan rumusan dapatan, secara keseluruhannya, kajian mendapati bahawa wujud pencapaian dari sudut pengetahuan pelajar biarpun pada tahap sederhana. Justeru, kajian mencadangkan agar pembelajaran yang disokong dengan penggunaan peralatan TMK tidak diabaikan dalam sesi pembelajaran dan ini selari dengan Surif et al. (2014) yang menegaskan kepentingan penggunaan TMK dalam proses pengajaran dan pembelajaran namun tahap penggunaannya masih pada tahap sederhana dalam kalangan guru. Kajian turut menyarankan agar guru mata pelajaran Perniagaan memperluaskan strategi pengajaran dan pembelajaran aktif seperti kaedah gamifikasi bagi meningkatkan lagi tahap penguasaan pengetahuan pelajar dan ini bertepatan dengan Hasimah (2019) yang mengatakan kaedah gamifikasi dalam proses PdP dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Perniagaan kerana kaedah berasaskan permainan dapat menarik minat pelajar untuk meningkatkan pengetahuan mereka dan menyokong pembelajaran abad ke 21.

5.3.4.2 Tahap Penguasaan Kemahiran Pelajar

Tahap penguasaan kemahiran pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan diukur dan dinilai melalui aspek kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran menghubungkan antara teori dan praktikal, kemahiran komunikasi, kemahiran kepimpinan, kemahiran perakaunan dan kemahiran mengurus. Berdasarkan hasil dapatan menunjukkan bahawa tahap penguasaan kemahiran komunikasi, kemahiran kepimpinan, kemahiran perakaunan dan kemahiran mengurus pada tahap sederhana terutama kemahiran perakaunan yang mendapat skor terendah berdasarkan skor min terendah berbanding kemahiran yang lain. Hasil temu bual bersama GKMP menggambarkan bahawa tahap penguasaan kemahiran pelajar adalah rendah pada peringkat awal mereka mengikuti mata pelajaran Perniagaan. Namun setelah mereka melalui proses PdP bersama bimbingan guru yang sangat komited dalam menghasilkan kemenjadian pelajar, tahap penguasaan kemahiran pelajar didapati meningkat walaupun tidak begitu ketara ke tahap cemerlang. Penguasaan kemahiran mereka digambarkan daripada tidak menguasai apa-apa kemahiran perniagaan telah beralih kepada tahu, faham dan boleh laksana kemahiran tersebut melalui pelaksanaan kerja kursus yang dijalankan. Justeru, hasil dapatan ini telah menyokong pembelajaran perantisan kognitif seperti yang telah dikemukakan oleh Collins (1971). Penguasaan kemahiran perakaunan merupakan kemahiran yang sukar untuk dicapai oleh pelajar memandangkan kemahiran ini lebih kompleks jika dibandingkan dengan tahap keupayaan pelajar yang terdiri daripada kumpulan sederhana yang mengambil mata pelajaran Perniagaan sebagai subjek elektif dalam SPM. Namun, pelajar masih dapat menguasai kemahiran tersebut walaupun pada tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa kemahiran-kemahiran yang diketengahkan dalam mata pelajaran ini tetap dikuasai oleh pelajar berdasarkan kualiti kerja kursus yang dihasilkan oleh pelajar setelah mereka berjaya menyelesaikan tugas tersebut.

Dapatan kajian ini turut menyamai dapatan Nurul Hidayah dan Norasmah (2021) yang mendapati bahawa tahap pencapaian pelajar dari aspek psikomotor adalah sederhana berdasarkan tinjauan ke atas pelajar perniagaan tingkatan empat.

Selain itu, dapatan menunjukkan kemahiran menyelesaikan masalah membantu pelajar menghubungkan antara teori dan praktikal dan ini selari dengan Siti Faridah dan Hartini (2018) yang mengatakan bahawa pembelajaran berasaskan masalah dapat membantu meningkatkan pemikiran kritis pelajar terutama dalam kemahiran perakaunan dalam kalangan pelajar Prinsip Perakaunan. Justeru, berdasarkan bukti kajian yang telah tersebut, guru disarankan untuk mengguna pakai cadangan tersebut sebagai langkah mempelbagaikan teknik atau strategi pengajaran mereka. Bagi mencapai matlamat dan objektif mata pelajaran perniagaan iaitu mempersiapkan pelajar dengan kemahiran untuk memulakan perniagaan, guru seharusnya mengasah kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam bidang keusahawanan melalui kepelbagaian aktiviti dalam PdP dan ini selari dengan Nasihah Sulaiman et al. (2018) yang mengatakan bahawa penguasaan kemahiran keusahawanan yang tinggi dapat mencetuskan keinginan ke arah keusahawanan dalam kalangan pelajar. Hal ini menunjukkan bahawa domain kemahiran dalam matlamat dan objektif mata pelajaran Perniagaan perlu selari dengan domain kognitif dan nilai.

Secara rumusannya, kajian mencadangkan agar guru-guru memberi penekanan dalam pembelajaran abad ke 21 seperti yang dikemukakan oleh KPM dalam PPPM 2013-2025. Saranan ini adalah bertujuan untuk menyokong dan memperkembangkan lagi bakat pelajar dalam bidang keusahawanan dan ini selari dengan Esmalaily dan Norasmah (2019) yang mendapati bahawa kemahiran keusahawanan yang tinggi dapat

mempengaruhi niat keusahawanan pelajar. Bidang keusahawanan merupakan satu bidang yang boleh dijadikan sebagai peluang pekerjaan apabila pelajar telah menamatkan persekolahan dan ini menjadi sebahagian hasrat kurikulum mata pelajaran Perniagaan. Justeru, adalah diharapkan guru-guru dapat berusaha untuk meningkatkan kemahiran pelajar yang sekali gus dapat mencetuskan minat pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan.

5.3.4.3 Perubahan Sikap Pelajar

Penilaian perubahan sikap pelajar meliputi keterampilan sendiri, minat, bimbingan kerjaya, keinginan terhadap isu semasa perniagaan, tahap motivasi dan penglibatan yang aktif dalam mata pelajaran Perniagaan. Dapatan kajian menunjukkan minat pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan semakin meningkat apabila dikaitkan dengan peluang pekerjaan berdasarkan skor min yang tinggi bagi kedua-dua kumpulan responden guru dan pelajar. Dapatan ini menyokong Ling et al. (2022) bahawa sikap dan tingkah laku pelajar mempunyai hubungan dengan pemilihan kerjaya keusahawanan. Hal ini menunjukkan, pelajar telah menunjukkan minat mereka terhadap mata pelajaran Perniagaan setelah mereka didedahkan dengan peluang pekerjaan pada masa hadapan. Pelajar dilihat telah berjaya menghubungkan antara mata pelajaran yang mereka pelajari dengan kerjaya pada masa hadapan yang mungkin boleh diceburi. Mereka akan menunjukkan sikap lebih bersungguh-sungguh untuk belajar dan sekali gus dapat mencetuskan minat dan keinginan mereka terhadap kerjaya dalam bidang keusahawanan yang ini merupakan sebahagian daripada hasrat dalam dasar pembangunan negara seperti RMK-12 dan Dasar 4IR. Berdasarkan dapatan temu bual bersama KP menunjukkan bahawa pelajar telah mempamerkan perubahan sikap mereka terhadap mata pelajaran Perniagaan terutama semasa

pelaksanaan kerja kursus. Keinginan terhadap peluang pekerjaan turut meningkat kerana mereka mula menghayati keperluan subjek perniagaan dalam kehidupan mereka. Malah, ada dalam kalangan pelajar yang mula melibatkan diri dalam perniagaan secara dalam talian setelah mereka mula meminati mata pelajaran Perniagaan. Dapatan ini bertepatan dengan Wan Mohd Zaifurin et al. (2016) yang menunjukkan kecenderungan keusahawanan dipengaruhi oleh faktor pengetahuan dan kemahiran keusahawanan yang telah mereka peroleh dan ini turut selari dengan Nurul Hidayah dan Norasmah, (2021) yang mendapati bahawa sikap terhadap keusahawanan turut dipengaruhi oleh domain pengetahuan dan kemahiran keusahawanan.

Selain itu, minat pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan juga boleh dikaitkan dengan usaha guru yang mempelbagaikan gaya pengajaran mereka dan ini bersesuaian dengan Nora'ini dan Nor Aishah (2019) yang mengatakan bahawa gaya pengajaran guru berkait rapat dan mempunyai hubungan dengan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan. Justeru, guru perlu membuat perancangan aktiviti pembelajaran yang dapat menimbulkan minat pelajar dan seterusnya menunjukkan perubahan sikap yang positif dalam mata pelajaran Perniagaan. Sekiranya pelajar berasa seronok dengan aktiviti PdP yang dilaksanakan, maka keseimbangan antara pengetahuan, kemahiran dan sikap akan wujud dalam kalangan pelajar.

5.4 Implikasi Kajian

Kajian penilaian ini membantu dari aspek sumbangan kurikulum mata pelajaran Perniagaan sekolah menengah. Aspek-aspek penilaian konteks, input dan proses saling menyumbang ke arah penghasilan produk seperti mana yang diharapkan dalam matlamat dan objektif mata pelajaran Perniagaan. Justeru, dapatan dalam penilaian

kurikulum mata pelajaran Perniagaan sekolah menengah ini diharapkan dapat dijadikan panduan kepada semua penggubal dan pelaksana kurikulum ini bukan sahaja kepada mata pelajaran elektif Perniagaan tetapi juga kepada mata pelajaran yang lain bagi mencapai visi, misi, matlamat dan objektif yang telah ditetapkan. Sebagai kesimpulannya, kajian ini dapat memberikan implikasi berikut;

5.4.1 Implikasi Kurikulum

Kesesuaian kandungan kurikulum mata pelajaran Perniagaan berdasarkan matlamat dan objektif dalam DSKP menjadi asas dalam pelaksanaan kurikulum. Kandungan kurikulum yang dilaksanakan di peringkat sekolah perlu seiring dengan matlamat dan objektif seperti mana yang dihasratkan dalam DSKP Perniagaan. Matlamat kurikulum mata pelajaran Perniagaan adalah menyediakan pelajar dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam perniagaan ke arah menjadi pengguna yang bijak, pekerja dan pengusaha yang kompeten, berkeyakinan dan bersikap positif, beretika serta menjadi warganegara yang bertanggungjawab untuk kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Matlamat ini perlu dicapai melalui penyampaian kandungan mata pelajaran semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dalam satu tempoh yang ditetapkan. Objektif kurikulum mata pelajaran Perniagaan pula adalah meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan minat pelajar dalam bidang perniagaan, membangun idea dan membina kesediaan pelajar untuk memulakan perniagaan, membina kemahiran menganalisis dan menilai perubahan persekitaran terhadap organisasi perniagaan, membina kemahiran kebolehkeraan dan kreativiti pelajar dalam bidang perniagaan dan menerapkan kesedaran khidmat masyarakat dan nilai murni dalam menjalankan perniagaan. Secara dasarnya, dapatan kajian ini mendapati kurikulum yang dilaksanakan ini dapat mempersiapkan pelajar untuk memulakan perniagaan dan

dijadikan sebagai peluang kerjaya apabila mereka menamatkan alam persekolahan kelak.

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa penilaian ke atas input dan proses juga berada pada tahap yang baik. Penemuan kajian membuktikan bahawa kesediaan pelajar, kualiti guru dan peranan pentadbir amat penting dalam merealisasikan hasrat dalam kurikulum mata pelajaran Perniagaan. Kajian ini juga boleh membantu para pendidik dalam kalangan guru-guru di peringkat sekolah untuk meningkatkan lagi serta mempelbagaikan teknik pengajaran dan pembelajaran abad ke 21 di dalam kelas bagi memaksimumkan kemenjadian pelajar seperti mana yang diharapkan. Dapatan ini juga memberi petunjuk kepada pihak berkepentingan bahawa kesediaan pelajar untuk memulakan sesi pembelajaran bermakna adalah penting supaya proses pelaksanaannya berjalan dengan lancar dan lebih baik.


Kajian ini telah menyumbang kepada bidang mata pelajaran Perniagaan berkaitan dengan penilaian kurikulum mata pelajaran yang berkualiti. Pelajar merupakan ejen perubahan atau pelapis yang akan menjadi khalifah untuk mentadbir negara setelah pada masa akan datang. Kurikulum ini berperanan mempersiapkan mereka dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk memulakan perniagaan agar menjadi seorang pekerja atau pengusaha yang kompeten, berkeyakinan, bersikap positif, beretika dan bertanggungjawab terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara. Sekiranya kurikulum ini dilaksanakan mengikut hala tuju dalam visi, misi dan objektifnya, maka terlahirlah modal insan yang akan memanfaatkan ilmu dalam bidang perniagaan dengan sebaik-baiknya.

5.4.2 Implikasi Teoritikal

Kajian ini dilaksanakan berpandukan Model Penilaian CIPP sebagai pelan atau tunjang kajian. Hasil dapatan dalam kajian ini memberi implikasi kepada model sedia ada. Dapatan kajian memaparkan empat elemen utama telah memberi sumbangan yang besar kepada kajian penilaian kurikulum berdasarkan Rajah 5.1. Model penilaian ini dibina berdasarkan dapatan kajian ini yang boleh dijadikan sebagai petunjuk terutama kepada penilai kurikulum, penilai program, pentadbir dan guru. Berdasarkan model ini, untuk melaksanakan penilaian kurikulum atau program secara menyeluruh dan berkesan, terdapat empat elemen yang perlu dinilai dalam pelaksanaan sesebuah program iaitu kesesuaian kandungan mata pelajaran berdasarkan matlamat dan objektif bagi elemen konteks, kesediaan guru, kesediaan pelajar dan peranan pentadbir sebagai elemen input, proses PdP, PBD dan pelaksanaan kerja kursus dinilai di bawah elemen proses dan penguasaan pengetahuan, kemahiran dan perubahan sikap di bawah elemen produk.

Rajah 5.2

Model Penilaian Kurikulum Mata Pelajaran Perniagaan



Model penilaian kurikulum ini boleh dijadikan panduan kepada perancang, pelaksana dan penilai kurikulum untuk merangka sesuatu program dengan mengambil kira keempat-empat aspek yang merupakan set dimensi yang lengkap bagi pelaksanaan sesebuah kurikulum atau program bermula dengan menetapkan matlamat dan objektif diikuti dengan menyediakan sumber yang menyokong pelaksanaan kurikulum dan seterusnya melaksanakan tindakan serta akhir sekali menilai keberkesanan. Hasil dapatan perlu dilaporkan dan memberikan maklum balas tentang tahap penilaian kurikulum atau program.

5.4.3 Implikasi Amalan

Dapatan kajian dapat memberikan jawapan secara menyeluruh kepada semua pemegang taruh yang terlibat dalam pelaksanaan kurikulum mata pelajaran Perniagaan meliputi pentadbir, guru dan pelajar dalam usaha untuk membuat penambahbaikan bagi meningkatkan kemenjadian pelajar dalam mata pelajaran ini. Semua kelemahan yang didapati dalam kajian ini dapat diambil tindakan penambahbaikan termasuklah dari aspek kesediaan guru, kesediaan pelajar dan peranan pentadbir sekolah. Berikut merupakan cadangan langkah-langkah penambahbaikan yang boleh dilakukan demi memastikan kurikulum mata pelajaran Perniagaan yang sedang berjalan di sekolah menengah dapat mencapai matlamat dan objektif seperti yang diharapkan.

- i) Pengajaran dan pembelajaran (PdP)
 - Memaksimumkan pembelajaran abad ke 21 dalam sesi PdP melalui pembelajaran secara kolaboratif, pembelajaran berasaskan masalah dan penggunaan TMK bagi mewujudkan pembelajaran interaktif.

- Membudayakan KBAT untuk merangsang kemahiran berfikir secara kritis. Budaya KBAT dalam mata pelajaran Perniagaan boleh dipraktikkan dengan pembelajaran berkaitan kajian kes dalam perniagaan.
- Menggalakkan aktiviti bersifat hands-on terutama melibatkan objektif pembelajaran yang memerlukan aktiviti praktikal. Aktiviti membangunkan perniagaan berskala kecil seperti program Hari atau Minggu Keusahawanan adalah digalakkan sekurang-kurangnya sekali setahun semasa pelajar di tingkatan empat dan lima.
- Meningkatkan kemahiran guru seiring dengan keperluan PdP abad ke 21

ii) Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

- Membangunkan modul-modul PBD khusus bagi setiap tingkatan bagi membolehkan pentaksiran ini berjalan dengan lancar tanpa membebankan guru mata pelajaran. Ahli panitia dicadangkan mewujudkan pembahagian tugas bagi penyediaan soalan atau tajuk yang diuji dan diselaraskan penggunaannya dalam kalangan panitia.
